

ASAL
USUL
ADAT
RESAM
MELAYU

H.M. SIDIN

ASAL USUL 'ADAT RESAM MELAYU

oleh
H. M. SIDIN



1964

杨贵谊珍藏
Koleksi Yang Quee Yee

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA
KUALA LUMPUR.

KANDONGAN-NYA

Muka

1.	Pendahuluan Pēnērbīt	1
2.	Asal 'adat rēsam Mēlayu	6
3.	'Adat sa-bēnar 'adat	8
4.	Larangan 'adat	11
5.	Bērumah-tangga	14
6.	Kēsēnian jahit mēnjahit	16
7.	Pēratoran bērumah tangga	19
8.	'Adat bērjiran	22
9.	Pakaian anak dara	24
10.	Mēnchari bakal mēnantu	31
11.	Mēnghantar tanda mēminang	37
12.	'Akad nikah	42
13.	Mas-kahwin	45
14.	Peralatan hari langsung	48
15.	Bērusah gigi bērandam dan bērlangir	50
16.	'Adat bērinai	54
17.	Bērarak dan bērsanding	59
18.	Makan nasi suap-suapan	62
19.	'Adat bunga tēlor	65
20.	Makan nasi adab-adab	69
21.	Alat2 bunyian2 dan pērmmainan Mēlayu	71
22.	Malam bērsatu	73
23.	Mandi-mandi atau bērlimau	79
24.	Pancha pērsada	80
25.	Bērtandang atau mēnjelang	82
26.	'Adat mēminang dan kahwin janda	85
27.	Mēngandong dan pantang larang-nya	89
28.	Mēlenggang pērut dan mēnēmpah bidan	95
29.	'Adat bērsalin dan mēmotong pusat	99
30.	'Adat mēmbēlah mulut kanak2 (Bayi)	101
31.	'Adat tanggal pusat dan chuchi lantai	103
32.	'Adat lēpas pantang dan chukor rambut	108
33.	'Adat turun tanah	111
34.	Alat2 sēnjata Mēlayu	113
35.	'Adat bērtindek	115
36.	'Adat bērkhatam dan bērkhatan	119
37.	'Adat kēmatian	124
38.	Tamthil yang mēnjadi sharat hidup	127
39.	Alat2 mēnangkap ikan	129
40.	'Adat bērgotong-royong	132
41.	Bahasa raja atau bahasa dalam	139
42.	'Adat pērbahasaan mēnghadap raja	141
43.	Pērkataan yang patut di-ubah	143
44.	Pēratoran isti'adat pērkahwinan agong diraja	148
45.	Kēmahkotaan Sultan Sēlangor	148

ASAL 'ADAT RĒSAM MĒLAYU

Sa-sungguh-nya kĕbanyakan dari 'adat rĕsam Mĕlayu hari ini ada-lah di-ambil dari 'adat rĕsam yang di-bawa dari tanah Hindi (India). Dĕmikian mĕnurut sĕjarah yang di-tutorkan oleh orang2 tua dahulu.

Sĕjarah yang di-tutorkan itu di-pĕrkuatkan lagi dĕngan, konon-nya, pada zaman mĕreka ada-lah tiga orang Sĕri Maha Raja, ia-itu:

1. Sĕri Maha Raja Alif mĕmĕrentah di-bĕnua Rom.
2. Sĕri Maha Raja Dipang mĕmĕrentah di-bĕnua China, dan
3. Sĕri Maha Raja Diraja mĕmĕrentah di-gugusan Pulau2 Mĕlayu.

Di-chĕritakan sa-lanjut-nya bahawa dari Sĕri Maha Raja Diraja ini-lah kita mawarisi kĕbudayaan dan 'adat rĕsam-nya. Asal kĕturunan Sĕri Maha Raja Diraja ini ia-lah dari Indo-China. Maka itu-lah sĕbab-nya bĕntok badan dan warna kulit mĕreka sĕdĕrhana di-antara kulit orang China dan kulit orang Hindi.

Asal mula-nya, konon, mĕreka-lah yang mula-mula tahu alam dunia ini mĕmpunyai beribu-ribu buah pulau dan bĕnua. Sa-bĕlum itu sĕmua manusia hanya mĕngĕtahui tanah daratan yang ada di-sakĕliling mĕreka sahaja.

Maka oleh sĕbab pĕngalaman orang Mĕlayu pada masa

itu sudah tinggi dan lebih daripada orang2 yang lain-nya, maka datang-lah keinginan mereka hendak pergi berpindah ka-pulau2 yang sudah di-ketahui oleh mereka.

Kerana manusia2 yang lain belum luas lagi pengalamannya berkenaan dengan ilmu alam pada masa itu, saméntelahan pula untuk mengbarongi lautan yang dalam dan luas; tidak nampak tanah daratan sedikit jua pun, maka heran-lah mereka melihat sa-orang raja yang sangat berani melayari lautan yang sangat dalam dan luas itu. Sa-mungkin raja itu jauh belayar, sa-mungkin kecil-lah rupa kapal raja itu di-pandang oleh mereka hingga akhir-nya hilang kapal itu di-pandangan mereka. Maka datang-lah perasangkaan mereka bahawa raja itu sudah tenggelam masuk ka-dalam laut. Tambahan pula raja itu tidak balek lagi ka-negeri-nya. Itu-lah di-sangkakan-nya raja itu sudah masuk ka-dalam laut.

Di-dalam beberapa lama raja itu belayar maka sampailah ia di-sabuah pulau di-muara sa-buah sungai. Muara sungai ini-lah lalu di-namakan oleh baginda Muara Tatang, kerana muara ini-lah yang mula-mula sa-kali "menatang" kedatangan raja Melayu itu.

Kemudian mudek-lah baginda ka-hulu sungai Muara Tatang itu menchari suatu tempat yang boleh di-jadikan kota. Akhir-nya berjumpa-lah baginda dengan tanah yang elok dan subur. Tanah ini kemudian-nya di-namakan oleh baginda Tanah Andalas, kerana di-dapati oleh baginda di-situ banyak pohon2 Andalas yang baik. Dan akhir-nya pulau ini pun di-namakan oleh baginda Pulau Andalas, ia-itu negeri Palembang sekarang ini. Oleh pertukaran keadaan, nama pulau Andalas ini pun berubah menjadi Pulau Percha, ia-itu sa-telah pulau itu tenggelam ka-dasar laut hingga ka-lihatan sa-bagai Percha, kain terapong-apong sahaja sa-telah berlaku suatu gempa bumi yang dahshat sa-kali. Dan sa-telah pulau itu timbul sa-mula sa-kali lagi

bĕrubah nama-nya dĕngan nama Pulau Sumatĕra hingga sampai sĕkarang ini.

Sungai yang di-mudekki oleh raja itu langsung di-namo-kan pula Sungai Mĕlayu hingga-lah sĕkarang ini, kĕrana sungai itu-lah yang mĕnjadi pusat pĕrhubungan orang2 Mĕlayu antara satu pulau ka-satu pulau yang lain di-lapangan pĕrdagangan dan lain-lain lagi di-waktu itu.

Dari pĕnyiasatan ahli2 sĕjarah sa-tĕlah di-adakan pĕngkajian kĕmudian-nya di-dapati bahawa sĕjak zaman purbakala lagi, ia-itu kira-kira 1500 tahun sa-bĕlum Tarekh Masehi hingga abad yang kĕdua puluh ini, atau kira-kira 3500 tahun yang lalu, bangsa Mĕlayu ia-lah suatu bangsa yang tĕlah mempunyai kĕbudayaan yang bĕrsĕjarah.

Tuan Kern, umpama-nya, salah sa-orang di-antara ahli2 pĕnyĕlidek tĕntang sĕjarah kĕbudayaan Polynesia (bangsa Mĕlayu ada-lah pĕchahan dari sutau rumpun bangsa Polynesia!) pĕnah mĕngatakan bahawa bangsa Mĕlayu Polynesia sa-bĕlum di-datangi oleh bangsa Hindu pada pĕrmulaan tahun Masehi, sa-bĕnar-nya, telah mĕmpunyai tamaddun, Mĕreka tĕlah tahu tĕntang ilmu pĕlayaran, ilmu bintang, mĕngĕrjakan sawah ladang, mĕnangkap ikan, mĕmbuat pĕrahu2 bĕsar, bĕrtukang bĕsi dll.

Tĕntang asal-usul bangsa Mĕlayu hampir sĕluruh ahli2 sĕjarah yang tĕlah mĕmbuat pĕngkajian dan pĕnyĕlidekan-nya sa-chara ilmiah dari bĕrbagai2 sĕgi mĕngatakan, bahawa asal-usul bangsa Mĕlayu ada-lah dari bĕnua Asia, yang bĕrpindah dari suatu tĕmpat ka-suatu tĕmpat yang lain mĕlalui Sumatĕra, kĕmudian ka-Sĕmĕnanjong Tanah Mĕlayu, ka-Jawa dan tĕrus ka-Bali, Lombok dan Sumbawa. Dari Jawa juga ka-Kalimantan tĕrus ka-Sulawesi, Pilipina dan ka-sĕluruh Asia Tĕnggara dan hampir ka-bĕnua Amerika Sĕlatan; dari Pulau Formosa di-sabĕlah Utara sampai ka-New Zealand di-sabĕlah Sĕlatan.

Itu-lah bukti2 sĕjarah mula pucha-nya orang2 Mĕlayu

mĕnjadi bĕrkĕmbang biak hingga-lah hari ini. Dan dari sini-lah juga pucha 'adat rĕsam Mĕlayu tulen itu mula mĕndapat tempat dan bĕrkĕmbang sa-hingga hari ini.

Dan antara 'adat rĕsam itu yang maseh di-pakai lagi oleh orang2 Mĕlayu sa-hingga hari ini ia-lah sa-waktu iĕndak mĕngadakan upachara2 kĕ-ugamaan, nikah kahwin dan lain2 lagi yang mĕnjadi sĕndi2 hidup bĕrmasharakat.

Di-dalam upachara kĕ-ugamaan, umpama-nya "sembahyang", atau yang ada kaitan-nya dĕngan ugama sapĕrti: "shurga" dan lain2-nya.

Ma'ana "sembahyang" yang di-katakan oleh orang2 tua dahulu ia-lah mĕnyĕmbah Dewa Yang Maha Mulia Raya.

Pĕrkataan "yang" yang di-maksudkan-nya itu ia-lah "Sang Yang" ia-itu "Dewa" bukan-nya "Tuhan".

Tĕntang pĕrkataan "shurga" dan "nĕraka" itu in' payah-lah di-tĕrangkan lagi di-sini, kĕrana ahli2 bahasa sudah mu'tamad tahu bahawa asal pĕrkataan itu memang dari bahasa Sanskerit.

Bagitu juga pembakaran "kĕmiyan" yang sĕlalu di-gunakan oleh orang2 Mĕlayu hingga sampai sĕkarang ini di-dalam upachara2 pĕnyĕmahan dan kĕnduri-kĕndara, adalah di-maksudkan supaya asap dari pembakaran "kĕmiyan" itu naik sampai kapada "Sang Yang" yang di-sĕmbah oleh mĕreka pada masa itu.

Asal pĕrkataan "kĕmiyan" itu ia-lah di-rengkaskan dari pĕrkataan "kĕmĕyangan". Pĕrkataan "bĕryang-yang" itu pun hĕrma'ana mĕnyĕru "Sang Yang" itu juga.

Tĕtapi sa-tĕlah kĕdatangan ugama Islam, sĕgala upachara2 kĕugamaan itu dan adat rĕsam bangsa Mĕlayu pun turut mĕngalami pĕrubahan-nya sa-tĕlah dato' nenek kita itu bĕrtukar ugama kapada ugama Islam; dan bĕrubah-lah i'tikad kĕpĕrchayaan dari kapada Dewa-Dewa Sang Yang kapada Tuhan Allah Subhanahu Wa Ta'ala, ia-itu

Tuhan yang tidak ada sêkutu-nya jua pun. Dan bérubahlah sêmbahyang tadi-nya yang di-tujukan kapada Dewa Sang Yang kapada sêmbahyang yang di-tujukan kapada Allah sakalian alam.

Téntang kèpèrchayaan "untong baik" dan "untong jahat" daripada Tuhan itu pun dèngan sèndiri-nya tēlah mēndapat pèrubahan dalam chara mēngitakadkan-nya akan kēdua kèpèrchayaan itu. Sèbab itu-lah di-reka-nya satu pèrkataan ia-itu "Hantu" untuk mēnjadi lawan di-antara satu dan lain-nya. Maka jadi-lah:

"Untong baik" itu datang-nya daripada Tuhan, dan

"Untong jahat" itu datang-nya daripada Hantu.

Bagitu-lah pèri kēhalusan pèradaban, adat rèsam mēreka pada zaman yang tēlah lalu!

'ADAT SA-BĒNAR 'ADAT

Ada pun yang di-katakan 'adat oleh orang2 tua itu sa-bĒnar-nya, ia-lah suatu kĒbiasaan dari suatu pĒrbuatan yang di-ulang2 dan yang tĒlah di-tĒrima oleh masharakat sa-bagai suatu pĒratoran hidup yang mĒsti di-patohi. Atau 'adat itu ia-lah:

**BĒrlukis bĒrlembaga
bĒrturas bĒrtauladan
bĒrsĒsap bĒrjĒrami
bĒrtunggul bĒrpĒmarasan.**

Dan 'adat itu terbahagi pula kapada tiga bahagian:

- (a) 'Adat sa-bĒnar 'adat.
- (b) 'Adat di-pĒr'adat2; dan
- (c) 'Adat di-buat2.

MĒnurut pĒngĒrtian di-atas bahawa "adat sa-bĒnar 'adat" itu ia-lah:

**LĒmbaga bĒrlĒngkongan
undang bĒrkĒlantasan,**

yang bĒrĒrti: bĒrnĒgara dan bĒrkĒrajaan sĒndiri; bĒr'adat dan bĒrlĒmbaga sĒndiri; bĒrundang2 kĒ'adilan dan bĒr-kĒbangsaan sĒndiri. bĒrugama dan bĒrkĒbudayaan sĒndiri, dan lain2.

Itu-lah 'adat sa-bĒnar 'adat yang tidak harus tĒtap kapada satu2 kĒadaan dan kaedah sahaja. Ia mahu-lah mĒnurut pĒrubahan zaman:

Sumbing-sumbing di-titek

**patah-patah di-kimpal
rimbun-rimbun di-tutoh
burok-burok di-baharui.**

Dan yang di-katakan "adat di-pêr'adat2" itu ia-lah 'adat tiru-tiruan; 'adat yang tidak tentu hujung pangkal-nya; dan 'adat yang tidak tahu usul-asal-nya.

Bagitu-lah juga dêngan apa yang di-katakan "'adat di-pêr'adat2" itu ia-lah suatu 'adat yang di-buat2 dêngan rekaan sêndiri.

Oleh hal yang dêmikian, 'adat2 yang kêdua dan kêtiga itu jêlas-lah bukan suatu 'adat sa-bênar 'adat yang dapat di-pêrtahankan sa-bagai suatu 'adat:

**yang ta' lapok dek hujan
yang ta' lékang dek panas;**

atau:

**biar mati anak
jangan mati 'adat.**

Kêrana apa yang di-maksukan biar mati anak, jangan mati 'adat; ia-lah "'adat sa-bênar 'adat": 'adat mêmpeertahankan kêdaulatan nêgara, 'adat mêmpeertahankan kêrajaan sêndiri yang bêrperlêmbagaan dan 'adil, 'adat dalam mêmpeertahankan ugama kita yang maba suchi dan lain2 lagi.

Dêmikian-lah baharu dapat di-katakan:

**'adat di-isi
lêmbaga di-tuang;
'adat bêsêndi hukum
hukum bêsêndi kitabullah.**

Mudah-mudahan di-dalam bab2 yang akan di-huraikan sêrba ringkas di-dalam buku kêchil ini akan dapat mênolong diri kita sêndiri dalam usaha mêngênali dan mêmpeertahankan mana satu 'adat yang sa-bênar 'adat; dan mana satu 'adat yang di-pêr'adat2; dan mana satu pula 'adat yang di-buat2!

LARANGAN 'ADAT

Ada pun yang di-katakan "larangan 'adat" itu ia-lah suatu kēpērchayaan yang mēliputi dari sējak manusia itu di-lahirkan hingga-lah ia dewasa dan bērakhir ka-liang lahad. Tētapi sa-bahagian bēsar dari larangan 'adat itu ada-lah bērsifat takhyul sa-mata-mata dan sadikit sa-kali yang di-dasarkan kapada kēpērchayaan ugama yang di-anut-nya.

Oleh yang dēmikian, banyak-lah larangan-larangan 'adat itu kini tēlah banyak yang tidak tērpakai lagi, tērutama di-kalangan orang² yang tērpēlajar atau oleh pērkēmbangan fikiran manusia hari ini yang tidak mudah mēnērima sa-suatu pērkara yang di-anggap-nya takhyul itu dēngan hati yang tērbuka bagitu sahaja.

Bagaimana pun di-dalam kētērangan yang singkat ini, tidak-lah kita bērmaksud untok mēnghuraikan atau mēngkaji soal larangan 'adat ini dari bērbagai² sēgi dan sudut di-dalam buku kēchil ini, kērana soal larangan 'adat itu sēndiri dapat di-bicharakan di-dalam sa-buah buku yang tērsēndiri; yang khusus mēngēnai-nya.

Dan di-dalam bab ini kita hanya akan mēnērangkan sadikit dari larangan 'adat itu tēntang pērkara "sumbang", ia-itu larangan 'adat yang di-dasarkan kapada kēpērchayaan kēugamaan sahaja. "Sumbang" yang di-maksudkan di-sini

ia-lah. sumbang pĕrkataan, sumbang kĕdudukan, sumbang pĕrjalanan, sumbang pĕrbuatan dan sumbang kĕdamaian.

Pĕrtama, sangat-lah di-larang bagi sa-saorang bĕrchukap dĕngan bĕrbisek-bisek sahaja dĕngan sa-orang yang lain di-hadapan khalayak ramai atau di-dalam sa-suatu pĕrtĕmuan, kĕrana dĕngan itu mungkin akan mĕnimbulkan pĕrasaan shak wasangka atau burok sangka di-antara sa-orang dĕngan sa-orang yang lain, sĕbab umpat-mĕngumpat ada-lah sangat di-tĕgah di-dalam hukum ugama; dan kira-nya ada sa-suatu pĕrkara yang di-mushkilkan hĕndak-lah di-tĕrangkan di-situ juga dan minta pĕnjĕlasan-nya dan sa-bagai-nya. Ini-lah yang di-katakan: sumbang pĕrkataan.

Kĕdua, sangat-lah di-larang di-antara sa-orang laki-laki dĕngan sa-orang pĕrĕmpuan yang bukan muhrim-nya bĕrgurau sĕnda atau bĕrlĕbeh? lagi dudok bĕrdua-duaan sahaja pada tĕmpat-tĕmpat yang sunyi atau yang tĕrlindung dari pĕmandangan mata orang ramai; malah pada tĕmpat-tĕmpat yang tĕrbuka sa-kali pun, kĕrana pĕrbuatan yang dĕmikian ada-lah di-anggap mĕlanggar larangan 'adat: sumbang kĕdudukan.

Kĕtiga, yang di-katakan sumbang pĕrjalanan itu ia-lah bĕrjalan bĕrdua-duaan di-antara laki-laki dĕngan pĕrĕmpuan yang bukan muhrim-nya pada tĕmpat-tĕmpat yang lĕngang atau di-tĕmpat-tĕmpat yang tĕrsĕmbunyi, kĕrana dĕngan pĕrbuatan yang dĕmikian di-khuatiri padah-nya akan mĕnimpa bukan sahaja kapada diri-nya sahaja, tĕtapi juga kapada kaum keluarga-nya; dan pĕrjalanan? lain yang boleh mĕndatangkan ma'asiat—ka-tĕmpat-tĕmpat pĕlachoran umpama-nya.

Kĕempat, sangat-lah di-larang kĕras—walau suami istĕri sa-kali pun—mĕlakukan pĕrbuatan yang tidak sĕnooh: bĕrpĕlok chium dan sa-bagai-nya di-hadapan orang ramai, kĕrana dĕngan dĕmikian bukan sahaja di-pandang tidak manis oleh masharakat, malah boleh di-anggap sa-bagai

ménjatohkan maruah diri sendiri dan ménjatohkan mértabat ugama-nya sendiri. Pérbuatan yang démikian ada-lah sumbang pérbuatan nama-nya.

Kélima, sumbang-lah jadi-nya apabila sa-orang bapa atau saudara laki-laki dudok sa-rumah bérdua-duaan sahaja déngan anak atau anak tiri dan saudara pérempuan yang sudah ménjadi anak gadis (dara) atau janda. Atau lébeh-lébeh lagi sa-orang laki-laki yang bukan muhrim-nya dudok sa-rumah déngan sa-orang pérempuan lain tanpa nikah terlébeh dahulu, yang menurut istilah-nya, "pérempuan simpanan-nya". Bagitu juga pérgi bértamu ka-rumah sa-orang kawan yang télah mémpunyai istèri, sédang kawan itu sendiri tidak ada di-rumah. Ini-lah yang di-katakan: sumbang pérbuatan; di-laranag oleh adat, salah pada hukum dan burok pada pémandangan orang.

BÉRUMAH-TANGGA

Ada pun "berumah-tangga" yang di-maksudkan di-sini ialah mēnunjukkan peri bagaimana pēratoran, kēadaan dan pērsatuan antara suami dan istēri di-dalam sa-buah rumah-tangga yang tēlah di-bena-nya dēngan sēgala pēratoran 'adat isti'adat dan do'a restu dari kēdua ibu bapa dan sahabat handai.

Oleh sēbab pērkahwinan itu ada-lah satu mas'alah yang tēramat pēnting di-dalam kēhidupan manusia, di-mana kēdua orang suami istēri itu mēnjadi satu jasmani dan rohani-nya, fikiran dan budi-pēkērti-nya, maka patut-lah sa-kali di-dalam bab ini di-huraikan sadikit dari sēgi2 'adat rēsam Mēlayu.

Pērkahwinan ada-lah suatu pērubohan dalam hidup sa-sorang manusia, walau pun tidak dēngan sērta mērta, tētapi pasti akan di-lalui oleh tiap-tiap sa-orang manusia yang hidup dan yang bērkēmampuan jasmani dan rohani-nya. Tētapi bētapa akan kēchewa-nya sa-sabuah rumah-tangga itu, kira-nya, pērkahwinan itu di-pandang sa-bagai suatu pēristiva "untong-untongan" sahaja, atau di-pandang sa-bagai suatu hak atau suatu kēwajiban hidup sa-mata-mata.

Kērana itu, di-dalam 'adat rēsam Mēlayu, pērkahwinan atau pērsatuan antara suami dan istēri di-dalam sa-buah rumah-tangga itu di-pandang bukan-lah kērana maksud untok pēmuasan hawa-nafsu sahaja atau untok mēnyambong

keturunan, tetapi dianggap sa-bagai suatu tanda kesungguhan ketinggian dan kemuliaan perhubungan sa-orang dengan sa-orang yang berlainan jenis itu dalam cinta kasih yang sa-jati. Mereka perlu sa-kali menjadikan rumah-tangga-nya itu sa-bagai sa-buah negeri kecil yang wajib ditadbirkan dengan sempurna dan bijaksana.

**Istèri sa-pèrentah laki
anak sa-pèrentah ibu**

Demikian pepatah orang tua-tua kita berhubung dengan pèratoran hidup berumah-tangga ini.

Sa-sungguh-nya di-sini-lah terletaknya kewajiban dan tanggungjawab yang rapat sa-kali perhubungan-nya dengan kehalusan budi-pékerti sa-bagaimana yang telah di-atorkan di-dalam 'adat resam Melayu. Dengan sebab itu jadi-lah dengan sendiri-nya jawatan mereka suami dan istèri itu di-dalam rumah-tangga-nya: suami sa-bagai pèmentah yang tertinggi (raja) dan istèri sa-bagai setiausaha dan menterì, sa-lain berjawatan tetap sa-bagai suri-rumah-tangga.

Pendek kata hendak-lah di-antara suami dan istèri itu mesti saling hormat menghormati dan harga menghargai dengan kasih sayang yang sa-sungguh-nya.

Sa-bagai suri-rumah-tangga, sa-saorang istèri ada-lah di-kèhendakki menjaga kechantehan diri-nya untuk suami-nya dan menjaga kechantehan (kebèrsehan) rumah-tangga-nya. Kèchantehan diri yang di-maksudkan di-sini ia-lah tentang adab-tèrtib-nya, budi-bahasa-nya, sopan-santun-nya, amanah, setia, lurus hati; bahkan apa jua yang boleh menarek hati suami-nya dengan penuh rasa kasih sayang kepada-nya hingga si-suami tidak akan dapat berlaku serong atau menduakan-nya; sa-lain daripada menghias rumah-nya sa-tiap waktu.

Apa yang di-katakan sa-bagai menterì sa-orang istèri itu ia-lah kerana kedudukan-nya sa-bagai penasihat kepada suami-nya, dengan tutur bahasa yang lemah lembut sesuai

dengan jenis-nya, kira-nya si-suami itu di-dapati telah melakukan sa-suatu perbuatan yang merugikan atau tidak menguntungkan rumah-tangga yang telah di-bena-nya bersama-sama, kerana:

“Sa-pandai-pandai si-pénjala jikalau memakai keruntong bobov—‘alamat makan tidak berlauk”.

Itu-lah amanah dari ‘adat resam Melayu berhubung dengan peratoran berumah-tangga di-dalam pergaulan hidupnya sa-hari-hari.

Sa-bagai setiausaha, sa-orang isteri itu ada-lah di-wajibkan bukan sahaja menjaga kebersihan rumah-tangga-nya, tetapi di-wajibkan juga menjaga, memelihara dan mendidik anak2-nya tentang kebersihan dan kesehatan, adab sopan dan peri perbualan apa-apa yang patut dan harus diketahui dan di-amalkan oleh anak2-nya, demi kehidupan masa hadapan anak2 itu, jasmani dan rohani-nya, supaya tidak-lah anak2 itu sia-sia dan memberatkan kehidupan masyarakat-nya di-belakang hari.

Dan tidak-lah berlebih-belan kalau kita katakan juga di-sini bahawa isteri yang tadi-nya bersifat sa-bagai setiausaha telah berubah pula kedudukan-nya sa-bagai guru; guru yang pertama sa-kali dalam mengajar anak2-nya mengenali hidup dan dunia-nya, hingga lahir-lah kata-kata pujangga bahawa “tangan yang lemah lembut yang mengayunkan buaian itu-lah yang akan menyelamatkan atau menggonchangkan dunia”.

Demikian besar-nya pengaruh sa-orang isteri terhadap kehidupan suami-nya dan kebahagiaan rumah-tangga-nya, tetapi sangat-lah di-tengah oleh ‘adat resam Melayu sa-orang isteri itu chuba menguasai dan memerintah suami-nya.

Demikian pula gurindam yang berhudong dengan peratoran hidup berumah-tangga ini akan menguatkan lagi dengan jelas-nya kepada kita bagaimana halus-nya perasaan orang2 Melayu pada zaman dahulu:

Istēri chantek pērmainan mata,
istēri budiman tajok mahkota,
Pērēmpuan bagus suntingan dunia,
pērēmpuan bēriman sangat mulia,
Suami tēmpat istēri bērgantong,
kapada-nya di-sērahkan nasib dan untong,
Jikalau suami hati ta' lurus,
istēri kelak mēnjadi kurus.

KĒSĒNIAN JAHIT MĒNJAHIT

Kēhalusan bukan sahaja tērdapat dalam 'adat sopan-santun di-dalam kēhidupan bangsa Mēlayu, tētapi tērdapat juga di-dalam sēgala kērajinan tangan-nya. Di-dalam gambar ini dapat di-lihat:

1. Tēkatan kēpala bantal pēlok;
2. Kain tēlēpok;
3. Tēkatan sēlipar bēnang ēmas;
4. Tēkatan kēpala bantal;
5. Tēkatan sēlipar bunga manek;
6. Bērmacham² tēkatan bēnang ēmas pada kain baldi;
7. Tēlēpok ayer ēmas; dan
8. Pērhiasan katil pēnganten.



PÉRATORAN BĒRUMAH-TANGGA*

Sa-bagaimana dĕngan kĕadaan di-sisi lain2 bangsa, maka dĕmikian-lah juga dĕngan bangsa Mĕlayu, bahawa ada-nya anak-anak di-dalam sa-buah rumah-tangga sangat-lah perlu. Akan tiada sĕmpurana-lah kĕbahagiaan hidup suami-isteri itu; akan sĕntiasa kĕchurigaan hati si-suami, kira-nya di-dalam sa-buah rumah-tangga itu tidak ada anak-anak, biar pun hidup suami-isteri itu pĕnoh dĕngan sĕrba kamewahan tĕtapi jiwa-nya pĕnoh dĕngan kĕkosongan, tiada tĕrtentu tujuan hidup-nya di-masa hadapan, tiada pĕngikat kaseh dalam pĕrhubungan. Dĕmikian pantun:

*Adat hidup suami isteri
beranak pinak pĕngikat kaseh
rukun muafakat boleh di-chari
anak tiada puncia sĕliseh.

Ada-nya anak yang pĕrtama di-dalam kĕhidupan sa-pasang suami-isteri di-dalam sa-buah rumah-tangga itu dĕngan sendiri-nya tĕlah mĕmbawa pĕrubahan dalam sĕluroh kĕhidupan suami-isteri itu sĕndiri dalam chara bĕrfikir-nya, tanggung-jawab-nya pĕrbĕlanjaan hidup sa-hari2-nya, kaseh sayang antara mĕreka dan dalam hubungan kĕ-kĕluargaan. Dan yang tĕntu sa-kali mĕreka tĕntu-lah tidak akan dapat sa-bebas dahulu lagi dalam sĕgala langkah-nya.

Tetapi bagaimana pun, kedatangan sa-orang anak itu di-dalam sa-buah rumah-tangga nyata-lah membawa kebahagiaan yang lebih besar lagi dalam hubungan kasih sayang mereka dan harapan hidup-nya di-masa hadapan.

Sa-sungguh-nya kewajiban dan tanggung-jawab suami-isteri itu terhadap anak-anak mereka ada-lah besar sa-kali. Anak-anak itu harus-lah di-pelihara dan di-didik dengan sa-sempurna-nya pribadi dan akhlak-nya untuk memikul tanggung-jawab hidup-nya sendiri di-masa hadapan, sesuai dengan kemajuan? perkembangan masyarakat sa-keliling-nya, dan peradaban manusia pada umum-nya. Ibu-bapa wajib mengorbankan diri di-mana perlu demi untuk keselamatan dan kebahagiaan anak-anak-nya di-masa hadapan. Sudah lazim di-dalam masyarakat apa bangsa pun soal anak ada-lah mendapat perhatian yang utama. Maka demikian-lah juga di-dalam 'adat resam Melayu:

**Hidup di-kandung 'adat,
mati di-kandung tanah;
jikalau hidup tidak ber'adat,
macham kera di-beri tanah.**

Dalam susunan 'adat resam Melayu anak-anak laki-laki atau perempuan mesti-lah menghormati dan menta'ati ibu-bapa-nya, bahkan di-kehendakki supaya anak-anak itu meng'amalkan-nya dengan penuh ke-ikhlasan hati dan setia. Umpama-nya 'adat resam hormat menghormati di-dalam rumah-tangga, anak-anak ada-lah di-kehendakki apabila di-panggil oleh kedua ibu-bapa-nya, sa-belum ia menghadap kedua-nya, mereka hendak-lah meninggalkan segera segala pekerjaan yang sedang di-lakukannya, mematikan atau membuang terus rokok yang sedang di-hisap-nya, memakai songkok dan kemudian baharu-lah menghadap kedua ibu bapa-nya dengan penuh ketertipan duduk bersila atau bersimpoh (jika perempuan), atau jika di-kerusi, duduk sa-chara hormat dengan kedua kaki-nya hendak-lah di-

rapatkan. Begitu juga ketika terpaksa berjalan di-hadapan kedua ibu-bapa-nya, bahkan di-hadapan orang2 yang lebih tua daripada-nya hendaklah ia menundukkan diri-nya (badan-nya) sa-bagai tanda hormat dan meminta ma'af terlebih dahulu. Itu-lah sa-tengah daripada pendidikan peribadi di-dalam 'adat resam Melayu.

Dan jika kita periksa sa-mula di-dalam "larangan 'adat" atau "pantang larang" 'adat resam Melayu, banyak benar-lah yang lebih mengenai orang2 muda, istimewa anak-anak, walau pun di-dalam "larangan" itu terdapat lebih banyak yang bersifat takhyul sa-mata2. Tetapi nyata-lah bagaimana besar-nya perhatian orang2 tua kita dahulu dalam memelihara dan mendidik anak-anak-nya:

"Sayang di-anak di-lêchuti, sayang di-nêgêri di-tinggal-kan", demikian peribahasa Melayu.

* Bab ini ada-ah tambahan dari penyunting buku ini.

'ADAT BÉRJIRAN

Belum-lah sempurna hidup sa-buah rumah-tangga itu jika ia hidup terpencil atau chuba mengasingkan diri dari jiran-jiran-nya, ya'ani orang2 yang tinggal di-sabélah menyabélah rumah-nya.

Di-dalam përatoran 'adat resam Melayu 'adat bërïran ada-lah bërerti suatu përatoran hidup kita bërdekat-dékatan rumah yang mana:

**Hari baik-bulan baik ziarah mënziarahi
khënduri-këndara bërtolong-tolongan
sakit-sënanng lihat-melihat
susah-sukar bërtolong-bantu.**

Kërana itu-lah 'adat bërjiran ini mëndapat përhatian yang utama di-dalam 'adat resam Melayu bagi mënysun hidup sa-sabuah rumah-tangga itu, sa-lain dari sopan-santun, bërbusi bahasa sa-sama jiran yang di-këhëndakki.

Dëngan yang dëmikian, baik dïnihari, pagi atau pun pëtang, mahu pun di-tëngah malam buta, kira-nya bër laku sa-suatu hal, këmalangan dan sa-umpama-nya di-antara jiran sa-sama jiran, maka wajib-lah dari sëgi hukum 'adat ini kita sëgëra mëmberikan sëgala bantuan atau përtolongan yang tërupaya oleh kita dëngan sa-chara ikhlas dan bër-sopan-santun.

Tidak-lah boleh sa-saorang itu kërana mëmikirkan ia mëmpunyai sanak-saudara dan kaum këluarga yang ramai,

atau kerana kekayaan umpama-nya, ia harus memisahkan diri dari masyarakat (jiran²) sa-keliling-nya. Sebab dari segi hukum 'adat ini orang² tinggal sa-jiran ini-lah yang lebih tahu tentang burok baik kita dan sakit senang kita; dan jiran-jiran ini-lah juga yang akan memberikan segera segala pertolongan dan bantuan kira-nya berlaku sa-suatu hal kemalangan dan sa-bagai-nya sa-belum sanak saudaranya yang jauh-jauh tempat tinggal-nya memberikan pertolongan-nya.

Dengan sebab-sebab itu-lah di-'adatkan ia-itu apabila sa-sabuah rumah-tangga itu mendapat tahu jiran-nya sedang di-datangi oleh tetamu yang jauh-jauh, sanak saudaranya umpama-nya, yang belum kita kenali, maka hendaklah kita segera menziarahi bertanya khabar kesehatannya dan berkéjalan-kéjalan sa-bagai tanda kemesraan hidup kita sa-jiran.

Ada-lah di-kéhendaki oleh 'adat resam Melayu supaya kita di-antara jiran sa-sama jiran sentiasa di-dalam keadaan berbaik-baik sangka, saling hormat menghormati, menjauhkan diri dari perchekehokan kerana anak-anak yang kurang akal fikiran-nya, kéji-méngéji atau melakukan sa-suatu perbuatan yang boleh mérugikan képentingan hidup bersama. Membérikkan pertolongan segera yang terdaya oleh kita kepada jiran yang sedang kematian keluarga-nya, dan menyelamatkan si-mati hingga sampai selamat di-mandi, di-kapan dan di-kébumikan. Dan hendaklah juga membérik-héntikan permainan² hiburan sa-bagai tanda kita turut berdukachita sa-kurang²-nya sa-lama tujuh hari.

Bagitu juga kira-nya di-antara sa-sama jiran itu ada yang akan mengadakan khénduri-kéndara kerana membachado'a arwah, méngkhatankan atau méngahwinkan anak-anak-nya ada-lah di-'adatkan kita segera membérikkan segala bantuan dan pertolongan hingga segala kerja-kerja-nya berjaya.

Sa-waktu kita héndak ziarah ménziarahi ka-rumah jiran-jiran atau ka-témpat2 yang jauh-jauh sa-kali pun, kita héndak-lah mémakai pakaian yang sa-léngkap-nya, térmasuk-lah bérseongkok, bérchapal atau bérsépatu dan sa-bagai-nya. Dan sa-télah sampai ka-rumah yang di-tuju, kita héndak-lah ménguchapkan salam térlébeh dahulu. Dan tidak-lah boleh dari ségi hukum 'adat ini sa-bélum kita ménérima jawaban salam kita itu atau sa-bélum di-suroh naik tiba-tiba kita télah masok dahulu, apa lagi déngan tidak ménanggalkan chapal, sépatu atau kasut térlébeh dahulu di-tangga, ada-lah di-larang kérés oleh 'adat.

Ada-lah di-'adatkan juga kapada tuan rumah yang di-datangi oleh jiran-jiran-nya sa-bagai tanda pénghormatan dan kémésraan bérjiran itu mémberikan sa-kurang2-nya sa-chawan kopi atau teh untok minuman atau sa-kapor sireh kapada tétamu-nya itu.

Di-dalam pépatah 'adat di-dalam hidup bérjiran ini ia-lah:

**Elok bahasa bagi békal hidup
Elok budi bagi békal mati.**

PAKAIAN ANAK DARA

Mēnurut 'adat rēsam Bangsa Mēlayu, pakaian atau pērhiasan anak dara atau gadis rumaja ini di-bēdzakan dēngan pakaian atau pērhiasan dēngan pērēmpuan-pērēmpuan yang tēlah bērsuami atau janda.

Hiasan rambut.

Mēnurut 'adat rēsam ini anak dara tidak di-boleuhkan bērsiput dan bērsanggul lintang. Bagitu juga jika ia mēmakai rambut tērkirai dēngan tidak bērikat di-pangkalnya, kērana chara hiasan ini ada-lah di-khaskan bagi mēreka yang tēlah bērsuami sahaja.

Kēlaziman yang di-boleuhkan bagi anak-anak dara ia-lah bērtochang satu atau dua. Boleh juga mēreka bērsiput dan mēnggunakan sanggul dēngan sharat hēndak-lah mēreka bērtochang tērlēbeh dahulu, tētapi tidak-lah boleh sa-kali-kali mēlintangkan sanggul-nya itu.

Hiasan tēlinga.

Mēnurut 'adat rēsam ini bahawa hiasan bagi tēlinga-tēlinga anak dara ia-lah mēreka boleh mēmakai anting-anting yang bērbuahkan intan pērmata sahaja. Tētapi tidak boleh sa-kali-kali mēmakai kērabu, kērana pakaian ini (kērabu) ada-lah hiasan bagi pērēmpuan² yang mēnunjokkan ia sudah bēkahwin, atau pērēmpuan² yang sudah sa-paroh umur.

Bagaimana pun subang boleh-lah juga memakai-nya, kira-nya ia suka. Tetapi pada kelaziman-nya subang adalah di-khaskan bagi mereka yang sedang di-dalam pertunangan.

Hiasan tangan.

Dari adat resam ini tidak-lah ada tegahan bagi mereka hendak memakai apa gelang pun dan chinchin yang di-sukai-nya. Tetapi bagaimana pun harus-lah berhati-hati di-dalam memakai chinchin itu bagi membezakan antara yang sudah bertunang dan belum.

Pemakaian chinchin ini bagi anak-anak dara ia-lah di-jari manis atau jari kelingking sa-belah kiri; dan sangat di-larang oleh adat memakai-nya di-sabelah kanan. Kerana anak dara yang memakai di-jari manis sa-belah kanan adalah menunjukkan ia sudah bertunang.

Bagi anak-anak dara ini juga tidak-lah boleh memakai hinai, kerana memakai hinai juga menunjukkan ia sudah berkahwin.

Hiasan muka.

Anak dara boleh memakai bedak, tetapi tidak boleh bergincu bibir atau berendam, kerana perempuan-perempuan yang berendam itu menunjukkan ia sudah bersuami, dan yang bergincu bibir dan berendam itu menunjukkan ia ada-lah janda.

Hiasan gigi.

Tidak boleh anak dara berasesh gigi atau bersumbi gigi kerana anak dara yang sudah berasesh gigi atau yang berkemampuan bersumbi gigi ada-lah menunjukkan ia hampir akan berkahwin.

Panggilan anak dara.

Tidak-lah boleh sa-orang anak dara di-katakan sa-orang perempuan, melainkan hendak-lah di-katakan anak "gadis" atau "dara".

MENCHARI BAKAL MENANTU

Ada pun 'adat rĕsam orang Mĕlayu dalam mĕnchari bakal mĕnantu atau mĕncharikan jodoh pĕrtĕmuan anak-nya, pada 'adat-nya ada-lah di-uruskan oleh orang tua-tua ia-itu ibu-bapa itu sĕndiri. Untok mĕncharikan jodoh ini—pada kĕbiasaan-nya—akan bĕrunding dan bĕrmuafakat-lah antara ibu-bapa dĕngan sanak kĕluarga-nya yang kadim sa-tĕlah di-dapati-nya anak-nya itu layak sudah untok bĕristĕri.

Dan dari kĕbiasaan itu-lah lahir-nya pula 'adat mĕnilek atau mĕmandang bakal mĕnantu yang di-chari-nya itu di-antara anak2 dara yang di-kĕnali-nya dan yang tĕlah di-pĕrhatikan-nya sĕjak dari mula anak dara itu maseh gadis "sunti" lagi.

"Tilek pandang" atau "usul pĕreksa" di-dalam mĕmileh bakal mĕnantu ini ada-lah mĕliputi dari mĕlihat tuboh-badan si-anak dara itu sampai kapada paras rupa-nya, tingkah laku-nya, kĕbĕrsehan-nya, adab-tĕrtib-nya kapada orang tua2 dan bakal suami-nya, pĕlajaran-nya—tĕrutama pĕlajaran ugama-nya; khatam atau tidak-nya mĕngaji Kur'an dan sa-bagai-nya; dan akhir sa-kali kĕrajinan di-dalam urusan2 rumah-tangga-nya.

Di-dalam 'adat usul pĕreksa ini juga tidak kurang ibu-bapa yang mĕmĕgang tĕgeh kapada kata bidalan Mĕlayu:

Kalau hendak meminang anak: 'pinang-lah' ibu-bapa-nya dulu, yang bererti bahawa tabiat perangai ibu-bapa-nya dan adek-bèradek-nya juga perlu di-usul pèriksa atau di-susogalor terlebih dahulu.

Démikian-lah halus-nya pénélitian menurut 'adat resam Melayu dalam menchari bakal ménantu ini. Sa-telah itu baharu-lah di-wakikan hajat-nya itu kepada sanak saudaranya yang lebih tua yang di-hormati dan di-sègani, atau melalui orang2 yang chérdek pandai di-dalam kampung itu yang mahir bértingkah bahasa dan béradab sopan yang dipèrchayai-nya bértanya kepada pihak ibu-bapa anak dara yang hendak di-lamar-nya itu, sama ada bunga yang sedang kembang mekar di-dalam taman-nya itu telah di-sunting orang atau belum.

Di-dalam pèrtemuan ini-lah kira-nya wakil yang di-utus-nya itu benar2 sudah yakin bahawa kesimpulan sapanjang dari pèrbualan-nya itu yang tidak sa-chara langsung bahawa gadis atau anak dara yang hendak di-tanyakan-nya itu belum ada yang menyunting-nya, maka baharu-lah ia berani bèrchakap dengan méréndahkan diri-nya mèmperikan:

"..... Sa-bènar-nya, kami telah mènérina wakil daripada émak si-polan (sèbutkan nama anak muda yang akan di-lamar-nya itu!) yang sangat bèsar hajat-nya ingin hendak menyunting bunga yang sedang kembang mekar dan molek di-dalam taman ini yang harum-nya di-rasakan sagemap kampung kita (atau kalau bèrlainan kampung-nya hendak-lah sebutkan: yang harum bau-nya hingga mérébak sampai ka-kampung kami!).

"Maka ini-lah kami bèrharap, sa-kira-nya bunga maseh belum bèsunting: dan sudi pula kira-nya che' puan mènérina anak si-polan itu yang bèrnama polan bin polan menyunting bunga che' puan yang chantek dan harum itu untok suri-rumah-tangga-nya. Bagitu-lah bèsar harapan-

nya; dan bagitu-lah bĕsar pĕnghargaan-nya akan kĕsudian che' puan mĕnĕrima pĕrmintaan-nya itu".

Kalau mĕnurut 'adat pĕrpatĕh pula akan kĕdĕngaran-lah antara lain:

“.....
Ada pulak risek nan bĕrdĕsus
kilat nang mĕmanchar
duai nang mĕrangkak
gamit nang bĕrkĕchapi.
Hilang risek hilang dĕsus
lalu di-buat kata muafakat
kata ia tanda rupai
kami mĕngelek chinchin sa-bĕntok
chinchin tahuĭ, chinchin tanda tanya
.....”

Kĕmudian oleh ibu si-dara akan sĕgĕra-lah di-jawab-nya dĕngan tutor bahasa yang halus dan mĕrĕndahkan diri juga (suma uda lamaran itu akan di-tĕrima-nya atau di-tolak-nya!) akan kĕdĕngaran-lah sĕlalu-nya mĕnyambut:

“Sungguh pun bunga kami ini kami yang mĕnjaga-nya, tĕtapi kami ini ia-lah sa-kadar mĕnjaga pĕlihara sahaja, kĕrana yang punya hak kuasa dan yang bĕrtanggung-jawab ia-lah waris2-nya yang kadim. Dĕngan sĕbab itu-lah kami mĕngator harapan mĕminta tempoh dahulu dalam dua kali tujuh hari ini supaya dapat-lah kami dĕngan itu bĕrunding tĕrlĕbeh dulu dĕngan sanak saudara-nya yang kadim. Maka di-situ-lah baru dapat saya mĕmutuskan-nya kĕlak.

“Tĕntang diri saya sĕndiri: kurang lĕbar tapak tangan, nyiru saya tadahkan kĕrana kĕsudian tuan2 suka mĕmungut dan mĕnyunting bunga burok saya ini. Tĕtapi kĕrana ia di-kuasai oleh waris2-nya yang kadim maka tĕrpaksa-lah saya bĕrunding lĕbeh dulu kapada mĕreka itu.

“Insha Allah, manakala saya tĕlah dapat kĕbulatan kata sa-muafakat daripada mĕreka kĕlak boleh-lah saya bĕri

képutusan-nya kepada che' puan. Dan manakala sudah gēnap janji kita jēmput-lah che' puan datang sa-mula supaya dapat kita putuskan rundingan kita ini", jawab-nya dēngan sa-pēnoh kēhormatan.

Bagitu-lah juga dari 'adat pērpateh akan kēdēngaran-lah oleh kita antara lain:

"Di-gēnggam dek ēmak dēngan huapak
nang jauh di-jēmputkan
nang dēkat di-kumpongan
nang jauh dah datang
nang dēkat sudah tērkampong
maka chinchin pun di-buka
osu sa-kata kata di-balekkan
ta' osu sa-kata hēnda di-kēmbalikan
kini osu sa-kata timbal balek
lalu di-buat janji 'adat.
Apa-lah janji 'adat?
chēpat janji tiga hari
lewat janji tujuh hari
lain janji dua kali tujuh hari

....."

Bagitu-lah kēbalusan budi bahasa antara wakil yang di-utus dari pehak anak tēruna dēngan ibu si-dara. Sa-tēlah itu akan pulang-lah utusan itu mēnyampaikan sērtā mēnjēlaskan sēgala hal yang tēlah di-dapati-nya itu bagi pēngētahuan ibu-bapa dan anak tēruna yang di-lamarkan-nya itu.

Kēmudian sa-tēlah utusan itu pulang, maka bagi pehak ibu si-gadis itu pun mēlakukan juga 'adat tilek pandang atau usul pēreksa bakal mēnantu-nya itu—sa-kira-nya ia tidak dapat hēndak 'mēnyiasat' sēndiri kērana jauh atau kērana sēgan mungkin di-kētahui orang akan rahasia-nya hēndak 'mēnyiasat' itu; akan di-charinya-lah sa-orang wakil yang di-pērchayai-nya yang tidak kurang juga mahir-

nya di-dalam perkara ini bagi 'menyasat' akan bakal menantu-nya itu.

'Penyiasatan' ini pada ghalib-nya ada-lah sa-bagai berikut: pertama, tentang rupa orang muda itu dan umur-nya sama ada layak dan padan jadi bakal menantu-nya untuk pasangan hidup anak-nya; kedua, mata-pencarian hidupnya; ketiga, tingkah laku dan pe'il-nya; keempat, adab sopannya; kelima, budi bahasa-nya; keenam, pengajian atau pelajaran-nya dan yang ketujuh, keturunan-nya.

Dari penyiasatan itu kira-nya telah di-dapati hal yang tersebut atau pun sa-kurang2-nya telah di-dapati perkara2 yang boleh dan layak untuk di-jadikan menantu-nya, baharu-lah pula si-ibu itu membēri tahukan pula kepada anak-nya bahawa ia akan di-jodohkan dengan si-polan bin polan dan menerangkan serba ringkas segala hal yang di-dapatinya itu kepada anak-nya sambil memerhatikan segala perubahan ayer muka anak-nya itu; sama ada anak-nya itu bērsētuju atau pun tidak.

Sa-telah di-fikiran bahawa anak-nya bērsētuju dengan kehēndak dan maksud ibu-nya itu, maka baharu-lah akan di-rundingkan pula perkara ini kepada sanak saudara-nya yang kadim tadi bagi meminta nasehat dan persētujuan-nya. Manakala telah di-dapat kata putus dan bulat bahawa lamaran si-polan itu harus di-tērima, maka ia pun menunggu-lah hingga sampai tempoh yang telah di-janjikan-nya tempoh hari kepada utusan pehak pelamar-nya.

Kini sampai-lah sudah janji yang di-tunggu. Bēr-kumpul-lah sudah sanak-saudara yang kadim dan utusan dari pehak anak tēruna. Bēredar-lah sudah hidangan juadah 'ala kadar yang bērpadan majlis ketika itu (biasanya segala juadah yang di-hidangkan ketika itu bēndak-lah yang di-buat oleh anak gadis yang di-lamar itu sēodiri!), kemudian sēgara-lah bagi pehak pērēmpuan menerangkan kēputusan kata sa-muafakat yang telah di-dapat-nya dari

waris2-nya itu kepada utusan pehak lelaki dengan penoh sopan santun, tertib dan dengan kata yang lemak mains.

Sa-kira-nya kehendak itu berlaku, akan di-terangkan-lah:

"..... Tidak-lah kami duga, atau sudah takdir Tuhan kata sa-bulat dari muafakat waris2 yang kadim sama ber-setujuan menerima lamaran tuan menyunting bunga burok kami yang kerdil dalam segala2-nya. Kerana itu kami ada-lah menyampaikan sa-tinggi2 penghargaan kerana kesudian tuan menyunting dan memelihara-nya." Atau:

".....

Hukum tiada mengambat
'adat tiada menghalang
di-haruskan semenda-menyenda
maka tersemenda-lah saya di-sini
tempat nang lama mengadakan anak-pinak
tempat nang baru mengadakan ipar lamai
maka dek saya menerima-lah
itu pun jika osu sa-kata tempat semenda
jika osu sa-kata, kata saya balekkan
jika ta' osu sa-kata, chinchin saya balekkan.

Maka segera-lah di-hulorkan sa-bentuk chinchin dari utusan pehak lelaki sa-bagai tanda umum ("tanda umum" yang di-maksudkan oleh orang2 tua dahulu ia-lah 'tanda yang hanya di-ketahui oleh mereka sa-sama mereka dalam majlis itu sahaja!), dengan irangan kata:

"Kalau sudah demikian kata sa-muafakat, oleh takdir dengan kudrat, maka sampai-lah sudah hajat kami sekarang menyampaikan pula tanda rupa ibarat pepatah orang tua2: "kerbau di-tambat dengan tali, janji di-ikat dengan tanda!. Atau akan kedengaran juga bagini:

".....

Maka ini-lah saya membawa tanda rupa
ini saya membawa chinta bawaan

ini-lah kedatangan saya membawa chinchin.
Kemudian dalam janji:
sakit laki-laki lari pada perempuan
sakit perempuan lari pada laki-laki
chachat chida berkembalian
sawan gila luar janji
janji di-buat di-muliakan
dalam janji di-gaduhkan
sampai janji di-tèpati

.....
Maka sa-telah itu-lah baru di-rundingkan pula segala hal2 yang bersangkutan dengan 'adat2 yang lain-nya, umpamanya: berapa-kah mas-kahwin yang di-kehendakki, hantaran belanja hangus ('belanja hangus' yang di-maksudkan di-sini ia-lah hantaran belanja bagi persiapan pengantin dan peralatan nikah-kahwin-nya nanti, sa-lain dari wang mas-kahwin yang telah teruntok khas bagi pengantin itu sendiri!), apakah barang2 lain yang di-khendaki oleh pihak waris2 si-dara sa-waktu upacara penghantaran 'belanja hangus' dan wang mas-kahwin kelak, ada-kah masa menghantar belanja itu akan di-lansongkan terus 'akid nikah-nya sa-kali atau sa-kadar menghantar belanja sahaja; dan lain2 lagi yang perlu di-rundingkan pada masa itu.

Bagitu-lah peri kemas-nya 'adat resam yang di-jalankan oleh orang2 tua Melayu pada zaman yang telah lalu juga pada masa sekarang ini di-satengah2 tempat! Di-dalam 'adat menchari bakal menantu ini yang di-harapkan-nya dengan berbuat demikian akan berpanjangan-lah kasch sayang yang telah di-jalin-nya dengan penoh peratoran 'adat itu antara anak dan anak menantu-nya dan sanak saudara-nya yang lain hingga sampai-lah sarak-tembilang!

MENGHANTAR TANDA

Menurut isti'adat menghantar tanda dan/atau memi-
nang ini di-antara satu negeri dengan satu negeri yang lain;
malah di-antara satu kampung dengan satu kampung lain
yang berhampiran pun tidak ada kesaragaman yang dapat
benar2 kita jadikan panduan dalam usaha kita ini. Masing2
negeri masing2-lah 'adat-nya; masing2 kampung masing2-lah
chara-nya. Tetapi yang agak elok sedikit aturan-nya ringkas
dan sesuai dengan tidak memboroskan perbelanjaan, ia-
lah:

- Pertama: menghantar tanda langsung di-lakukan upacara
'akad nikah sa-kali atau 'di-langsungkan' sa-kali.
Kedua: menghantar tanda dan belanja sa-kali sa-bagai
tanda pertunangan telah di-rasmikan. ('Adat
kedua ini sa-benar-nya ada-lah mengikut 'adat
resam Melayu lama, di-mana tidak di-haruskan
di-jalankan atau di-satukan di-antara 'adat meng-
hantar belanja dengan 'adat 'hari langsung').

Menghantar tanda yang di-maksudkan di-sini ia-lah
memasangkan atau menyarongkan chinchin tanda ka-jari
manis kanan bakal pengantin; dan yang di-katakan memi-
nang itu ia-lah menghantar sireh pinang atau di-sebut juga
'sireh dara' sa-lengkap syarat menurut 'adat kebiasaan di-
sa-suatu tempat itu sendiri. Perlu di-sebutkan juga di-sini

bahawa sa-waktu mēmpelai akan mēnyarongkan chinchia tanda-nya itu pehak pēngantin hēndak-lah mēnghulorkan jari manis tangan kanan-nya sa-bagai tanda pēnghormatan-nya atas pēmbērian mēmpelai itu yang mēnandakan bahawa di-antara mēreka kēdua kini tēlah tērikat tēgoh oleh pērjanjian dalam mēnghadapi hidup masa hadapan-nya dēngan pēnoh kasah sayang dan saling hormat mēnghormati; dan kurang-lah elok-nya dalam kēadaan yang dēmikian pehak pēngantin sa-waktu mēnērima pēmbērian chinchin tanda itu mēnghulorkan jari manis tangan kari-nya, kērana dēngan itu boleh di-anggap sa-bagai tidak ada adab sopan.

Ada pun pētatoran yang sēlalu di-buat oleh kēdua-bēlah pehak sa-bēlum upachara mēnghantar dan/atau mēningang ini ia-lah mēngadakan khēnduri 'walimah' atau khēnduri sēlamat hērtunang, dēngan mēnjēmput sanak saudara, ipar lamai, sahabat handai dan orang2 yang patut di-jēmput di-sasuatu tēmpat itu.

Pēsōdiaan bagi pehak lēlaki di-dalam upachara ini antara lain ia-lah:

- Pertama:** Wang mas-kahwin dan bēlanja yang tērisi di-dalam batil atau chēpu hērtudong daripada perak atau tēmbaga putih.
- Kēdua:** Sa-bēntok chinchin pērmata intan atau mēnurut kēmampuan bagaimana yang tēlah di-janjikan tērlēbih dahulu di-tarobkan di-dalam chēmbul, kotak perak dan sa-bagai-nya.
- Kētiga:** Tepak sireh atau puan perak yang bērisi sa-lēngkap-nya—sireh dara—mēnurut 'ada'. (Jika di-dalam upachara ini di-kēhēndakki mēmpelai bērsama2 kērana 'akad nikah!').
- Kēempat:** Pakian pēngantin sa-lēngkap-nya: kain baju, sēlendang, kasut dan sa-bagai-nya yang tērisi di-dalam suatu tēmpat—talam perak atau tēmbaga yang hērtudong. (Hantaran ini di-kēhēndakki

ia-lah apabila di-dalam "pĕrmuafakatan-nya" dahulu pĕhak si-pĕrĕmpuan mĕnghĕndakki 'sĕrba-satu' atau atas kĕmampuan dan kĕikhlasan pĕhak lĕlaki sahaja!).

Kĕlima: Bunga rampai dan satu atau dua pĕrenjis ayer mawar yang di-tarohkan di-dalam dua tĕmpat dulang perak atau tĕmbaga puteh.

Kĕenam: Bĕbĕrapa jĕnis kueh² dan buah²an yang di-taroh di-atas piring bĕralas talam bĕrtudong.

Demikian-lah sa-tĕlah sampai sa'at dan masa yang tĕlah di-janjikan oleh kĕdua bĕlah pĕhak, maka sĕgala barang² yang tĕrsĕbut di-atas pun di-arak dari rumah mĕmpĕlai karumah pĕngantin pĕrĕmpuan. Di-dalam isti'adat ini mĕmpĕlai hĕndak-lah mĕmakai pakaian Mĕlayu asli sa-lĕngkap-nya kira-nya hĕndak di-langsungkan sa-kali bĕr'akad nikah, tĕtapi tidak-lah di-bĕnarkan mĕmakai barang² pĕrhiasan yang di-pĕrbuat dari ĕmas.

Bila sampai mĕmpĕlai dan angkatan-nya itu di-rumah pĕngantin pĕrĕmpuan, maka sĕgĕra-lah akan di-sambut oleh pĕhak pĕngantin pĕrĕmpuan dan tĕrus di-pĕrsilakan naik; dan sĕgala barang² yang di-bawa oleh pĕhak mĕmpĕlai itu pun di-ator mĕnurut atoran yang tĕlah di-tĕntukan di-tĕngah² majlis itu atau kalau di-jalankan sa-kali 'akad nikah maka sĕgala barang² itu hĕndak-lah di-ator di-hadapan tuan kadhi atau To' Imam yang akan mĕnikahkan mĕmpĕlai itu.

Di-dalam isti'adat ini pĕhak pĕngantin pĕrĕmpuan juga pĕrlu mĕnyĕdiakan tĕrlĕbĕh dahulu tepak atau puan tĕmpat sireh yang bĕrisi sa-lĕngkap-nya, bunga rampai dan lain² lagi mĕnurut kĕmampuan-nya sa-bagaimana yang di-lakukan oleh pĕhak mĕmpĕlai (kĕchuali syarat pĕrtama pĕhak mĕmpĕlai!) dan tikar pandak yang di-alas dĕngan kain songkit bagi tĕmpat dudok mĕmpĕlai kĕtika akan bĕr'akad nikah, ia-itu jika mĕreka langsung bĕr'akad sa-kali.

Sa-telah itu majlis pun di-mulukan terlebih dahulu oleh pihak wakil mempelai:

"Dato'2, enche'2 dan tuan2.

Kedatangan kami hari ini ia-lah kerana menerima wakil dari enche' polan (nama bapa atau orang yang mewakilkan kepada diri-nya) kerana menghantar belanja anak-nya si-polan bin polan kepada bakal menantu-nya enche' polan binti polan yang telah di-janjikan-nya dulu. Sila-lah tuan2 lihat: ada-kah penoh mengikut seperti yang telah di-janjikan-nya dulu. Sa-kira-nya kok 'adat sudah berator; kok bilang sudah bertentu, maka besar-lah harapan kami tuan2 akan sudi menerima-nya!

"Dan lagi harapan kami, jika tidak-lah jadi kebèratan dan sudi pula tuan mengkabulkan-nya, ingin-lah kami memohon sudi apa-lah kira-nya di-'akad nikahkan dan di-langsungkan sa-kali. (Atau jika di-dalam upacara ini merupakan pula suatu majlis "nikah gantung" pula maka hendak di-katakan-nya: ingin-lah kami memohon sudi apa-lah kira-nya di-'akad nikahkan sa-kali. Dan kami juga berharap akan dapat-lah di-tentukan pula hari-nya dan masa-nya pekerjaan kita ini akan dapat di-langsungkan.

Sekian-lah besar-nya harapan kami kepada tuan".

Kemudian bagi pihak wakil perempuan pula akan menyambut demikian.

"Dato' (atau enche', atau tuan, atau menurut kelayakan wakil dari pihak lelaki itu).

"Sungguh-lah besar hati kami menyambut dan menerima kedatangan angkatan tuan2 pada hari ini. Dan besar-lah juga penghargaan kami kepada tuan kerana kesudian tuan bersemenda dengan kami. Dengan demikian kami terima-lah segala tutur bicara dan harapan tuan. Tetapi kerana saya hanya sa-bagai wakil saja di-dalam perkara ini, maka mohon-lah pula saya kepada tuan supaya di-benarkan waris2-nya yang kadim memereksa dulu segala janji yang

di-muliakan, dalam janji yang di-gaduhkan di-hadapan To' Imam sa-bagai saksi. Saya hanya-lah ibarat pēpatah sa-bagai wakil mēnērima saja.

“Sēkian dulu jawaban saya kapada tuan”.

Sa-tēlah itu tampil-lah sa-orang waris yang kadim dēngan di-saksikan oleh To' Imam dan sa-orang lain lagi sa-bagai saksi mēnghitong wang bēlanja dan wang mas-kahwin-nya dan mēmēreksa sēgala barang2 hantaran-nya. Sa-tēlah sēlēsai pēnghitongan dan pēmēreksaan itu maka di-bērikan-nya-lah pēnjelasan kapada wakil mēreka mēnyatakan bahwa sēmua barang yang di-hantar-nya itu chukup sa-bagai-mana yang tēlah di-janjikan dahulu.

Kēmudian tampil-lah sa-mula wakil pehak pērēmpuan:

“Tuan, sēgala hantaran tuan sudah-lah di-pēreksa oleh waris pehak pērēmpuan: ‘adat sudah bērator, bilang sudah bērtēntu di-hadapan saksi2. Kērana itu kami mērasa sangat-lah bērpuas hati, ibarat kata kurang lēbar tapak tangan nyiru kami tadahkan. Dan oleh kērana suka dan ria-nya hati kami itu-lah kami mēnyambut hantaran tuan itu; dan sēgala hajat tuan yang tēlah tuan sēbutkan tadi, sēdia-lah kami mēnunaikan dēngan sa-pēnoh2-nya. Tēntang pēr-kara hēndak mēnyatukan-nya itu (jika di-dalam upachara isti‘adat ini hanya isti‘adat bērtunangan sahaja atau nikah gantong sahaja!) kami harap jikalau boleh ia-lah pada sēkian hari-bulang yang di-muka ini. Sēnyampang bagitu, jika sa-kira-nya ada kēaralan di-antara kēdua pehak, maka boleh-lah mēreka bērmuafakat sa-mula di-antara kēdua kēlak.

“Sēkian-lah harapan kami kapada tuan”.

Dan sa-bēlum di-jalankan ‘akad nikah To' Imam atau tuan Kadhi yang akan mēnikahkan itu mēndaftarkan tēr-lēbeh dahulu wang mas-kahwin-nya, hantaran bēlanja hangus-nya dan hantaran tanda2 yang lain: chinchin, dan kain baju.

Sa-tēlah sēlēsai sēgala2-nya, maka barang2 hantaran

itu pun di-bawa-tah ka-dalam, kéhuah bunga rampai dan tepak sireh harus di-tinggalkan. Kémudian di-pérolakan pula kërana upacara bér'akad nikah.

Chatetan:

Ma'ana 'mémintang' ia-lah mém bawa sireh pinang yang cukup lengkap di-wikan di-dalam sa-buah tepak sireh ménuut tata-tetib yang telah di-'adatkan oleh orang2 tua pada zaman dahulu. 'Adat mémintang déngan sireh pinang ini ada-lah berasal dari Haha Tua.

Sireh ia-lah sa-jénis dari daun akar yang ber'entuk bujur dan pedas rasa-nya jika di-makan. Daun sireh ini banyak-lah kégunaannya di-dalam masyarakat kita—terutama di-kampung2. Antara kégunaan daun sireh itu ia-lah: untuk méngobati péning képala, maka hendak-lah daun sireh itu di-gobong dan di-tampalkan di-képalanya yang sakit itu, dan kébih baik lagi kalau di-champor déngan daun sa-dang. Déngan cara yang demikian juga boleh untuk méngobati pényakit dalam. Sa-kira-nya daun sireh itu di-tumbuk dan di-champor pula déngan ayer, di-remas, di-perah dan di-tapis elok2, sa-sudah itu diminum ia akan dapat ménghilangkan demam panas dan bau2 dalam tulang.

Itu-lah kégunaan sireh sa-lain dari untuk upacara2 'adat.

'AKAD NIKAH

Di-dalam upacara isti'adat bĕr'akad nikah ini yang pĕrlu pada masa itu ia-lah:

- (a) Lĕlaki yang akan bĕrnikah,
- (b) Pĕrĕmpuan yang akan di-nikahi,
- (c) Wali yang akan mĕnikahkan,
- (d) Saksi² yang akan mĕndĕngar sah pĕrnikahan itu,
- (e) Wang mas-kahwin (jika tunai), dan
- (f) Lafaz ijab wali dan kabul lĕlaki yang mĕnĕrima nikah.

Itu-lah syarat² rukun nikah di-sisi ugama Islam. Sa-tĕlah sĕdia sĕmua-nya itu baharu-lah di-pĕrsilakan bakal yang akan bĕrnikah itu dudok di-atas tikar pandak yang di-khaskan untok-nya bĕrhadapan dĕngan wali (atau wakil wali!) yang akan mĕnikahkan-nya.

Sa-bĕlum 'akad nikah itu di-jalankan, tuan Kadhi atau To' Imam (wakil wali yang akan mĕnikahkan mĕmpĕlai!) mĕndaftarkan tĕrlĕbeh dahulu nama mĕmpĕlai itu dĕngan sĕgala syarat² yang di-kĕhĕndaki di-atas; dan sĕgala jĕnis barang² hantaran-nya: chinchin tanda, bĕlanja hangus dan sa-pĕrlĕngkap pakaian pĕngantin. Sa-tĕlah itu, tuan Kadhi juga hĕndak-lah mĕnanyakan tĕrlĕbeh dahulu pĕrsĕtujuan pĕngantin pĕrĕmpuan itu sĕndiri—sama ada ia suka dan redha di-kahwinkan dĕngan lĕlaki yang akan di-nikahkan-

nya itu. (Persetujuan dan keredhuan hati pengantin perempuan ada-lah menjadi salah satu syarat sah-nya perkahwinan sa-saorang itu!). Sa-telah itu baharu-lah di-minta wali, ia-itu bapa sendiri, atau bapa saudara dari sa-belah bapa, atau abang atau adek yang telah baligh dan siuman dari pihak perempuan itu sendiri menikahkan atau mewakilkan kapada-nya (Kalau bapa perempuan itu sendiri memang faham dan mahir di-dalam rukun nikah kahwin, maka boleh-lah bapa itu sendiri—ini-lah yang lebih afdhal-nya dari sisi agama Islam—menikahkan anak-nya itu di-hadapan tuan kadhi.) Tetapi sa-kira-nya bagi pihak perempuan itu memang benar2 tidak ada wali atau waris yang kuat dari pihak sa-belah bapa-nya bagi menikahkan-nya, maka boleh-lah ia mewakilkan pernikahan-nya itu kapada 'wali hakim', ia-itu tuan Kadhi itu sendiri bagi menikahkan-nya.

Apabila selasai semua-nya itu, saksi2 pun di-persilakan dudok berhampiran kapada mempelai supaya dapat mendengar dengan jelas-nya lafaz pernikahan yang akan di-ucapkan oleh mempelai. Sa-telah itu, tuan Kadhi pun memulakan-lah dengan beberapa pertanyaan kapada mempelai berhubung dengan rukun2 'akad nikah dan yang berhubung dengan soal2 pernikahan itu yang perlu2 dari sisi agama Islam. (Sa-tengah2 tempat pertanyaan2 yang sa-rupa itu tidak ada di-tanyakan mungkin oleh berbagai2 sebab yang tidak dapat di-elakkan!). Kemudian baharu-lah tuan Kadhi membacakan khutbah nikah dengan bahasa 'Arab. (Khutbah ini lebih baik—lebih afdhal lagi, jika di-baca sendiri oleh mempelai!).

Sa-telah semua-nya itu berjalan dengan lancar, maka tuan kadhi pun memulakan-lah 'akad nikah ini dengan memegang tangan (berjabat tangan) dengan mempelai; dan berkata-lah ia:

"Euche' polan bin polan,

"Aku nikahkan di-kau dengan polan binti polan yang

télah mēmpērwakili ia akan daku dēngan mas-kahwin sa-banyak sēkian ringgit tunai (jika hutang, maka hēndak-lah di-sēbutkan-nya hutang)". Dan apabila Kadhi mēmbērikan isyarat dēngan mēnggonchangkan tangan mēmpēlai itu, maka hēndak-lah mēmpēlai itu dēngan sērta-mērta mēnērima nikah-nya itu dēngan: "Aku tērima nikah-nya polan binti polan dēngan mas-kahwin-nya sa-banyak sēkian ringgit tunai (jikalau hutang, sēbutkan-lah hutang)".

Bahawa apa yang wajib di-dēngar dēngan jēlas dan tērang oleh saksi2 mēmpēlai dan pēngantin kētika ini ia-lah ijab yang di-lafazkan oleh tuan Kadhi dan lafaz kabul sērta-mērta dari mēmpēlai itu. Jika tidak bētul bunyi sēbutan-nya atau tērchērai pērhubungon lafaz di-antara tuan kadhi dēngan mēmpēlai, maka hēndak-lah di-ulangi lagi sa-hingga jēlas dan bētul dan mēmbērikan puas hati kapada saksi2.

Dēmikian-lah tata-tertib pēnikahan itu di-jalankan sa-télah sēlēsai sahaja—ijab dan kabul—tuan Kadhi pun sēgēra-lah mēmbachakan do'a sēlamat sa-bagai tanda kēsēmpurnaan pēnikahan itu di-jalankan sērta mēmohon kapada Tuhan supaya kēdua mēmpēlai dan pēngantin itu dipanjangkan jodoh pērtēmuan-nya dēngan pēnoh kaseh sa-yang dan saling hormat mēnghormati di-antara satu dan lain-nya.

Sēlēsai mēmbacha do'a maka tuan Kadhi pun mēnērangkan pula syarat2 yang mērupakan tanggong-jawab2 suami kapada istēri, ia-itu "ta'lik nikah" yang télah di-kanunkan oleh mahkamah Shar'iah kērajaan dari sisi ugama Islam bahawa "Kalau suami itu mēninggalkan si-istēri sa-lama tiga bulan dēngan tiada mēninggalkan nafkah, dan apabila si-istēri mēngadu kapada Kadhi; dan bila di-siasat dan di-dapati bēnar akan pēngaduan-nya itu, maka gugor-lah talak satu. Sa-masa dalam 'edah-nya, ya'ani sa-lama tiga bulan sa-puluh hari, suami tidak-lah boleh rujo' sa-mula

sa-belum habis 'edah-nya. Demikian-lah sahingga talak yang ketiga. Sa-telah itu maka terputus-lah langsung hubungan suami isteri itu dengan tidak boleh rujo' lagi; kechuali sa-telah bekas si-isteri itu menjadi janda sa-mula sa-lepas di-cheraikan oleh suami-nya yang lain.

Sa-telah selesai maka bangun-lah mempelai itu bersalam2an (berjabat salam) pertama kepada tuan Kadhi, kedua kepada bapa mertua-nya (jika ia ada bersama-sama di-situ) dan kemudian baharu-lah kedua dhif2 yang lain yang ada di-dalam majlis itu sa-hingga selesai.

Kemudian di-jemput-lah pula mempelai ka-dalam kerana membatalkan ayer sembahyang, dan memasang atau menyarongkan chinchin hantaran-nya ka-jari manis kanan pengantin sa-bagai tanda bahawa mereka sudah berikat erat, sa-hidup sa-mati. Dan bersalaman-lah di-antara kedua mempelai dan pengantin, serta di-chium tangan-nya oleh pengantin perempuan sa-bagai tanda hormat dan menerima kasih atas pemberian sa-bentuk chinchin pertalian muhibah-nya.

Sementara itu, bunga rampai dan sireh pinang yang di-bawa itu pun di-bahagi2kan-lah (di-peredarkan) kepada pihak perempuan yang sama mengiring mempelai itu dan dhif2 yang lain di-dalam majlis itu. Sa-telah itu baharu-lah di-keluarkan hidangan (jamuan) makan kepada dhif2 bagi menamatkan majlis itu. Dan sementara hidangan 'di-khendurikan' oleh dhif2, maka segala bekas2 hantaran dari pihak mempelai pun di-isi pula oleh pihak perempuan dengan balasan yang berpatutan untuk di-bawa balek oleh pihak lelaki ka-rumah mempelai. Sa-telah mempelai balek baharu-lah jamuan2 yang lain di-hidangkan kepada para jemputan yang lain.

Chatetan:

Yang di-katakan "membatalkan ayer sambahyang" itu ia-lah dengan maksud membèrikan pèluang bagi kali yang pèrtama mèm-pèlai bèrsèntoh kulit dèngan istèri-nya. Tètapi 'adat ini tidak-lah akan di-lakukan sa-kira-nya di-dalam suatu upachara mènghantar tanda atau mèmpinang sahaja, erti-nya tidak-di-langsongkan sa-kali 'akad nikah kèdua-nya.

Bagitu juga dèngan mèmasingkan atau mènjarongkan chinchin tunda kapada (bakal) pèngantin hanya akan di-lakukan oleh sa-orang wakil kadim dari pèhak mèm-pèlai sahaja, sa-bagai mènunjokkan bahawa pèrtunangan di-antara kèdua-nya tèlah di-rasmikan di-hada-pan sidang majlis yang ramai.

Pèkèrjaan nikah kahwin ini mènurut kèbiasaan orang Mèlayu hari ini ada-lah di-langsongkan mènurut kiraan bulan Islam, di-antara bulan Muharram hingga bulan Zulhijjah, kèchuali bulan Ramdhan, kèrana pada bulan itu umat Islam ada-lah di-wajibkan bèrpuasa, bulan Zulka'edah kèrana di-anggap-nya sa-bagai bulan 'bèrapit' dan bulan Safar kèrana di-anggap-nya sa-bagai bulan 'nahas'. Tètapi yang lazim-nya ia-lah pada bulan èmpat Maulud dan bulan Haji.

MAS-KAHWIN

Di-antara 'adat bĕrsĕndi shara' dan shara' bĕrsĕndikan 'adat ia-lah mas-kahwin yang di-wajibkan oleh ugama Islam ka-atas sa-orang lĕlaki mĕmbayar-nya kapada sa-orang pĕrĕmpuan yang akan di-nikahi-nya.

Mas-kahwin sa-bĕnar-nya ada-lah wang "mahar" yang mĕrupakan hadiah mutlak dari sa-saorang lĕlaki yang akan mĕnikahi sa-orang pĕrĕmpuan; dan wang "mahar" ini mĕsti-lah dari wang pĕngantin lĕlaki itu sĕndiri. Sa-lain dari wang, boleh juga bĕrupa apa-apa bĕnda yang di-pĕrsĕtujui oleh pehak pĕrĕmpuan sa-bagai "mahar-nya".

Pĕrlu di-sĕbutkan di-sini bahawa kĕrana wang "mahar" itu mĕsti-lah dari wang pĕngantin lĕlaki itu sĕndiri, maka hukum-nya dari sisi ugama Islam ada-lah wajib—tidak boleh tidak—bagi lĕlaki yang akan mĕnikahi pĕrĕmpuan itu mĕnjĕlaskan tĕrlĕbeh dahulu wang "mahar-nya" kĕtika akan bĕ'akad nikah. Ērti-nya, tidak-lah boleh bĕrhutang, kĕrana dĕngan dĕmikian ia (suami) itu tidak mungkin boleh mĕmbayar-nya sa-tĕlah ia bĕrsatu hidup dĕngan istĕri-nya, kĕrana sĕgala hasil (wang) yang di-pĕroleh-nya sa-tĕlah pĕrkahwinan itu ada-lah mĕrupakan hasil (wang) pĕrkongsian atau 'hasil bĕrsama'. Dan wang dari pĕrkongsian ini tidak-lah boleh di-jadikan sa-bagai wang "mahar" kapada istĕri-nya.

'Adat bĕrhutang wang "mahar" yang banyak di-lakukan

di-négèri ini ada-lah di-dasarkan kapada suatu kètakhyulan sa-mata2 bahwa kira-nya wang "mahar" itu di-bayar tunai sa-waktu 'akad nikah itu akan di-jalankan maka tidak panjang-lah jodoh pèrtemuan itu kono-nya. Satu hal yang sangat mëndukachitakan sa-kali, dimana 'kètakhyulan' tēlah mēngatasi 'kēpèrchayaan' yang di-wajibkan oleh ugama Islam.

Sēbab2 di-katakan wang "mahar" itu sa-bagai wang "mas-kahwin" ia-lah kērana pada zaman dahulu ēmas-lah sa-bagai wang "mahar" pèrkahwinan sa-saorang itu—ēmas urai yang bērat sa-bahara atau dua bahara mēnurut kēadaan mēreka masing2 pada masa itu.

(Maksud sa-bahara atau dua bahara yang di-katakan-nya itu ia-lah lēbeh kurang sa-bērat bara api pērasapan yang biasa di-gunakan bagi pēmbakar kēmiyan; dan bukan-lah bērat satu bahara yang mēnurut ukoran timbang yang tidak tētap tērgantong dari jēnis2 barang-nya. ēmas 10 kati, agar2 12 pikul, kayu chēdana 6 pikul, tēripang 3 pikul. Dan sa-chara kēbētulan pada zaman itu ēmas memang sangat banyank boleh di-dapati di-Raub (Pahang), Johor, Giēmas, Kēlantan dan Tērengganu.)

Dan ēmas sa-bahara yang di-katakan-nya itu bērharga lēbeh kurang \$ 22,00 sahaja, atau kalau dua bahara bērharga lēbeh kurang \$ 44,00 sahaja. Dēmikian-lah, nilai harga itu sahaja-lah sēkarang yang tērus di-jadikan sa-bagai ganti 'ēmas' kērana 'kahwin' itu mēnjadi kata majmu' 'mas-kahwin'.

Ada pun bērhubong dēngan wang mas-kahwin ini tidak-lah sama di-antara satu tēmpat dēngan satu tēmpat yang lain di-waktu ini, atau dēngan lain2 pèrkataan bērgantong-lah kapada kēadaan tēmpat, kēadaan masa dan kēadaan atau kēmampuan sa-saorang itu sēndiri. Sēbab itu-lah kita akan mēndapati bahwa bēlanja mas-kahwin ini:

Di-Johor dan di-Singapura \$ 22.50;
Di-Pulau Pinang kebanyakan-nya \$ 24.00;
Di-Negeri Sembilan (sekarang ini): anak dara \$ 24.00
dan janda \$ 12.00;

Di-Selangor anak dara \$44.00, janda \$22.00.

Di-Melaka: anak dara \$ 20.00 dan bayaran 'adat-nya
\$ 40.00, jadi \$ 60.00 dan janda \$ 20.00, bayaran 'adat-nya
\$ 20.00 jadi \$ 40.00.

Sedang di-Perak berperingkat-peringkat pula susunan
mas-kahwin-nya:

(a) Puteri Sultan	\$ 1,000.00
(b) Puteri Raja Muda	750.00
(c) Puteri Raja Bendahara	500.00
(d) Puteri Raja Di-Hilir	350.00
(e) Puteri Raja2 waris negeri	250.00
(f) Anak Orang2 Besar 4 atau 8			150.00
(g) Anak orang baik2	100.00
(h) Anak orang2 kebanyakan	...		50.00

PÉRALATAN HARI LANGSONG

Di-dalam menghadapi 'hari langsung' ini biasa-nya segala peralatan ada-lah lèbh di-tumpukan kapada mèmpersiapkan peralatan anak gadis yang akan di-kahwinkan itu menurut kemampuan ibu-bapa itu sendiri atau menurut banyak sedikit-nya wang belanja hangus dari pehak lèlaki itu sendiri. Bésar 'angkatan-nya' maka akan bésar-lah peralatan gadis itu dalam menghadapi hari langsung-nya, démikian-lah juga sa-balek-nya.

Tètapi 'adat yang sédarhana dan yang maseh di-pakai lagi hingga sampai sékarang ini ia-lah manakala pehak pérèmpuan tèlah mènèrima sahaja hantaran belanja daripada pehak lèlaki, maka ia pun ségèra mèmpersiapkan anak gadis-nya yang akan di-kahwinkan itu dèngan bèrbagai2 mata-bènda pérhiasan bilek tidor-nya dan ménambahkan pérhiasan diri-nya (jika bèrkèmpuan ibu-bapa-nya atau kèrana hantaran belanja-nya yang agak bésar dari pehak lèlaki!), sapèrti: mèmbeli-bèlah katil, tilam, tikar, bantal, kèlambu, chadar, kain baju, gèlang urai, kalong, niklis dan sa-bagai-nya. Dan yang mana patut di-potong, di-jahit atau di-sulam, maka akan di-kèrjakan-lah pada waktu itu menurut kètèntuan masa yang tèlah di-tètapkan.

Juga yang tidak kètinggalan di-dalam 'adat ini ia-lah mèmbuat bunga2 atau bakul2 yang mèrupakan burong2,

ikan dan sa-bagai-nya bagi bunga telur. Di-dalam memperlengkap persiapan ini kaum wanita-lah, terutama anak2 gadis rakan dari bakal pengantin, mengerjakan-nya menurut kemahiran dan kehendongan masing2 di-samping menunjukkan kecekapan dan kepandaian-nya.

Sa-telah hari langsung sa-makin hampir—satu minggu lagi biasa-nya—keadaan sa-makin sebok, terutama di-rumah bakal pengantin perempuan: saudara mara, ipar lamai, sahabat sa-jiran telah mula berkumpul mengator segala persiapan hari langsung itu.

Bagi pehak orang2 tua akan sebok-lah dengan membelah-beli barang2 yang patut bagi persediaan jamuan2 khenduri kahwin itu, atau menyediakan perkakas2 pinggan mangkok, dulang, gelas dan sa-bagai-nya bagi keperluan tersebut.

Bagitu juga dengan pemuda2-nya dengan keringat tulang urat-nya akan sebok-lah dengan mendirikan balai2 untuk para jemputan dan untuk tempat masak memasak; akan heboh-lah dengan membuat pelamin bagi bakal 'raja sa-hari-nya'; membuat bunga2 kertas menurut kecekapan dan kepandian masing2, menjadi penangguh dan lain2 kerja berat menurut arahan orang2 tua.

Keadaan yang demikian, tidak-lah ketinggalan juga bagi pehak pemuda2-nya: akan sebok-lah juga dengan membuat kueh-mueh bermacam rupa dan jenis; akan hiboh-lah juga dengan jahit menjahit dan sulam menyulam bagi peralatan bilek pengantin dan yang di-perlukan bagi perhiasan pelamin dan sa-bagai-nya.

Pendek kata masing2 pehak akan bekerja-lah menurut kemampuan tenaga, kecekapan dan kesukaan masing2 demi kesempurnaan hari langsung itu.

Sementara 'adat di-isi janji di-laboh, maka pehak si-pengantin perempuan pun mula-lah berasah gigi, berendam

bêrlangir dan mênghias diri bagi mênambahkan elok sêri wajah dan diri-nya oleh 'mak pêngantin' atau oleh orang2 tua yang mahir dalam mênghias diri pêngantin. Dan kēadaan yang dēmikian, tidak kētinggalan juga bagi pehak mēmpelai dalam mēmpêrsiapkan diri mênghadapi hari langsung-nya itu.

Dēmikian 'lêmbaga bêrlingkongan'; ténaga gotong royong dalam usaha ini mêngambil tēmpat-nya yang pēnting sa-kali dēngan pēnoh kē-relaan hati masing2.

Ibarat mēnyambong na' panjang

ibarat mēnyebar na' lebar

nang jauh dah datang

nang dēkat sudah tērkampong

tēmpat nang baharu mēngadakan ipar lamai.

BÉRASAH GIGI BÉRANDAM DAN BÉRLANGIR*

Bahawa walau pun pada masa ini 'adat 'bérasah gigi, bérandam dan bérlangir' tidak banyak lagi di-jalankan orang, bahkan di-kampung2 sa-kali pun, tétapi baik juga kalau di-chatetkan di-sini sadikit dari 'adat térsébut.

Ménurut 'adat bahawa sa-bélum isti'adat bérlangsong di-jalankan—biasa-nya tiga hari lagi—péngantin pérèmpuan (juga péngantin lélaki di-satengah2 témpat!) akan di-jaga pélihara-lah bétul2 tuboh badan-nya oleh 'émak péngantin', atau mak andam, atau to' pawang dèngan maksud kèrana héndak mémbuang sial, atau mémbuang géroh, atau kèrana héndak méngelakkan dari "tèrkèna pandang" dari orang2 yang mungkin tidak sèngang hati, konon-nya.

Di-dalam isti'adat ini, biasa-nya, péngantin atau mém-pélai yang akan "di-jaga pélihara" itu akan di-dudokkan-lah di-atas kain putih—lébeh kurang dua ela sa-tengah panjang-nya—kémudian baharu-lah di-jalankan kèrja2 bérasah gigi (tétapi ada sa-tengah2 témpat bérasah gigi ini hanya akan di-lakukan sa-télah isti'adat bérmandi2), bérandam dan bérlangir.

Bérandam ia-lah pérèmpuan yang héndak kahwin itu akan di-kérat anak rambut di-atas dahi-nya dan di-pélipis mata-nya sèrta bulu kéning-nya, dan kémudian gigi si-anak

dara itu pun akan di-asah dengan sa-jenis batu pengasah gigi.

Sa-telah sëlèsai kërja2 tørsèbut di-lakukan oleh "mak pengantin", akhir sa-kali di-mandikan pula dengan ayer daun dan buah limau purut, di-bèdak sërta di-sintok langir sa-kali. Kémudian baharu-lah di-bachakan do'a sëlamat bagi mēnghadapí majlis bërhinai pula.

* Bab ini ada-ah tambahan dari pēnyunting buku ini.

'ADAT BERINAI

1. Berinai Kéchiil atau 'churi':

Di-dalam menghadapi majlis berinai ini biasa-nya tapak-petak pengantin perempuan tiga hari lagi sa-belum majlis perkahwinan-nya, bermula-lah majlis berinai kéchiil ini. Dan bagi ibu-bapa yang berkemampuan, terkadang2, di-dalam majlis ini akan di-adakan juga majlis jamuan kéchiil, mengadakan permainan2 musik pada waktu itu sa-bagai iringan-nya untuk bersuka2.

Bahagian atau tempat2 pengantin perempuan yang akan di-inai itu ia-lah pada kedua tapak tangan kiri dan kanan serta sa-puluh jari2-nya di-bahagian kuku-nya. Begitu juga tidak ketinggalan di-kuku2 jari kaki-nya dan di-sakeliling tapak kaki kiri dan kanan-nya.

Di-dalam upacara berinai ini pengantin duduk di-atas pelamin. Di-hadapan pengantin telah tersedia terdibeh dua-bulu sa-buah palar berkaki tinggi yang berisi di-atas-nya dengan terator bekas2 beras kunyit, berreh, ayar tepoi, tawar dan perenjaj-nya di-sabélah kanan; dan di-sabélah kiri-nya tertégak pula sa-buah astakona kéchiil berisi inai yang sudah bergiling halus. Dan yang mula2 harus menginaikan pengantin perempuan adalah ia-lah orang2 kékak, daripada keluarga pengantin perempuan itu sendiri yang berpangkat tua dalam susunan kaum keluarga-nya; kemu-

dian baharu-lah di-ikuti oleh yang lain² pula sa-kurang²-nya tiga lélaki dan tiga pérempuan.

Bérinai saperti ini di-namakan "bérinai kéchil" atau ada yang mēnyebutkan-nya "bérhunai churi".

Bagitu-lah juga pada malam yang kédua-nya.

2. Bérinai Bésar:

Malam yang kétéga ini-lah dari susunan isti'adat bérinai yang di-namakan "bérinai bésar". Ada pula sa-tengah² tēmpat hanya mēngadakan bérinai bésar sahaja dēngan mēninggal-kan bérinai kéchil-nya, ia-itu bērgantong kapada kéadaan tēmpat, kéadaan masa dan kémampuan ibu-bapa pēngantin.

Di-dalam isti'adat bérinai bésar ini mēmpelai di-kéhēndaki datang ka-rumah pēngantin pérempuan pada masa yang tēlah di-tetapan—biasa-nya sa-lépas waktu 'Isha'—kērana isti'adat bérinai bésar ini.

Manakala mēmpelai itu tiba di-rumah pēngantin pérempuan dēngan iringan sa-orang pēngapit-nya, waris² yang tērtua dan sahabat² karib-nya, maka di-pērsilakan-lah mēmpelai dudok di-atas pēlamin, yang mana tēlah tērsédia di-hadapan pēlamin itu tēmpat pērasapan, bēras kunyit, bēras basoh, bērtēh, ayer tēpong tawar dan inai; dan di-sabēlah kiri—ada juga di-satengah² tēmpat kiri dan kanan—pēlamin tērtēgak sa-buah astakona bésar tēmpat nasi kunyit dan bunga tēlor.

Kēmudian datang-lah waris² dari pihak pēngantin pérempuan atau sahabat²-nya yang baik sa-ramai mēnurut angka ganjil—tiga, lima atau tujuh orang lélaki dan pérempuan bērgilir² mēlētakkan kērja mēnginai di-tapak kédua bēlah tangan mēmpelai itu.

Mēnurut pēratoran isti'adat mēnginai ini bahawa sa-bēlum sa-saorang itu mēnginai mēmpelai atau pēngantin, tērlēbeh dahulu hēndak-lah ia mēngangkat kédua² tangan-nya sa-bagai mēnyēmbah sa-orang raja; dan mēmpelai atau

pengantin hendak-lah juga mengangkat tangan-nya—biasanya dengan pertolongan "mak pengantin"—sa-bagai mem-balas penghormatan kapada-nya, kemudian menengulahkan kedua tapak tangan-nya dengan meletakkan-nya di-atas suatu tempat yang telah di-sediakan di-atas paha-nya.

Sa-telah itu orang yang akan menginaikan mempelai itu pun mengambil sedikit beras kunyit, beras basoh, berteh lalu di-taburkan-nya atau di-hamburkan-nya di-hadapan mempelai itu. Sa-sudah itu bohoro-lah di-ambil sa-jempot inai di-bahagi dua—sa-ketul di-letakkan di-atas tapak tangan sa-belah kanan dan sa-ketul lagi di-letakkan-nya di-sabelah kiri tapak tangan mempelai. Kemudian ia pun mengangkat tangan sa-mula dan beredar boleh ka-tempat-nya sa-bagai menunjukkan bohawa istiadat yang di-lakukan-nya telah sempurna. Dan sa-belum beredar ia di-beri hadiah sa-tangkai bunga telur oleh "mak pengantin" sa-bagai ucapan terima kasih dari mempelai. Kemudian di-gilirkan pula orang yang kedua, ketiga dan sa-terus-nya kapada giliran perempuan pula.

Sa-telah selesai pekerjaan menginai, mempelai pun di-persilakan beredar dari pelamin itu ka-tempat lain berhampiran dengan pelamin itu juga di-sabelah kanan, kerana tiba giliran pengantin perempuan pula akan berinai (di-sini-lah mempelai berkesempatan meninjau² dari jauh pengantin-nya di-inai!).

Istiadat peratoran menginai pengantin perempuan ini pun sa-rupa-lah dengan tata-tertib menginai mempelai tadi. Hanya yang menginai itu ia-lah waris² dari pihak mempelai pula.

Manakala selesai istiadat ini di-persilakan pula mempelai mengadap hidangan makan bersama² dengan tetamu² yang lain. Sa-lepas itu mempelai boleh-lah sa-mula ka-rumah-nya.

Chatetan:

(a) Di-dalam isti'adat berinai besar ini antara mempelai dengan pengantin tidak-lah di-sandingkan sa-bagaimana pada hari langsung-nya walau pun di-dalam isti'adat ini antara mempelai dan pengantin memakai sa-lengkap 'raja sa-hari' dan telah berijab kabul.

(b) Ada pun rempah-ratus yang di-guankan di-dalam isti'adat berinai itu sa-bagai berikut:

1. Beras kunyit ia-lah sa-bagai ganti emas urai yang pernah di-taborkan oleh dato' nenek mereka kepada mempelai pengantin pada zaman yang silam sa-bagai tanda kesukaan dan hadiah kepada kedua pengantin itu.

2. Beras basah ia-lah sa-bagai simbol dari do'a restu mereka kepada mempelai dan pengantin supaya murah rezeki-nya, senang linang sa-hingga ka-anak chuchu-nya kelak.

3. Berteh ia-lah sa-bagai simbol supaya berkembang biak-lah anak-pinak mereka hasil dari perkongsian hidup-nya nanti.

4. Ayer tepong tawar ia-lah supaya di-dalam menghadapi rumah-tangga-nya di-suatu masa mendapat sakit pening dan lain2 lagi, mudah-mudahan akan segera mendapat penawar-nya.

5. Inai ia-lah sa-bagai menunjukkan bahawa di-antara mempelai dan pengantin masih tetap "dara" yang di-kawal dengan kehormatan yang menjadi suatu kemegahan bagi keluarga mempelai dan pengantin itu.

(c) "Berinai churi", ada di-satengah2 tempat di-negeri kita ini bahawa apa yang di-katakan "berinai churi" itu ia-lah mempelai juga di-kehendaki datang ka-rumah pengantin perempuan tetapi di-dalam isti'adat berinai itu di-antara mempelai dengan pengantin tidak berkesempatan langsung untuk bersua pandang—tidak sa-bagaimana di-dalam isti'adat "berinai besar"—kerana sa-telah selesai mempelai berinai, ia langsung di-bawa segera ka-rumah-nya, kemudian baharu pengantin pula berinai. Ini ada-lah di-sebabkan di-antara mempelai dengan pengantin masih belum berijab kabul lagi kerana itu-lah di-katakan-nya "berinai churi".

BÉRARAK DAN BÉRSANDING

Tiap2 majlis perkahwinan orang2 Melayu, 'adat bérarak dan bérstanding tiada-lah dapat di-tinggalkan oleh mereka, kecuali perkahwinan antara janda. Dan 'adat bérarak dan bérstanding ini hanya akan di-jalankan apabila selesai 'akad nikah, dan bérinai, membacha do'a selamat dan makan serta mēmpēredarkan bungan telur kepada para jemputan di-kēdua2 belah pihak—di-rumah mēmpēlai dan di-rumah pēngantin pērēmpuan. Isti'adat ini juga di-namakan "hari langsung".

'Adat bérarak dan bérstanding ini juga hanya akan di-jalankan mēnurut pērjanjian kēdua belah pihak yang telah di-ator terlebih dahulu, tetapi pada kēbiasaan-nya ia-lah di-sabēlah pētang. Dan 'adat yang sama di-sēmuā tempat dalam nēgēri ini dalam isti'adat bérarak dan bérstanding ini ia-lah chara masuk di-antara mēmpēlai dēngan pēngantin pērēmpuan di-pēlamin—mēmpēlai di-sabēlah kanan dan pēngantin di-sabēlah kiri, chara bērsuap2an antara mēmpēlai dēngan pēngantin pērēmpuan dan chara masuk ka-bēk.

Mēnurut 'adat pusaka, bahawa sa-bēlum isti'adat bérarak dan bérstanding ini di-jalankan, mēmpēlai bēndak-lah di-pakaikan sa-lēngkap pakaian khas pēngantin: yang klaki bērtaju panjang (jubah), bērsērban, bērsēkēmpang dan mēmakai pērhiasan2 lain sapērti bērgēlang, bērkaleng, bér-

chinchin, dan lain2 lagi: yang perempuan pula berpakaian Melayu jati: berkaya kebaya panjang, berkain sarong—biasanya kain songket dengan bunga kepala kain di-takkan di-sabalah hadapan-nya—dan berhias di-kepala dengan bunga goyang daripada emas dan perak yang sangat berat, bergelang beringkat2, berchinchin, berkalong dokoh dan lain2 lagi.

Tetapi perubahan keadaan dan masa, keadaan yang demikian tidak lagi banyak terdapat, kecuali di-kampung2 yang jauh terpencil dan yang lambat menerima perubahan masa. Kerana itu, pada masa sekarang ini lebih banyak di-dapati pakaian pengantin lelaki hanya memakai sa-lingkap pakaian kebangsaan, bertanjak, berbengkong, berkris tersisip di-pinggang sahaja sa-bagai sa-orang raja yang akan duduk di-atas singgahana di-balai penghadapan-nya. Begitu juga bagi pengantin perempuan-nya, cukup dengan memakai pakaian yang serba ringkas sahaja: berkabaya panjang, bersarong, dan memakai sedikit2 perhiasan: kalong, niklis, anting2, gelang tangan dan chinchin dengan tidak lagi memakai bunga goyang yang sangat berat itu.

Sa-telah selesai mempehli dan pengantin perempuan di-pakaikan dengan pakaian khas-nya sa-bagai "raja sa-hari", tetapi tidak-lah boleh bergerak mempehli ka-rumah pengantin perempuan sa-belum pengantin perempuan mengirinkan terlebih dahulu "sireh latlat-nya" atau di-sebut juga "sireh genggam" untuk pengantin lelaki itu. "Sireh latlat" itu ada-lah sa-bagai tanda bahawa pengantin perempuan telah bersedia menunggu kedatangan "raja-nya"; dan "sireh latlat" itu-lah juga yang akan di-genggam oleh pengantin lelaki sa-waktu di-dalam perarakan ka-rumah pengantin perempuan sa-bingga-lah waktu bersuap2 di-jalankan.

Kemudian dengan iringan sa-orang pengapit yang di-pehli khas yang akan melayan dan mengirinkan mempehli

di-dalam p rarakan itu sa-hingga s l sai isti'adat b rsanding, maka b rg rak-lah angkatan "raja sa-hari" ini d ngan di-dahului oleh orang2 p r mpuan (kaum ibu) yang akan b rjalan di-hadapan-nya sa-bagai bunga s ri-nya; dua orang yang b rjawatan khas k rana m m gang bunga manggar yang b rjalan di-kiri kanan m mp lai itu; dan di-ikuti di-b lakang "raja sa-hari" itu pasokkan bunyian2, sap rti: sa-pasokkan kompang, atau r bana, atau hadhrah, atau sa-pasokkan pancharagam yang m mbawa lagu pujian2 kapada Nabi dan p ngantin itu sa-bagai ganti g ndang nobat yang di-palu, maka b rarak-lah m mp lai ka-rumah p ngantin p r mpuan. Di-dalam p rarakan ini, kalau d kat, raja sa-hari itu akan b rjalan kaki sahaja-lah, t tapi kalau jauh, akan di-tandu-lah d ngan sa-j nis usongan, atau m nonggang kuda, atau b rk reta pada hari ini.

Manakala sampai di-halaman rumah p ngantin p r mpuan, maka angkatan p rarakan itu pun, pada 'adat-nya, m sti-lah di-sambut t rl beh dahulu d ngan taboran b ras kunyit dan renjisan ayer mawar dari sa-orang atau dua orang dari waris2 tua pehak p ngantin p r mpuan. Sa-t lah itu b rsalam2an d ngan k tua angkatan p rarakan dari pehak p r mpuan sambil m nj mpot sa-kalian kaum ibu itu di-p silakan naik ka-rumah.

(Kadang2 ada juga sambutan di-buat orang p ngantin p r mpuan datang m nyambut m mp lai-nya dari halaman rumah-nya dan sama b riringan naik ka-rumah langsung t rus ka-p lamin, atau di-dudokkan t rl beh dahulu di-t mpat yang t lah di-s diakan di-halaman rumah-nya k rana sambutan silat p chak yang di-adakan di-situ sa-bagai p nghormatan kapada "raja sa-hari-nya", s m ntara pasokkan bunyian2-nya m namatkan lagu2 pujian atau zikir-nya!)

K mudian datang pula sa-orang wakil l laki m nyambut s rta m n rangkan apa2 p ratoran yang akan di-buat di-

dalam masa isti'adat pērsandingan antara mēmpēlai dēngan pēngantin di-pēlamin sa-chura bērbisek² kapada pēngapit mēmpēlai itu dan mēmpērsilakan kēdua mēmpēlai dan atau bērsama pēngantin itu sa-kali naik kērana isti'adat pērsandingan mēreka di-singgahsana-nya.

Maka di-dalam majlis pērsandingan ini-lah di-atas pēlamin dēngan di-hadapi oleh dhif² yang kēhormat di-adakan pula isti'adat makan nasi suap-suapan oleh mak pēngantin. Dan dari kēadaan 'adat ini-lah lahir-nya pēribahasa: "raja sa-hari".

Itu-lah sa-bahagian dari 'adat isti'adat bērarak dan bērsanding.

Chatetan:

Ada pun yang di-katakan "bunga manggar" itu ia-lah dua jambak bunga yang di-pērbuat daripada kērtas yang bērwarna-warni di-lilitkan pada lidi kēlapa sērta di-pachakkan pada dua biji buah bētek atau nēnas muda yang tēlah sēdia tērpachak tērlēbeh dahulu di-dua batang galah. Oleh kērana chura pēnyusunan bunga² itu sa-akan² manggar kēlapa, maka itu-lah di-namakan "bunga manggar".

Pada zaman dahulu bunga manggar ini di-pērbuat daripada bērmacham² bunga yang di-karang dan di-susun dēngan elok dan chantek. Tujuan di-adakan bungan manggar ini, sa-bēnar-nya, tidak lēbeh dari bērsuka² sahaja kērana mēngarak raja sa-hari yang mēngēpalai pērarakkan itu.

Walaupun di-dalam bab ini tidak ada di-chatetkan suatu kēbiasaan yang tēlah mēnjadi 'adat sa-bēlum mēmpēlai dapat mēndudukki 'singgahsana-nya'; ia-itu 'adat mēnēbus pintu dan 'adat mēnēbus pēlamin, maka baik-lah juga di-chatetkan di-sini 'adat² itu, sa-bagai suatu pēngētahuan umum sahaja.

Ada pun 'adat tērsēbut ada-lah bērmula dari suatu 'adat "chukai pērbatasan" yang di-ulukan oleh To' Pēnghulu atau kētua kampung itu sēndiri di-suatu pērbatasan kawasan antara kampung pehak mēmpēlai dēngan kampung pehak pēngantin pērēmpuan ia-iatu apabila sa-saorang mēmpēlai itu datang dari suatu kampung yang bērlainan pēnghulu atau kētua kampung-nya. Tētapi jika mēmpēlai itu dari kampung itu sēndiri, maka dēngan sēndiri-nya "chukai pērbatasan" itu tidak di-kēnakan.

Kerana itu di'adatkan-lah pula ada-nya "tëbus pintu", "tëbus jalan" dan "tëbus pelamin" atau "tëbus kipas".

Kalau di-dalam 'adat "chukai përbatasan" itu sa-orang mëmpëlai mësti mëmbayar chukai-nya kerana përsëmëndaan-nya, maka dëmikian-lah juga "chukai pintu" atau "tëbus pintu" itu, di-mana tëläh di'adatkan bëbërapa orang pëmuda—lazim-nya dari pënan-gah2—akan mënghalang di-hadapan pintu masok mëmpëlai itu dëngan tujuan bërsuka2 sahaja. Jika jalan yang di-masoki oleh mëmpëlai lëbeh dari satu pintu, maka akan dua tiga kali-lah mëmpëlai mëmbayar tëbus pintu itu; begitu juga jalan di-atas këtapak bawah pelamin itu dudok pula bëbërapa orang përempuan mënyëkau jalan mëmpëlai itu untok naik ka-pelamin, mëmpëlai mësti-lah mëmbayar tëbus-nya tëlëbeh dahulu.

Sa-tëläh sëmuë tëbusan di-atas di-sëlësaikan maka mëmpëlai pun di-bawa-lah ka-atas pelamin oleh pëngapit-nya untok di-dudok-kan di-sabëläh kanan pëngantin përempuan. Di-sini-lah ghalib-nya mëmpëlai tërpaaksa mëmbayar tëbus yang agak mahal sadikit kerana untok mëndudoki 'takhta kërajaan sa-hari-nya' kapada 'mak pëngantin'. Ini-lah yang di-katakan "tëbus pelamin" (Jika mak andam itu dudok di-atas pelamin!) atau "tëbus kipas" (Jika mak andam itu mënutuy muka pëngantin përempuan dëngan kipas!).

Sëgala bayaran kerana tëbusan2 tërsebut tidak-lah sama di-antara satu tëmpat dëngan satu tëmpat yang lain di-nëgëri ini; dan ada sa-tëngah2-nya pula sëgala bayaran2 itu mënurut përanjian yang tëläh di-atot tëlëbeh dahulu di-antara këdua2 bëlah pehak.

Tëtapi përubahan masa dan këadaan di-waktu ini, 'adat ini hampir sudah tidak di'amalkan lagi oleh këbanyakan orang2 Mëlayu, hatta di-kampung yang jauh tërpeñcil pun. Itu-lah sëbab-nya di-dalam isti'adat bërarak dan bërsanding tadi tëläh tidak di-sëbutkan tëntang 'adat "bërtëbus" ini.

MAKAN NASI SUAP-SUAPAN

Se-panjang yang di-ketahui bahwa 'adat "makan nasi bersuap-suapan" ini ada dua cara ia-itu menurut keadaan tempat-nya.

Pertama, sèlang mata para jèmputan dan dhif² yang kèhormat tørtumpu pènoh kapada kèdua mèmpe²lai dan pèngantin; dan saling giat dan sindir yang mængusek hati mèmpe²lai dan pèngantin mènjadi² dari rakan²-nya, maka mak pèngantin pun mèmulkan-lah 'adat "bersuap-suapan" di-antara kèdua pèngantin itu, ia-itu mak pèngantin itu sèndiri mangambil sa-jèmput nasi kunyit yang tèlesèdia di-hadapan pèlamin di-atas pahar astakona itu dan di-bèri-nya pèngantin dan mèmègangkan dèngan dua jari-nya lalu mènnyuapkan-nya sa-bagai sharat sahaja ka-mulut mèmpe²lai; dan bagitu-lah juga sa-balek-nya di-buat dari mèmpe²lai kapada mulut pèngantin oleh mak pèngantin sa-banyak tiga kali bérturut².

Kèdua, di-pèrsilakan sa-orang yang tèrhorat atau yang tèrkènal datang ka-hadapan mèmpe²lai dan pèngantin yang bèsanding itu sambil mængangkat tangan macham mæng-hadap raja² (di-sini-lah lahir-nya pèribahasa kèdua pèng-antin baharu itu di-katakan sa-bagai "raja sa-hari" yang mèsti di-balas oleh kèdua pèngantin dèngan mængangkat tangan-nya juga sa-bagai mèmbalas "sèmbah-nya" itu.

Sa-sudah itu baharu-lah di-jemput-nya (di-ambil-nya) dua kēpal nasi kunyit—sa-kēpal di-lētakkan di-atas tapak tangan pēngantin dan sa-kēpal lagi di-atas tapak tangan mēpēlai—kēmudian bērsama2-lah pēngapit mēmpēlai dan pēngapit pēngantin “mēnyuapkan” nasi yang ada di-tapak tangan kēdua pēngantin itu ka-mulut: pēngantin ka-mulut mēmpēlai-nya; dan mēmpēlai ka-mulut pēngantin. Kēmudian orang itu pun mēngangkat tangan sa-mula saperti atoran pada mula-nya dan bērundor dari situ sa-tēlah mēnērima hadiah bunga tēlor untok mēmbērikan pēluang kapada yang lain mēlakukan isti’adat itu bērgilir2 mēnurut yang di-fikirkan pērlu oleh mak pēngantin. Kēmudian kaum ibu pula mēngambil tēmpat mēlakukan isti’adat itu bērganti2: tiga atau lima orang.

Sa-tēlah sēlēsai di-jalankan isti’adat bērsuap itu, mak pēngantin pun mēmpērsilakan-lah pula kapada sanak saudara dan sahabat handai untok mēlihat-nya dēngan sa-puas2nya, sa-bēlum kēdua pēngantin itu di-turunkan dari pēlamin untok di-bawa masok ka-bilek “pēraduan-nya”.

Di-dalam bilek ini kēdua pēngantin itu di-dudokkan di-atas suatu tēmpat yang tēlah di-sēdiakan khas kērana-nya dēngan bērsila bagi mēmpēlai dan bērsimpoh bagi pēngantin di-hadapan tēmpat pēraduan mēreka yang tēlah tērhias dēngan sa-indah2 kēadaan dan pērhiasan. Sa-tēlah itu mak pēngantin pun mēngambil kēdua2 tangan mēmpēlai dan pēngantin di-salamkan-nya sa-bagai tanda pērkēnalan pēndahuluan di-antara suami-istēri itu. Kēmudian kēluar mak pēngantin itu dari bilek itu dan mēnutup pintu bilek itu kira2 satu jam lama-nya bagi mēmbērikan pēluang kapada kēdua pēngantin itu mēmulakan tēgor sapa-nya untok pērtama kali-nya.

Chatetan:

Ada pun yang di-katakan "makan nasi bĕrsuap-suapan" itu ia-lah bĕrbalas2 suap di-antara pĕngantin dan mĕmpelai sa-bagai mana yang tĕlah di-tĕrangkan di-atas. Dan bĕnda yang di-suapkan itu ia-lah nasi kunyit atau di-sĕbut juga "nasi kĕemasan" oleh orang tua2.

Nasi kunyit ini di-buat daripada bĕras pulut. Bĕras pulut ini di-rĕndam dĕngan kunyit,—kunyit yang tĕlah sĕdia di-tumbok halus tĕrlĕbeh dahulu—sa-lama satu malam sa-baik2-nya supaya bĕras pulut itu mĕjadi kuning; kĕmudian di-sĕjat dan di-kukus hingga masak dan di-gaul pula dĕngan santau yang tĕlah di-buboh garam sĕdikit.

Pulut ini-lah yang di-namakan "nasi kunyit" kĕrana warna-nya kuning-kunyit. Dan orang2 Mĕlayu mĕnggunakan nasi kunyit ini bukan sahaja di-dalam isti'adat "makan nasi bĕrsuap-suapan" ini sahaja, tĕtapi juga di-dalam isti'adat2 lain, umpama-nya: bĕrchukor rambut, bĕrkhatam dan bĕrkahtan, sa-waktu anak2 mĕngaji Kur'an mĕningkat juzu' yang kĕlima bĕlas, mĕnjamu kĕramat2 atau mĕnunai-kan hajat dan sa-bagai-nya.

Di-dalam isti'adat "makan nasi bĕrsuap-suapan" ini-lah nasi kunyit yang di-tarohkan pada satu astakona yang bĕrsudut lapen hingga mĕlanjong tinggi; dan di-hiasi pada sa-kĕtiling-nya dĕngan kĕrtas ayer pĕrada yang bĕrhunga2 awan larat.

Dan di-tĕngah punchak lanjongan nasi kunyit itu-lah pula di-pachakkan umbut batang pisang yang sudah di-kĕrat dan di-bĕr-uhkan elok2 sĕrta di-balut dĕngan kĕrtas ayer pĕrada juga. Dan kĕmunchak batang pisang itu di-pachakkan pula satu jambangan bunga kĕrtas atau baldu atau pĕlastik yang bĕrupa sapĕrti bunga yang sĕdang bĕrkĕmbang indah dĕngan daun2-nya yang subur sa-kali. Dan di-bawah kuntum bunga2 itu pula di-buboh satu layar (sa-bagai bĕndĕra kĕchil), di-mana di-bawah layar itu tĕrlĕtak-nya tĕlor masak yang tĕlah di-chochok dĕngan joran atau tangkai bunga itu. Sĕbab itu-lah di-namakan tĕlor itu "bunga tĕlor".

'ADAT BUNGA TĒLOR

Bĕtapa bĕsar-nya ĕrti bunga tĕlor di-sisi bangsa Mĕlayu dapat kita lihat sĕndiri dari ĕrti yang tĕrkandung dari bunga tĕlor itu sĕndiri dĕngan kata2 pĕpatah-nya:

"Titian yang tidak lapok dek kĕadaan tali yang tidak putus dek ayunan".

Dĕmikian-lah bunga tĕlor tĕlah mĕnjadi suatu 'adat turun-tĕmurun dari dato' nenek yang tidak dapat di-pisahkan lagi dari masharakat bangsa Mĕlayu di-dalam suatu majlis pĕrkahtwinan atau di-dalam sa-suatu upachura 'adat yang lain.

Gambar bunga tĕlor yang tĕrtera di-sini ada-lah mĕngandongi ĕrti:

1. Bahawa bunga yang sĕdang kĕmbang indah itu ada-lah mĕnunjokkan bagitu-lah kĕmbang-nya hati tuan rumah kĕrana kĕdatangan tĕtamu2 yang tĕlah sudi mĕra'ikan majlis pĕrkahtwinan anak-nya.
2. Layar atau bĕndera kĕchil yang tĕrlĕkat di-antara joran dan tampok bunga tĕlor itu yang tĕrbuat dari-pada kĕrtas ayer pĕrada bĕrbunga awan larat ada-lah mĕnunjokkan bagaimana mĕriah-nya tuan rumah mĕnyambut kĕdatangan dan mĕnguchapkan sĕlamat jalan kapada tĕtamu2 itu.



3. Batang joran bunga telur itu ada-lah mēnunjokkan bagaimana bēsar-nya harapan tuan rumah itu supaya pērhubungan yang tēlah tējalin dēngan pēnoh kēmēsraan itu tidak akan putus sa-tēlah sahaja majlis pērkahwinan anak-nya itu sēlēsai: dan batang joran itu-lah di-katakan sa-bagai:
"titian yang tidak lapok dek kēadaan,
tali yang tidak putus dek ayunan".
4. Sa-kēpal nasi kunyit tēmpat tērhochochok batang joran di-bawah telur dan bunga itu ada-lah di-maksudkan bahawa sa-kira-nya di-dalam majlis pērkahwinan anak-nya itu tērdapat salah khilap-nya: sama ada dēngan makan minum, atau layanan yang tidak sēmpurna dan sa-bogai-nya, maka nasi kunyit itu-lah sa-bagai pērsēmbahan mēreka kērana kēsalahan2 itu dan mēnuntut ma'af dan ampun kapada tētamu2 itu. Itu-lah bunga telur dan nasi kunyit yang di-harapkan-nya sa-bagai ganti 'sa-jambar nasi kunyit dan sa-ekor ayam singgang' untok "mēmba-

yar" kesalahan2 yang mungkin sa-kali terdapat di-
dalam majlis2 besar sa-rupa itu.

Tetapi pada masa sekarang bunga2 teloe ini di-perbuat
berbagai2 chara, rupa dan bentuk; dan di-isikan pula di-
dalam bakul2 chomel yang di-buat daripada kotak2 atau
pelastik warna-warna yang merupakan burung2, rama-rama,
ikan2 dan sa-bagai-nya.

Bagitu juga nasi kunyit telah tidak di-pergunakan lagi
sa-bagaimana maksud di-atas kerana 'chomel-nya' bakul2
bunga teloe itu; dan sa-bagai ganti-nya di-isikan pula di-
dalam bakul2 itu bunga rampai sa-bagai 'bunga tangan'
sahaja, atau hanya teloe sa-biji sahaja.

Chatetan:

(a) Panjang joran bunga teloe itu ialah kira2 10 sampai 12 inci,
dan teloe yang telah di-rebus itu ada yang berwarna merah, biru,
hijau, putih dan sa-bagai-nya, menurut kesukaan masing2.

(b) Bunga rampai ada-lah di-perbuat daripada daun pandan
wangi yang telah di-mayang halus2 di-gaul pula dengan kelopak2
bunga kenanga, mawar, chempaka, melor, ros dan sa-bagai-nya. Dan
untuk menambahkan wangi-nya lagi remuan2 ini di-ukup pula
menambahkan wangi-nya lagi remuan2 ini di-ukup pula dengan ayer
dengan ayer wangi dan chodana. Seblah-nya bunga ini di-gunakan
dalam majlis2 berikhatam, pertunangan, perkahwinan dan di-dalam
upacara 'adat lilit-nya.

MAKAN NASI ADAB-ADAB

Ada pun yang di-katakan "makan nasi adab-adab" satu lagi 'adat rēsam Mēlayu yang di-jalankan di-sabēlah malam-nya bērikut sa-tēlah sēlēsai-nya isti'adat bērsanding di-antara mēmpēlai dēngan pēngantin-nya. Di-dalam isti'adat ini bērbagai2 jēnis lauk-pauk yang sēdap dan ladzat chita rasa-nya yang di-buat khas kērana-nya di-hadapan pēlamin.

Kēmudian mēmpēlai dēngan pēngantin-nya pun di-pērsilakan-lah dudok bērdēkat2an di-majlis makanan yang tēlah tērhidang itu. Mēmpēlai di-apit oleh pēngapit-nya dan pēngantin di-apit pula oleh pēngapit-nya atau oleh mak pēngantin sēndiri. Dan sa-tēlah di-jēmput saudara mara yang karib dari kēdua2 bēlah pehak dan sahabat2 yang tērkēnal sērta bēbērapa orang yang pandai bērjēnaka sachara sopan, maka di-isharatkan-lah pēngantin pērēmpuan itu oleh pēngapit-nya atau oleh mak pēngantin mēmulakan majlis ini dēngan mēngangkatkan tēmpat pēmbasoh tangan sērta mēnghulorkan ka-tangan suami-nya; dan mēmpēlai pun mēmbasoh-lah tangan-nya. Kēmudian baharu-lah pēngantin pērēmpuan sēndiri mēmbasoh tangan-nya pula.

Sa-tēlah itu di-ikuti-lah sēgēra oleh para jēmputan khas tadi mēmbasoh tangan dan makan-lah bērsama2 kēdua pēngantin itu. Lawak dan kēlakar pun mulai-lah di-kēluar-

kan dengan kata2 yang boleh menyenangkan dan menggelikan hati kedua pengantin itu serta para jemputan khas dan yang hadir kerana melihat sahaja pada masa itu. Dan di-dalam gelak-ketawa itu-lah pengapit perempuan atau mak pengantin mengambilkan lauk dan apa2 yang patut di-berikan ka-tangan pengantin perempuan supaya di-berikan-nya pula kepada mempelai-nya. Kemudian pengapit pihak mempelai pula mengangkat lauk dan apa juga yang di-fikiran-nya baik di-berikan ka-tangan mempelai untuk di-letakkan pula ka-atas pinggan pengantin-nya. Maka gelak ketawa pun terjadi2-lah pada masa itu.

(Di-satengah2 tempat pula hanya pengantin perempuan sahaja yang di-adakan mengambilkan lauk-pauk di-berikan atau di-letakkan di-atas pinggan mempelai-nya; dan sa-telah itu mempelai hendak-lah mengambil pemberian pengantin-nya itu lalu di-berikan pula kepada pengapit-nya untuk di-bahagi2kan kepada para jemputan khas itu pula. Di-sini juga akan menimbulkan gelak-ketawa yang sangat meriah sa-kali!)

Sa-benar-nya tujuan mengadakan majlis ini sa-bagai memenuhi syarat 'adat sahaja dengan maksud dengan adanya gelak-ketawa di-dalam majlis itu akan segera-lah melahirkan rasa kasih dan mesra di-antara kedua pengantin baharu itu, sesuai dengan kata 'adat orang tua2 dahulu: "kahwin dulu, kemudian baru berkasih mesra".

Di-dalam isti'adat yang sa-rupa ini, sa-benar-nya, kedua pengantin pun hanya makan sa-bagai syarat sahaja—jangan tidak—kerana kedua pengantin itu tidak-lah di-bolehkan menurut 'adat itu untuk makan sa-kehendak sekira-nya; biar pun keadaan di-waktu itu kedua pengantin itu sangat lapar sa-kali pun!

Sa-telah selesai makan dan minum, di-hidangkan-lah pula di-dalam isti'adat itu juadah yang merupakan koch-much yang berbagai2 rupa, jenis dan bentuk-nya kerana

mēnchuchi mulut. Maka di-sini pun lawak-jēnaka terus berlaku di-antara para jēmputan khas itu dan dari orang2 yang turut mēlihat kētika majlis itu di-adakan.

Manakala isti'adat ini sēlēsai sahaja dan tēlah di-kēmas-kan sēgala hidangan2 itu, di-adakan pula isti'adat bērsalam2an, ia-itu mēmpēlai dan pēngantin bangkit bērsama2 mēndapatkan para jēmputan dan sa-kalian yang hadir kētika itu mēnghulorkan tangan bērjabat salam di-ikuti oleh pēngantin sambil di-pērkēnalkan satu pērsatu di-antara para hadirin yang hadir pada masa itu. Sa-tēlah itu para hadirin pun mēminta-lah diri pulang ka-rumah masing2.

Kini hanya mēmpēlai sahaja yang tinggal bērsama2 dēngan sa-orang pēngapit-nya atau bēbērapa orang lagi tēman2-nya kērana mēnēmani-nya tidor pada malam itu. Maka tidor-lah mēreka bērsama2 di-bilek pēngantin atau di-dalam satu bilek yang tēlah di-khaskan untok mēreka tidor pada malam itu. (Di-satēngah2 tēmpat pula bukan sahaja tidak di-bēnarkan oleh 'adat pēngantin lēlaki untok tidor di-dalam bilek-nya atau di-dalam suatu bilek lain, tētapi tidak di-bēnarkan juga oleh 'adat untok tidor pada malam itu. Ia harus bērjaga tērus hingga ka-pagi dan pulang ka-rumah-nya sēndari sa-bēlum mēnjelang waktu suboh!)

Jika di-dalam 'adat isti'adat ini mēmpēlai di-bēnarkan oleh 'adat tidor di-dalam bilek-nya, maka dēngan sēndiri-nya pēngantin pērēmpuan ada-lah di-'adatkan tidor di-bilek lain kērana mērehatkan diri-nya sa-tēlah dua tiga hari yang lalu ia tidak dapat mērehatkan diri-nya kērana tērpaksa mēlakukan bērmacham2 hal yang bērhubong dēngan 'adat isti'adat pērkahwinan-nya itu. Dan mēmpēlai yang di-tēmani tidor oleh pēngapit-nya dan rakan2-nya yang lain itu ia-lah supaya ia tidak-lah lēngan tidor kēsuarangan.

Esok pagi di-adakan-lah pula hidangan makan atau sarapan pagi yang di-hidangkan oleh pengantin sendiri kepada mempelai-nya dan kepada pengapit dan rakan2 mempelai-nya. Sa-sudah sarapan, maka pengapit dan rakan2 mempelai itu pun harus-lah meminta diri pulang ka-rumah masing2; dan tinggal-lah mempelai sa-orang diri di-rumah itu, atau meminta izin kepada iberi-nya dan pada mertua-nya untuk pulang dahulu bersama2 rakan2-nya itu.

(Terkadang2 di-adakan juga di-dalam isti'adat ini 'adat "melojlang" ka-rumah ibu bapa mempelai pada pagi itu bersama2 mempelai dan keluarga2 yang tertua dari sa-belah pihak perempuan!)

Dan untuk pertama kali-nya pada hari ini mempelai berpeluang makan tengah hari bersama2 pengantin-nya di-dalam bilek-nya berdua2an sahaja.

Tetapi kerana menurut 'adat pada malam yang kedua pun pengantin masih belum di-benarkan tidur bersama dengan mempelai-nya, maka sa-telah menghidangkan makanan dan makan bersama2 pada malam ini, serta sa-telah mengemaskan-nya dan beramah-tamah agak sa-bentar, maka hendak-lah pengantin meminta kebenaran dengan mempelai-nya kerana hendak tidur bersama2 sahabat sa-sama daranya di-suatu bilek khas bagi mereka itu, kerana ini-lah kali yang akhir sa-kali pengantin dapat tidur bersama2 dengan sahabat2 sa-sama daranya itu.

Esok pagi-nya baharu-lah mereka di-benarkan oleh 'adat berchakap2 dan beramah mesra di-dalam sa-hari2an itu; dan di-benarkan pada malam yang ketiga-nya untuk tidur bersatu.

Chatetan:


Demikian-lah tiap2 hari dan malam sa-lama dua hari dua malam; dan sa-lama itu-lah pula pengantin perempuan akan di-salinkan pakaian-nya empat kali sa-hari—bukan pakaian khas pengantin lagi—dengan pakaian yang indah2, ia-itu pertama kali sa-waktu akan menhidangkan makanan pagi, kedua sa-waktu menhidangkan makan tengah hari, ketiga sa-waktu menhidangkan minuman teh petang dan keempat kali-nya sa-waktu menhidangkan makanan malam. Dan sa-tiap kali menhidangkan makanan2 itu, pengantin ada-lah di-galakkan untok berlama-lamaan sedikit di-dalam bilek kerana melayan mempelai-nya: bergurau senda dan sa-bagai-nya bagi membekikan peluang antara mereka menyemaikan bibit cinta kasih di-antara mereka berdua.

ALAT2 BUNYIAN DAN PERMAINAN MELAYU

Sa-sungguh-nya alat2 bunyian yang gambar-nya tertera di-atas ada-lah satu lagi tanda yang menunjukkan bahawa bangsa Melayu bukan saja terkenal di-dalam 'adat isti'adat hidup-nya sahaja, tetapi juga di-lapangan kesenian dan permainan pun tidak ketinggalan juga.

Gambar ini menunjukkan:

1. Kereta lembu;
2. Marwas;
3. Kompang (rabana Jawa);
4. Gendang gedombak;
5. Gambus;
6. Gendang nobat;
7. Rabana kecil;
8. Gasing;
9. Raga sepak (atau bola raga);
10. Rabana besar;
11. Gasing panjang (atau gasing jantung);
12. Tumbok lada gading.



MALAM BĒRSATU

Sa-tĕlah mĕng(ambil) wazan pada Nabi, mĕng(ambil) turasan pada nang tua; maka pada malam yang kĕtiga (atau ada juga di-satĕngah2 tĕmpat pada malam yang kĕlima dan pada zaman 50 atau 30 tahun dahulu maseli ada hingga 40 malam!) akan tidor-lah bĕrsama2 kĕdua pĕngantin baharu itu dalam pĕralehan sĕjarah hidup-nya yang pĕnoh dĕngan dĕbaran jantung hati masing2.

Mĕngikut 'adat, pĕngantin pĕrĕmpuan itu, sa-tĕlah sĕ-lĕsai makan malam bĕrsama2 suami-nya dan sa-bĕlum waktu tidor akan di-bawa-lah kĕluar tĕrlĕbeh dahulu oleh mak pĕngantin di-pakaikan sa-kali lagi dĕngan pakaian yang sĕrba mĕnarek. Bagitu juga dĕngan hiasan2 bilek itu: chadar, sarong2 bantal-nya dan lain2 lagi akan di-tukar dĕngan chadar dan sarong2 bantal yang sĕrba puteh sĕmuanya; dan bantal pĕlok yang tĕrlĕtak di-tĕngah2 tĕmpat pĕraduan-nya itu pun di-lĕtakkan pula sa-hĕlai sapu tangan puteh. Maka tidor-lah mĕreka bĕrdua di-dalam bilek itu dĕngan tidak mĕndapat gangguan dari sa-siapa pun.

Di-sini-lah di-antara kĕdua2 pĕngantin itu saling duga mĕnduga mĕnurut tinggi rĕndah-nya pĕndidekan ilmu pĕngĕtahuan mĕreka dan kĕ-tĕrtipan hidup sa-bagai suami istĕri untok mĕngĕtahui kĕ-jujoran masing2 dan ka-bĕrschan-nya sa-bagai sa-orang tĕruna dan sa-orang dara.

Méngitkut 'adat Mélayu, manakala sampai sa'at-nya méreka akan mémadukan silaturrenhanim—ményatukan hayat di-antara méreka bérdua, maka akan bérkata-lah térlébeh dahulu pehak mémpélai itu déngan bahasa 'Arab (mungkin kéréna térlalu bérat lidah-nya untok ménguchapkan di-dalam bahasa ibunda-nya séndiri atas pérkara yang sangat ményulitkan-nya itu!) déngan lafaz-nya:

"Assalamu'alsikum ya habur Rahman," atau: **"sélamat atas kamu, wahai pintu yang amat pémurah!"**

Salam yang di-uchapkan oleh pehak mémpélai itu héndak-lah ségéra di-sambut déngan salam juga oleh péngantin.

"Wa 'alikumussalam ya sharbatul Hajat", atau **"dan sélamat-lah atas kamu juga, wahai minuman hidup-ku!"**

Bagitu-lah péri kéhalusan adab sopan-santun dalam pérhubungan suami dan istéri sa-bagaimana yang di-kéhéndakki oleh 'adat résam Mélayu yang ménunjokkan kétinggian budi atoran2 hidup bangsa Mélayu dari zaman dato' nenek.

Dan sa-télah sélésai malam persatuan hayat yang pér-tama di-antara méreka déngan kéadaan yang sélamat, maka pada pagi esok-nya, sa-bélum 'adat mandi2 atau bérlimau di-jalankan, maka mak péngantin akan ségéra-lah térlébeh dahulu ménemui mémpélai atau suami péngantin itu kéréna untok méméreksa atau ményaksikan séndiri tanda2 yang ménunjokkan bahawa istéri-nya itu, sa-bénar-nya, ada-lah dara suchi yang télah chukup mémberikan puas hati kapada-nya. Dan tanda yang ada di-sapu tangan itu-lah yang akan di-bawa pula oleh mak péngantin untok di-tunjokkan pula kapada kédua ibu-bapa kédua2 péngantin baharu itu.

MANDI-MANDI ATAU BĒRLIMAU

Walau pun pada masa sĕkarang 'adat "mandi-mandi" atau "bĕrlimau" jarang di-lakukan orang lagi, tĕtapi molek juga kalau di-tĕrangkan di-dalam bab ini akan sĕbab2 di-adakan 'adat tĕrsĕbut oleh dato' nenek kita.

Mĕnurut 'adat bahawa tujuan pĕrtama dari 'adat mandi-mandi atau bĕrlimau itu ia-lah untuk mĕnunjokkan bahawa anak dan mĕnantu-nya tĕlah sĕlamat sĕmpurna di-dalam mĕnunaikan satu daripada hikmah2 bĕrkahwin bagi mĕnyambong hidup kĕ-turunan-nya di-dalam kĕadaan yang di-redhai oleh hukum dan 'adat.

Tujuan kĕdua ia-lah kĕrana hĕndak mĕnyukakan hati anak2 muda dan mĕreka yang tĕlah bĕrsusah payah bĕkĕrja mĕmbuat balai2, mĕnjadi pĕnangguh, mĕnchuchi pinggan mangkok dan pĕriok bĕlanga, mĕmbuang sampah sarap, mĕmbuka sa-mula balai2 dan mĕmulangkan sa-mula barang2 yang di-pinjam; bahkan banyak lagi pĕrkara2 lain yang tĕlah di-buat oleh mĕreka dalam usaha mĕnyĕmpurnakan hari langsung anak dan mĕnantu mĕreka.

Jadi dapat-lah di-katakan bahawa 'adat mandi-mandi atau bĕrlimau itu di-adakan ia-lah sa-bagai pĕnghargaan dan ucapan balas tĕrima kasih ibu-bapa dan kĕdua pĕngantin baharu itu kepada mĕreka yang tĕlah mĕmbĕrikan pĕrtolongan pada hari pĕrkahwinan-nya itu. Kĕrana itu-lah, 'adat

mandi-mandi itu di-adakan ia-lah untok membèrikan peluang sedikit sa-banyak tèrutama kapada pèmuda-pèmudi-nya berpandangan dan bèrtukar balas sènyuman bagi mémungkinkan di-antara mèreka pula mènchari jodoh pèrtèmuhan pada masa2 yang akan datang.

Dapat juga di-sèbutkan bahawa 'adat mandi-mandi ada-lah pènutup atau pènamat dari hari langsung mèreka. 'Adat ini biasa-nya di-jalankan ia-lah sa-lèpas tiga hari atau lima hari dari hari langsung kèdua pèngantin baharu itu. Tètapi ada juga yang mèlakukan upacara 'adat ini sa-hari sa-lèpas dari hari langsung kèdua pèngantin baharu itu.

Bagaimana pun dalam mèlakukan upacara 'adat ini tidak-lah sama di-antara satu tèmpat dèngan satu tèmpat yang lain, umpama-nya di-Johor, kèdua pèngantin hanya di-kèhendaki di-dalam upacara 'adat ini hanya chukup dèngan mèlakukan sa-chara isharat sahaja, sèdang di-Mèlaka dan di-Nègèri Sembilan kèdua pèngantin ada-lah di-kèhendaki sa-chara langsung mandi-mandi di-hadapan khalayak ramai dan bèrsalin pakaian sèrba baharu di-situ juga. Bagitu juga dalam mènnyèdiakan alat2 yang di-pèrlukan bagi upacara 'adat ini dan pèratoran-nya tidak-lah sama.

Tètapi pada kèsèluruhan-nya 'adat yang lazim di-jalankan orang ia-lah pada hari mandi-mandi itu—biasa-nya di-sabèlah pètang, tètapi ada juga yang mènjalankan-nya di-sabèlah pagi—kèdua2 pèngantin baharu itu akan di-sandingkan lagi dèngan pakain yang sèrba baharu dan indah di-atas pèlamin dèngan di-hadapi oleh kèluarga dan sanak saudara kèdua2 bèlah pèhak pada hari itu. Kémudian akan di-bachakan-lah do'a sèlamat dan khèndèri tolak bala'; dan sa-lèpas itu baharu-lah di-bawa turun kèdua2 pèngantin itu kèrana upacara bèrmandi-mandi oleh mak pèngantin. Tètapi sa-kira-nya kèdua2 pèngantin baharu itu masèh ada lèngkap dato' nenek-nya, maka yang akan mèlakukan upacara ini mèsti-lah dato' nenek kèdua2 pèhak itu-lah tèrlèbeh

dahulu dengan menyiramkan ayer limau atau ayer tolak bala' itu dari atas kepala pengantin hingga ka-hujung jari kaki-nya, kemudian baharu-lah mak pengantin itu meneruskan upacara itu.

Apabila kedua pengantin itu telah selesai mandi-mandi, maka orang ramai, saudara-mara dan sahabat handai pun, lelaki dan perempuan akan bersuka2-lah dengan simbah-menyimbah dengan baki ayer mandi-mandi kedua pengantin itu, sa-hingga menyebabkan sa-isi rumah pengantin basah kuyup dengan penoh keriangan dan berkéjaran2 di-antara satu dengan yang lain-nya.

Akhir sa-kali: bagaimana mula demikian-lah juga sudah-nya kedua pengantin itu di-'adatkan makan beradab-adab sa-kali lagi.

Ada juga yang melakukan upacara mandi-mandi ini dengan mengadakan terlebih dahulu panca-persada bagi tempat kedua pengantin itu bermandi-mandi dan bersintok limau di-halaman rumah-nya. Dua bekas ayer—selalu-nya tempayan—yang telah berisi penoh dengan ayer suchi dan jernih, ia-itu ayer tolak bala' kemudian di-masokkan pula limau purut: tiga atau lima biji yang telah di-potong2, maka baharu-lah kedua pengantin baharu itu bermandi-mandi (ya'ani di-mandikan oleh mak pengantin, atau to' pawang yang telah di-panggil khas kerana melakukan upacara itu.

Manakala selesai melakukan upacara mandi-mandi itu kedua pengantin itu di-'adatkan juga mesti-lah bersalin pakaian yang serba baharu dan indah di-tempat itu juga. Se-sudah itu baharu-lah mereka di-bawa keluar dengan bersanding bahu dan di-dudokkan bersanding pula di-hadapan orang tua2 dari keluarga kedua2 belah pihak, sanak-saudara dan sahabat-handai yang telah sedia hadir pada masa itu.

Sa-télah itu di-jémput pula ibu-bapa dan méntua-taya sërta waris2 dudok hampir dèngan kèdua péngantin itu. Sa-jurus kémudian maka bangkit-lah mèmpelei dan péngantin bëriring-iringan ményèmbah ibu-bapa méntua-tayanya sërta waris2 yang karib sa-bagai tanda ménunjokkan bahawa méréka sudah sèlamat bèrsatu dan bértérima kaseh kapada ibu-bapa dan méntua-taya sërta waris2 méréka sémua-nya; dan di-situ-lah juga kèdua péngantin baharu itu di-pèrkénalkan kapada sanak-kèluarga dan pangkat-nya kapada kèdua péngantin baharu itu.

Sa-télah sélèsei mèlakukan upachara2 tèrsèbut di-atas, maka baharu-lah kandang yang mèmagari pancha-pèrsada itu di-buka bagi mèmbenarkan orang2 muda atau siapa sahaja yang suka pada hari itu mèngambil "bèrkat" baki dari ayer mandi-mandi kèdua péngantin tadi. Dèngan dèmikian, maka bèrmula-lah simbah-mènyimbah ayer "bèrkat" itu di-antara satu dèngan lain-nya hingga basah lèchun-lah pakaian masing2 oleh simbahan ayer itu dèngan bèrkata: "bèrkat! bèrkat!!"

Dan sa-siapa yang tidak tahan dèngan simbah-mènyimbah ayer bèrkat itu akan lari-lah bèrsèmbunyi, tètapi samakin kuat méréka mèlarikan diri, maka akan di-kèjar dan di-pèrhambat méréka bèramai2 hingga rioh-lah dèngan gèlak-kètawa yang ménjadi2. Dan sa-siapa yang ada di-kiri kanan tèmpat méréka bèrkèjar2an itu akan burok-lah padahnya oleh simbah-mènyimbah ayer "bèrkat" itu. Bagitu juga dèngan anak2 dara akan bebas-lah pada hari itu untok turut sërta di-dalam upachara yang sangat mèriah itu.

Dèmikian-lah upachara mandi-mandi ini bèrlangsong dèngan pènoh kèséronokan, yang kémudian di-akhiri dèngan khènduri dan do'a sèlamat.

Ada pula yang mèlakukan upachara 'adat ini dèngan isharat sahaja sa-bagaimana yang tèlah di-pèrkatakan di-


atas tadi, ia-itu sa-télah kédua2 péngantin baharu itu di-pakaikan sa-mula déngan pakaian2 baharu yang indah2—ada juga yang mémakaikan déngan pakaian péngantin sa-kali lagi—maka akan di-sandingkan-lah sa-kali lagi di-atas pélamin di-hadapan ibu-bapa dan kumpulan sanak saudara yang karib sahaja. Dan sa-jurus sa-télah itu, kédua2 péngantin pun akan di-bawa-lah ka-téngah2 rumah kérana mélakukan upachara mandi-mandi dan bérsintok limaukan déngan isharat sahaja. ké kemudian sa-télah itu akan di-bawa-lah pula kédua2 péngantin itu oleh mak péngantin ka-bilek péraduan-nya déngan kéadaan suami mémimpin istéri-nya di-hujung sa-bélai sapu tangan. Manakala di-luar, sa-kalian yang ada lélaki dan pérempuan (téutama pé muda dan pé mudinya) mulai-lah bérsiram-siraman, sama déngan kéadaan yang pértama dan kédua di-atas.

Chatetan:

- (a) Sa-lain dari 'adat yang télah di-sébutkan di-atas, ada juga di-saténgah2 témpat bahawa sa-télah 'adat bérmendi-mandi, di-'adatkan juga kédua2 péngantin baharu itu mélangkah bénang tujuh warna, méniap lilia térpasang, mélihat chérmin, méméchahkan kélapa, ményémborkan ayer, ménarek kétopat lépas dan lain2 lagi; dan ké kemudian baharu-lah di-bachakan do'a sélamat.
- (b) Ayer yang di-gunakan kérana 'adat mandi-mandi ini ada juga yang séngaja di-pérbuat dari lima atau tujuh warna ayer atau di-ambil dari tujuh témpat.
- (c) Mé menurut pératoran 'adat ini bahawa kain2 basah kédua2 péngantin baharu ini sa-télah mandi-mandi itu bukan sahaja tidak boleh di-pakai lagi oleh kédua péngantin itu, malah kédua2 péngantin itu di-larang kéras oleh 'adat untuk méngambil dan atau mémérah-nya sahaja sa-kali pun. Dan kain2 basah itu mésti-lah di-hadiahkan kapada mak péngantin atau to' pawang yang télah mélakukan upachara

'adat itu, kerana membuang geroh dari kedua pengantin itu.

- (d) Bahawa 'adat mandi-mandi ini sebenarnya adalah dari Hindu Yuz, walaupun telah banyak menerima perubahan oleh kedatangan agama Islam ke-negeri ini.



PANCHA PERSADA

Menurut 'adat isti'adat raja² Melayu yang telah lalu bahawa manakala sa-orang raja akan di-mahkotakan, maka sa-buah pancha persada bagi isti'adat raja bersiram yang bertingkat² mesti-lah di-bena terlebih dahulu.

Pancha persada ini menurut 'adat-nya ia-lah lima tingkat ia-itu mengambil erti dari pancha itu sendiri yang bererti lima; dan persada bererti rumah mandi ber'adat:

Tingkat pertama di-sabélah atas sa-kali ia-lah tempat raja bersiram di-hadapi oleh pénjawat² pérempuan dan waris² raja pérempuan yang tua².

Tingkat kedua, tempat persëmayaman puteri² (gadis²) raja.

Tingkat ketiga, tempat persëmayaman anak² raja, pérempuan kebanyakan dari istëri mëntëri², orang² besar nëgeri dan dato².

Tingkat keempat, tempat pérempuan² dalam istana dan anak orang baik².

Dan tingkat kelima, tempat pérempuan² ternama, istëri orang baik², istëri dato² pënghulu dan istëri pëgawai² kërajaan.

Gambar di-dalam bab ini ia-lah pancha persada tempat bersiram Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Sha, yang di-pertuan bagi nëgeri Sëlangor Durul-Ihsan pada 28hb. Jun 1961 bësamaan pada 15hb. Muharram 1381, ketika hari pertabalan-nya.

Pancha persada ini ia-lah sembilan tingkat.

BERTANDANG ATAU MENJELANG

Sa-lépas 'adat bérmandi-mandi sélésai di-jalankan, maka di-'adatkan juga bagi kédua péngantin baharu itu mëlakukan upachara 'adat "bértandang" atau "mênjélang" ka-rumah ibu-bapa mêmpe'ai. Dan di-dalam mëlakukan upachara 'adat ini bérgantong juga kapada kéadaan témpat, masa dan kémampuan ibu-bapa. Kérana itu bagi pihak orang yang bérada, 'adat ini akan di-lakukan juga sa-chara bésar2an di-pihak mêmpe'ai-nya dèngan mêngadakan khénduri-kéndara, bérarak dan bérсандing sa-kali lagi di-pélamin, bérbunga télor, mêngadakan pèrmainan dan sa-bagai-nya. Sédang bagi pihak yang kurang bérkémampuan, maka dèngan sèndiri-nya sambutan dalam upachara ini akan kéhil-lah sa-dikit; dan térkadang2 hanya chukup dèngan mêngadakan suatu majlis ringan sahaja.

Kini 'adat bértandang atau mênjélang télah bérubah pola kéadaan-nya, apabila kébanyakan-nya 'adat bértandang ini di-jalankan sa-baik2 sahaja sélésai isti'adat bérсандing di-jalankan di-rumah péngantin pèrèmpuan pada pétang itu juga, ia-itu dèngan mêngarak sa-kali lagi kédua péngantin itu ka-rumah mêmpe'ai untok di-sándingkan di-rumah mêmpe'ai pada pétang atau malam itu juga. Sa-télah itu baharu-lah di-bawa méréka balek sa-mula ka-rumah péngantin pèrèmpuan, kerana makan bérdamai.

Tetapi sa-kira-nya dalam upachara 'adat ini di-jalankan sa-telah 'adat mandi-mandi, maka bebberapa hari kemudian baharu-lah mereka balek sendiri ka-rumah pengantin perempuan. Dengan demikian, selesai-lah sudah 'adat nikah kahwin bagi mereka kedua.

Kemudian baharu-lah kedua pengantin itu di-bawa menziarahi rumah saudara-mara kedua belah pihak untuk 'menyembah' orang2 tua dan berkenalan di-antara saudara-mara semuanya. Kalau kedua belah pihak mempunyai saudara mara yang ramai maka dengan sendiri-nya akan memakan waktu yang lama-lah bagi mereka kedua menziarahi saudara2 itu—mungkin berminggu2 lama-nya!

Dan sa-lama mereka dalam ziarah menziarahi itu, mereka akan di-namakan sa-bagai pengantin baharu; dan pada kebiasaan-nya sa-tiap rumah saudara2 yang mereka ziarahi itu, mereka akan menerima-lah berbagai2 rupa hadiah: "Selamat Pengantin Baharu".

Sa-telah itu baharu-lah so'al sama ada pihak lelaki akan tinggal di-rumah perempuan atau sa-balek-nya, atau akan pindah dari kedua2 tempat tinggal ibu-bapa mereka ada-lah bergantung kepada perundingan mereka berdua dan atau mana baik fikiran kedua orang tua-nya.

'ADAT MĒMINANG DAN KAHWIN JANDA

Dari pĕratoran 'adat isti'adat pĕrkahwinan janda di-kĕhĕndskki juga sa-bĕlum itu 'adat "bĕrtelek pandang", "meminang" dan "mĕnghantar bĕlanja" sa-bagaimana yang di-lakukan dĕngan 'adat pĕrkahwinan anak dara. Tĕtapi di-dalam 'adat ini sĕgala sa-suatu itu di-jalankan dĕngan rengkas sahaja—lĕbeh kurang!

Di-dalam pĕrkahwinan ini apabila sa-saorang lĕlaki itu atau sa-orang anak tĕruna akan kahwin dĕngan sa-orang janda, pada ghalib-nya kĕdua ibu-paba-nya ada-lah mĕngikut sahaja—kalau itu sudah mĕnjadi pilehan hati-nya. Bagitu juga dĕngan si-janda itu ada-lah bĕrkuasa pĕnoh atas diri-nya bagi mĕnolak atau mĕnĕrima lamaran atas diri-nya itu, kĕchuali kalau si-janda itu masih tĕrlalu muda dalam umur-nya untok mĕnĕntukan nasib hidup-nya sĕndiri, maka kĕtika itu-lah baharu kĕdua ibu bapa-nya atau ahli waris-nya yang kuat mĕlakukan sa-suatu pĕrkara yang mĕngĕnai diri si-janda itu mĕnurut mana baik pĕrtimbangan fikiran-nya.

Walau pun sudah ada pĕnĕntuan dari hukum 'adat bahawa mas-kahwin bagi sa-orang janda ia-lah sa-bara pada zaman dahulu, atau lĕbeh kurang \$22.00 sĕkarang ini, atau di-satĕngah2 tĕmpat pula di-nĕgĕri ini sa-banyak \$51.00 atau \$61.00 atau \$101.00 tĕrmasok hantaran bĕlanja hangus, tĕtapi ada juga yang mĕnganggap bahawa pĕrkara mas-kah-

win dan hantaran belanja itu sa-bagai suatu perkara yang ringan sahaja, kerana menurut mereka, apa yang lebih penting ia-lah kesungguhan dan kejujuran niat hati si-lelaki itu yang ingin menjadikan si-janda itu sa-bagai isteri-nya itu-lah yang perlu di-berikan penghargaan terlebih dahulu dari so'al mas-kahwin dan hantaran belanja hangus.

(a) Yang di-katakan janda:

Ada pun yang di-katakan janda bagi sa-saorang itu ia-lah apabila ia telah habis dari hukum 'edah-nya sa-lama tiga bulan sa-puluh hari dari sebab2 sa-bagai berikut:

Pertama: kerana berlaku perche-raian antara diri-nya dengan suami-nya kerana sa-suatu perselisihan yang tidak dapat di-damaikan lagi, atau dari persetujuan bersama kerana di-dapati sudah tidak ada lagi saling mengerti dan hormat menghormati di-dalam rumah-tangga mereka.

Kedua: kerana berlaku tuntutan fasakh dari si-isteri itu kepada suami-nya sesuai dengan ta'lek yang telah di-lafazkan sendiri oleh si-suami itu ketika ber-'akad nikah dahulu. Dan,

Ketiga: kerana suami-nya meninggal dunia (mati). Menurut hukum Islam, bahawa sa-orang isteri yang kematian suami-nya hukum 'edah-nya adalah lebih lama lagi ia-itu empat bulan sa-puluh hari (jika ia di-dalam keadaan berseh).

(b) 'Adat kahwin janda:

Sa-sungguh-nya sa-rengkas2 perkahwinan ada-lah kahwin janda. Di-dalam pekerjaan ini kebanyakan perkahwinan hanya di-jalankan apa yang wajib sahaja dari segi hukum ugama Islam. Sa-telah berijab-kabul dan khenduri-kendara sa-kadar-nya, maka pada masa itu-lah juga mereka telah di-bolehkan dari segi hukum 'adat untuk bersatu pada malam itu juga.

Tetapi ada juga di-satengah2 tempat di-negeri ini yang mengatakan bahwa perkahwinan dengan anak dara sa-kali pun akan di-katakan sa-bagai "kahwin janda", jika sa-kiranya di-dalam perkahwinan itu hanya cukup dengan 'akad nikah sa-chara diam2 sahaja, atau memadai dengan membaca do'a selamat sahaja—tidak ada isti'adat perarakan dan persandingan, tidak ada itu dan tidak ada ini menurut peratoran 'adat nikah kahwin yang biasa.

(c) 'Adat kahwin janda berhias:

Ada pun sebab2 di-katakan berkahwin "janda berhias" pada kebiasaan-nya ada-lah di-sebakan:

- (i) Sungguh pun ia sa-orang janda, tetapi ia ada-lah "janda khutbah" atau "janda dara", ia-itu bercherei mati sa-belum ia bersatu hayat.
- (ii) Sungguh pun ia sa-orang janda, tetapi ibu-bapa-nya orang yang berada dan mengadakan majlis perkahwinan-nya itu sama seperti dengan perkahwinan-nya yang pertama dahulu: berarak dan bersanding sa-kali lagi sa-chara besar2an.
- (iii) Sungguh ia sa-orang janda, tetapi ia ada-lah anak tunggal, rupawan terpuji dan layak untuk di-sandingkan sa-kali lagi. Dan/atau,
- (iv) Perkahwinan-nya itu dengan anak muda teruna; dan berhajat pula bagi pihak ibu-bapa teruna itu untuk mengadakan perarakan dan persandingan bagi perkahwinan anak-nya itu sa-chara besar2an.

MĒNGANDONG DAN PANTANG LARANG-NYA

MĒnurut yang di-'adatkan oleh dato' nenek itu kapada bakal ibu (atau ibu²) yang mĒngandong, antara-nya ia-lah:

- (a) Apabila sa-saorang bakal ibu tĒlah mĒngandong, maka ia di-tĒgah dari mĒlakukan pĕkĕrjaan yang bĕrat², mĒlompat parit atau longkang, mĒmanjat² pokok dan sa-bagai-nya, kĕrana di-kuatiri "mĕ-nurun" kandongan-nya.
- (b) Di-tĒgah juga ibu yang mĒngandong mĒlihat bĕnda² yang boleh mĒndatangkan rasa bĕnchi atau rasa takut kapada-nya, kĕrana di-kuatiri anak yang di-kandong-nya itu akan "tĕrkĕnan".
- (c) Di-tĒgah mandi sa-lĕpas waktu 'Isha'; dan mĕ-rĕndam kain baju basohan sa-panjang malam, kĕrana di-khuatiri "kĕmbar ayer" sa-waktu mĕ-lahirkan anak-nya nanti.
- (d) Di-tĒgah ibu yang mĒngandong mĕmakan nĕnas, sa-barang jĕnis jantung (tĕrmasok jantung pisang), tĕbu, sayur daun mĕlinjau, mĕminum ayer teh tĕrlalu manis sa-tĒlah kandongan bĕrumor 6 atau 7 bulan, dan mĒngangkat² dulang di-atas kĕpala orang, kĕrana di-kuatiri akan "kĕmbar darah" di-waktu mĕlahirkan anak-nya nanti.

- (e) Di-tengah juga memakan benda2 yang berbisa, seperti: udang, ikan sembilang dan yang lain2 sa-umpama-nya sa-telah kandungan berumur 6 atau 7 bulan kerana di-khawatiri akan menambah bisa-nya diri sendiri sa-waktu akan melahirkan anak-nya nanti.
- (f) Tidak boleh duduk2 atau berdiri2 di-hadapan pintu; tidak boleh jalan berselisihan di-tangga rumah dengan orang lain (terutama dengan suaminya sendiri!); dan di-tengah menerima atau menghulurkan benda atau barang2 apa juga melalui tingkap sahaja, kerana dengan itu di-khawatiri akan "menghalang2" anak yang di-kandung-nya itu sendiri sa-waktu telah tiba sa'at akan lahir.
- (g) Tidak boleh tidur sa-orang diri—tidak berteman—kerana di-khawatiri akan "di-ganggu" oleh hantu2 yang suka menghisap darah orang yang mengandong sulong.
- (h) Tidak boleh makan telur, kerana di-khawatiri anak yang akan di-lahirkan nanti, tuboh-nya berbélak2 képutehan2 di-sana-sini.
- (i) Tidak boleh membakar tempurong kelapa, kerana di-khawatiri anak yang akan di-lahirkan nanti, tuboh-nya berbélak2 kéhitaman2 di-sana-sini.
- (j) Tidak boleh berdiri2 di-tépi2 dapur, kerana di-khawatiri anak yang akan di-lahirkan nanti mata-nya sentiasa berayer sahaja dan merah.
- (k) Tidak boleh menghembus bara atau puntong api, kerana di-khawatiri anak yang akan di-lahirkan nanti sa-telah besar panjang akan sentiasa "mengeloh" dalam menghadapi hidup-nya.
- (l) Begitu juga suami isteri yang mengandong itu adalah di-tengah-keras dari menganiaya, memukul atau

membunuh binatang2: ular dan sa-bagai-nya, menyembelih ayam, membuat kayu2 "changap" dan lain2 lagi, kerana di-khuatiri anak yang akan dilahirkan oleh-nya atau isteri-nya nanti "terkēnan": sumbing, chachat anggota tuboh-nya di-sana-sini, buta, ta' boleh berchakat dengan betul (pelat); dan sa-bagai-nya.

- (m) Kerana menurut kepercayaan itu lagi bahawa anak yang di-dalam kandungan itu "berkuasa" memerintah ibu-nya menghendaki sa-suatu benda makanan yang boleh menjadikan tanda2 atau alamat benda makanan itu sangat di-gemari-nya, maka ini-lah yang di-katakan oleh orang2 tua dahulu "mengidam" nama-nya.

Dan jika ibu yang mengandung itu tidak dituruti apa yang "di-idamkan-nya" itu, maka akan chachat-lah jadi-nya anak yang akan dilahirkan-nya itu. Umpama-nya ayer selera (lior) berjelijeran dan sa-bagai-nya.

- (n) Juga tidak dibenarkan orang lain lalu-lalang dibelakang ibu yang mengandung itu, kerana di-khuatiri orang yang lalu-lalang itu boleh memeranjatkan atau boleh mendatangkan sa-suatu perasaan burok sangka dan sa-bagai-nya kepada hati orang yang mengandung itu. Yang demikian, kira-nya hal ini terjadi di-khuatiri pula akan menchachatkan anak yang di-kandung-nya.

Dan untuk mengatasi 'tengah' dan 'larangan' itu maka ibu yang mengandung itu (atau suami-nya) sa-waktu di-dalam keadaan terkējut, atau akan memulakan sa-suatu pekerjaan, atau ternampak sa-suatu benda yang aneh2 di-dalam perjalanan ka-mana2 di-kehendaki-lah sēgēra menguchap dan beringat: mudah-mudahan anak-ku (atau bayi-ku!) tidak

térkéjut. Di-sana tempat-nya, di-sana pokok-nya, jangan-lah di-tiru oh, anak-ku!

Itu-lah sa-tengah daripada bebberapa kèpèrchayaan orang2 tua pada zaman dahulu; bahkan sèkarang pun juga di-tèmpat2 yang jauh tèrpénchil dan/atau yang masih bèlum mahu mènèrima pèrubahan2 hidup hari ini.

MĒLENGGANG PĒRUT DAN MĒNĒMPAH BIDAN

Mĕngikut 'adat rĕsam Mĕlayu bahawa sa-tĕlah ibu yang mĕngandong itu tĕlah masok ka-dalam lingkongan tujuh bulan, maka tiba-lah masa bagi mĕngadakan isti'adat "mĕlenggang pĕrut" dan "mĕnĕmpah bidan".

Biasa-nya isti'adat mĕlenggang pĕrut dan mĕnĕmpah bidan ia-lah pada 19, 21 dan 23 haribulan bulan Islam; dan sa-baik² hari ia-lah hari Rabu dan Khamis. Tĕtapi jika tarikh² tĕrsĕbut jatoh pada hari² Thalatha dan Juma'at maka ada-lah sa-suatu yang ta' baik jadi-nya. Apa lagi kalau pada tarikh² dan hari tĕrsĕbut (Rabu dan Khamis pula!) ia-lah hari² lahir-nya ibu yang mĕngandong itu sĕndiri atau suami-nya, atau jatoh pada hari kĕmatian salah sa-orang di-antara kĕluarga-nya pada tarikh² dan hari² tĕrsĕbut, maka akan lĕbeh burok-lah nasib yang akan mĕnimpa ibu yang mĕngandong itu sĕndiri, atau anak yang akan di-lahirkan-nya itu, atau kapada suami-nya.

Tujuan mĕngadakan isti'adat "bĕrlenggang pĕrut" ini ia-lah, konon-nya, kĕrana hĕndak mĕmbĕtulkan pĕrut pĕrĕmpuan yang mĕngandong itu supaya anak yang di-dalam kandongan-nya itu bĕtul kĕdudukan-nya dan sĕnang bila akan mĕlahirkan-nya kĕlak.

Alat2 yang patut di-sēdiakan:

1. 7 hēlai kain—yang bērlainan2 warna dan chorak-nya (tērmasuk sa-kabong kain putih, kira2 2½ ela),
2. 1 gantang bēras, yang di-sēbut bēras “pēmbērvat”,
3. Sa-tali buah kēlapa (2 biji),
4. Bēbērapa urat bēnang mēntah (bēnang tukal),
5. Minyak urat atau minyak kēlapa,
6. Puan yang bērisi sireh-pinang sa-lēngkap-nya,
7. Wang “pēngēras” lima suku (S1.25), atau di-satēngah2 tēmpat S2.25,
8. 3 biji limau purut,
9. Bunga2 7 jēnis, dan chēndana,
10. Sadikit2: tēpong tawar, bērēteh, bēras kunyit, chekor, jērangau, dan kunyit basah,
11. 3 biji tēlor ayam,
12. Clinchin: ēmas, perak dan tēmbaga; dan chērmin muka,
13. 1 ekor ayam dara,
14. 2 batang lilin,
15. Nasi kunyit,
16. Sa-jēnis makanan khas (rojak ayer),
17. Buah-buahan,
18. Lépat pulut dan kacang, dan
19. Sa-hēlai tuala dan sabun.

Sa-tēlah sēdia sēgala pēralatan2 tērsēbut; dan sa-tēlah sēlēsai khēnduri-kēndara yang di-adakan khas kērana mēmbacha do'a sēlamat, maka mulai-lah mak bidan mēnjalankan kērja2-nya mēlenggang pērut ini mēnurut ‘adat rēsam yang di-warisi-nya turun-tēmurun ka-atas pērēmpuan yang mēngandong sulong itu. (Ada juga yang bērkēmampuan mēngadakan isti‘adat mēlenggang pērut ini kapada pērēmpuan2 yang tēlah mēngandong dua tiga kali!).

Përatoran di-dalam isti'adat ini ia-lah:

- (a) Dēngan jampi-mēntēra-nya, maka mak bidan pun akan mēmbēntang kain lēpas 7 warna itu—kain putih di-sabēlah bawah sa-kali—di-bahagian tēngah rumah atau di-dalam bilek pērēmpuan yang akan di-lenggang-pērut-nya itu.
- (b) Lilin di-pasangka di-kiri kanan kain yang di-bēntangkan itu.
- (c) Pērēmpuan yang mēngandung sulong itu pun di-suroh baring atau tidor (tērlēntang) mēlintang di-atas kain² yang tēlah di-bēntangkan tadi, dēngan pinggang-nya tērlētak di-tēngah² kain itu.
- (d) Bēnang mēntah atau bēnang tukal yang tērlēbeh dahulu tēlah bērchochok dēngan kunyit tērus, chekor, jērangau, dan chinchin: emas, perak dan tēmbaga di-ikat pula oleh mak bidan itu ka-pērut pērēmpuan yang mēngandung itu.
- (e) Kēmudian mak bidan pun mula mēmēgang pērut pērēmpuan yang mēngandung; dan apa bila di-dapati bahawa anak yang di-kandung-nya itu tidak bētul kēdudukan-nya, maka ia pun akan mula mēngurut pērēmpuan itu dēngan minyak urat atau minyak kēlapa yang tēlah tērsedia itu, sa-hingga anak yang di-kandung oleh pērēmpuan itu bētul kēdudukan-nya.
- (f) Kēmudian kēlapa—biasa-nya kēlapa gading—yang tēlah bērtampas elok akan di-guling²kan-lah oleh mak bidan itu pērlahan² di-atas pērut pērēmpuan itu sa-hingga ka-kaki pērēmpuan itu sa-banyak 7 kali; dan kali yang ka-tujuh itu-lah kēlapa itu akan di-gulingkan tērus untok mēlihat kētēntuan bahawa anak yang di-kandung oleh pērēmpuan itu lēlaki atau pērēmpuan. Mēnurut kēpērchayaan ini bahawa kira-nya kēlapa yang di-gulingkan tērus

itu akan terlentang (mata kelapa di-atas), anak yang di-kandung oleh perempuan itu ia-lah lelaki. Begitu-lah sa-balek-nya jika yang di-kandung oleh perempuan itu anak perempuan.

- (g) Dengan memulakan menegang sudut kain yang di-baringi oleh perempuan yang mengandung itu, maka mak bidan pun mengangkat ka-atas sedikit kain itu dan melenggangkan kain itu di-atas perut perempuan yang mengandung itu. (Dari sini-lah lahir-nya bahasa: "lenggang perut" itu!) Setelah itu kain itu pun akan di-tarik keluar dari pinggang perempuan yang mengandung itu, kemudian di-kembangkan pula dari kepala hingga ka-kaki perempuan itu. Demikian-lah di-lakukan sa-helai demi sa-helai kain² yang ada di-bawah pinggang perempuan itu sa-hingga habis. (Di-satengah² tempat ada pula yang melakukan sa-telah mak bidan melakukan isti'adat menarek kain yang pertama itu, kemudian akan di-ikuti-lah pula oleh perempuan² yang lain sa-hingga habis bagaimana yang di-lakukan oleh mak bidan itu).
- (h) Setelah melakukan isti'adat menarek kain tadi, maka perempuan yang mengandung itu pun di-suruh-lah bangun dan memakai pakaian yang chantek²; lalu di-suruh pula mengangkat sa-buah dulang kecil yang telah tersedia sa-mangkok minyak kelapa dan sa-mangkok chendana dan menchalitkan sedikit chendana itu ka-dahi perempuan² yang hadir di-dalam majlis-nya itu; dan tiap² perempuan itu pula hendak-lah membalas-nya dengan menchalitkan minyak kelapa itu ka-ubun² perempuan yang mengandung itu menurut perintah yang di-khendakki oleh mak bidan itu.

- (i) Pada permulaan 'adat ini di-jalankan perempuan yang mengandung itu akan di-andam terlebih dahulu oleh mak bidan dengan tepong tawar yang di-chalitkan ka-muka dan di-tahori beras kunyit. Sa-telah itu akan di-iring pula ka-bilek mandi kerana mandi ayer bunga tujuh warna dan ber-sintok limau.
- (j) Telor yang sengaja di-selitkan di-perut kain basahan perempuan yang mengandung itu hendak-lah di-jatuhkan sa-chara yang tidak sengaja ketika mak bidan menjiruskan ayer dari kepala perempuan itu, supaya senang nanti ketika beranak. Kemudian perempuan itu pun akan di-dudokkan pula di-kerusi atau bangku yang telah tersedia terlebih dahulu di-situ, di-mana sa-ekor ayam dara telah di-ikatkan terlebih dahulu di-kaki kerusi atau bangku itu.
- (k) Sa-telah mandi-mandi membersihkan badan, maka perempuan yang mengandung itu pun di-suruh ber-chermin muka, dengan harapan anak yang akan di-lahirkan-nya kelak chantek. Dan buah-buahan yang telah di-sediakan di-situ pun di-churahkan-lah oleh mak bidan ka-dalam kain sarong-nya; dan di-suruh pula perempuan yang mengandung itu mengkandung-nya kemudian di-churahkan pula di-hadapan perempuan² yang hadir di-dalam majlis-nya itu supaya di-rebut-nya, supaya anak yang di-kandung-nya itu murah rezeki dan mewah.
- (l) Akhir dari istiadat ini ia-lah penyerahan kepada mak bidan wang pengeras lima suku, kain putih sa-kabong yang telah di-gunakan dalam istiadat melenggang perut tadi, kain basahan yang di-pakai sa-waktu perempuan yang mengandung itu di-mandikan, sa-ekor ayam yang di-tambatkan di-kaki

kérusi atau bangku tadi, kelapa, beras pembérkat, sireh pinang, nasi kunyit, buah-buahan dan makanan2 yang lain.

Kémudian baharu-lah isti'adat ménempah bidan sama ada mélalui sa-orang wakil dari ahli waris yang tertua dari pérempuan yang méngandung itu sendiri, atau ibu-nya (kalau maseh ada) atau suami pérempuan itu sendiri kapada mak bidan:

"..... Saya ménjémput mak bidan pada hari ini ia-lah héndak ményérahkan béban berat saya kapada mak bidan si-polan, kerana ia hari ini sudah hampir benar-lah bersalin, sudah tujuh bulan bagaimana yang mak bidan sendiri ma'alum. Maka ini-lah saya harap mak bidan sudi membéla-pélihara dan ményélamatkan dia kira-nya sudah sampai waktu-nya nanti. Dan sa-kira-nya ada apa2 yang perlu di-sédiakan, tolong-lah mak bidan béritahu-lah pada saya, supaya dapat saya sédiakan.

"Dan dari hari ini juga sangat-lah kami harapkan kapada mak bidan: sa-kira-nya dia sakit siang atau malam; bétapa lagi bila sudah tiba masa kétéka-nya akan bérsalin, baik dihari téngah malam dan sa-barang masa yang tidak dapat kami téntukan, maka mak bidan-lah akan kami jémput kerana mérawat-nya.

"Itu-lah bésar-nya harapan kami; kami sa-kéluarga, héndak-nya mak bidan tidak kébértan ménérima-nya."

(Ada juga di-satengah2 témpat, isti'adat ménempah bidan ini di-lakukan sa-belum isti'adat mélenggang perut di-jalankan, tértapi pada lazim-nya yang kébanyakkan di-lakukan orang ia-lah sa-télah isti'adat mélenggang perut ini di-jalankan térlébeh dahulu.)

'ADAT BĒRSALIN DAN MĒMOTONG PUSAT*

Manakala tĕlah chukup bilangan bulan dan hari-nya pĕrĕmpuan yang mĕngandung itu, maka bĕrasa-lah ia-nya di-dalam kĕadaan yang luar biasa yang sa-bĕlum-nya tidak pĕrnah di-rasa-nya. Kĕadaan ini sa-mungkin mĕnchĕmas-kan diri-nya apabila tanda² yang ia akan bĕrsalin sudah sa-mungkin dĕkat: ayer dan darah mula mĕngalir daripada pintu rahim-nya. Maka pada masa itu bidan hĕndak-lah sĕgĕra di-panggil. Tĕtapi ada juga mak bidan yang sudah sĕntiasa bĕrada di-sisi pĕrĕmpuan itu—kadang² bĕrmalam di-rumah itu—kĕrana pĕrĕmpuan yang akan bĕrsalin itu sudah sĕring pĕrut-nya sakit².

Mĕnurut kĕpĕrchayaan orang² tua dahulu bahawa sa-saorang pĕrĕmpuan yang akan bĕrsalin itu 40 hari sa-bĕlum ia akan mĕlahirkan anak-nya itu tĕlah di-hidu oleh hantu jĕmbalang yang sangat suka mĕnghisap darah pĕrĕmpuan yang sĕdang "tumpah darah" kĕtika bĕrsalin dan anak yang baharu di-lahirkan-nya itu, maka sudah tĕr'adat-lah bahawa apabila sa-saorang itu akan bĕrsalin maka sĕgĕra-lah akan di-panggil-nya dahulu to' pawang yang mahir dalam mĕng-halau hantu jĕmbalang (Pĕnanggalan) dan shaitan itu dan mĕnĕntukan arah (tĕmpat bĕranak) di-mana yang lĕbeh sĕlamat bagi pĕrĕmpuan itu bĕrsalin.

Sĕmĕntara mĕnunggu mak bidan mĕrawat pĕrĕmpuan

itu, maka to' pawang itu pun sebok-lah dengan jampi-méntèra-nya dan menyèdiakan bèrbagai2 alat yang di-fikir-kan-nya akan dapat mènghalau atau sa-kurang2 bagi mè-nakut2kan hantu yang di-katakan-nya akan 'mènnyèlap' ibu atau anak yang sèdang dalam kèadaan lèmah itu, kèrana mènghisap darah.

Kèrana itu-lah di-dalam 'adat orang Mèlayu bèrsalin ini bèndak-lah di-sèdiakan tèrlèbeh dahulu daun pandan bèr-duri, ekor ikan pari, sarang lèbah, jala burok, anak2 patong, sa-jenis rumput pahit (putawali), rotan dan parut kèlapa bagi pèrgunaan to' pawang dalam usaha-nya mènghalau hantu jèmbalang atau pènanggalan dan shaitan; sa-lain dari bèrax, kèlapa, damar dan lain2 lagi yang di-pèrlukan pula oleh mak bidan; dan bèrbagai2 ubat bèranak sapèrti: ubat pèriok, ubat jamu, pèram, pilis, bèdak sèjok dan lain2 lagi yang di-pèrlukan oleh ibu yang baharu bèrsalin dan anak yang baharu di-lahirkan-nya itu.

Ada juga yang mènggantongkan di-jènanng pintu tèm-purong yang tèlah di-lobang2, atau di-jènanng pintu itu di-pangkah dèngan kapòr sireh. Tujuan dari mènggantongkan tèm-purong atau mèmangkah dèngan kapòr itu ia-lah, supaya hantu pènanggalan tidak dapat masok ka-rumah dan dèngan dèmikian tèrsèlamat-lah pèrèmpuan dan anak yang sèdang lèmah itu.

Dèmikian-lah maka mak bidan pun mènngambil tèmpat mèrawat pèrèmpuan yang sèdang sarat sakit-nya. Dan sa-tèlah lahir anak yang di-sambut oleh mak bidan, maka di-sèmbor-lah oleh mak bidan dèngan sireh-nya, supaya tèrsèlamat dari bahaya pènyakit dan sakat-sakal hantu shaitan. Kèmedian baharu-lah anak yang baharu di-lahir-kan di-rawat pula oleh mak bidan dèngan mèmbersch-kan badan-nya dan mèmotong tali pusat-nya dan mèmandi-kan dèngan ayer saam2 kuku.

Sèmèntara mak bidan mèrawat ibu yang bèrsalin itu,

maka di-panggil-lah bapa-nya atau dato'-nya bagi mēng-adzankan dan mēngkamatkan anak yang baharu lahir itu di-kiri kanan tēlinga-nya, atau mēngkamatkan sahaja jika anak yang baharu di-lahirkan itu pērēmpuan mēnurut yang di-sunahkan dari shari'at ugama Islam.

Sēlēsai mak bidan mērawat ibu-nya, maka anak itu pun di-sērahkan sa-mula kapada mak bidan. Maka di-sambut-lah oleh mak bidan dan di-pangku-nya. Kēmudian anak itu pun di-buboh-lah pangkah di-dahi-nya dēngan kunyit yang di-asah di-buntut pasu dan kapor. Sa-tēlah itu di-bēlah pula mulut-nya; ērti-nya di-chēchapkan mulut anak yang baharu di-lahirkan itu dēngan ayer madu atau khorma.

Yang dēmikian dalam masa yang pendek sahaja anak yang baharu di-lahirkan itu tēlah mēlalui tiga jēnis kēpēr-chayaan atau 'adat isti'adat, ia-itu:

Pertama: 'adat Mēlayu.

Kēdua: shari'at ugama Islam, dan

Kētiga: 'adat Hindu purbakala.

Dan sa-tēlah sēlēsai dan sēmpurna pēkērjaan mak bidan itu pun pulang-lah ka-rumah dēngan bēras, damar, kēlapa wang alas potong pusat dan lain2 lagi yang di-bērikan kapada-nya. Kēmudian akan datang-lah (biasa-nya di-jēmput datang!) mak bidan itu esok pagi-nya atau pētang-nya kērana mēngurut ibu yang baharu bērsalin itu sa-lama 3 hari, atau ada juga yang 7 hari, ia-itu mēnurut kēbiasaan di-sasuatū tēmpat.

Tēntang bēlanja bidan kērana mērawat pērēmpuan yang bērsalin sulong ini, mēnurut 'adat ia-lah \$5.00. Tētapi jika di-kēhēndaki mak bidan itu mēngurut lēbeh dari kēbiasaan yang di-lakukan-nya, maka tērpaksa kēna mēmbayar \$1.00 pada tiap2 kali di-kēhēndaki ia mēngurut. Bayaran pērbēlanjaan bagi anak yang kēdua ia-lah \$3.25. Bagaimana pun di-dalam kēadaan hari ini, bayaran pērbēlanjaan ini ia-

lah \$20,00 bagi perempuan yang telah bersalin dua tiga kali atau \$25,00 bagi perempuan yang beranak sulung.

Chatetan:

Menurut kebiasaan bahawa chara mak bidan melakukan istiadat memotong pusat itu ia-lah dengan menggunakan sembilu buloh dan tali pusat itu di-alaskan di-atas sa-kepang wang perak sa-ringgit. Dan sa-belum pemotongan ini di-jalankan terlebih dahulu tali pusat itu di-pangkal-nya (kira2 jarak tiga jari dari perut!) di-ikat dengan benang mentah (guteh) dengan erat sa-kali. Kemudian di-ikat lagi kira2 satu jari jarak-nya di-antara satu ikatan dengan ikatan yang lain hingga sampai tujuh ikatan benang itu. Dan di-antara ikatan yang kedemam dan yang ketujuh itu-lah tali pusat itu di-potong.

Selesai pekerjaan memotong ini di-jalankan, maka tali pusat yang baki di-perut itu pun di-taruh kunyit dan kapor, lalu di-bungkus dengan daun sirih yang telah di-layukan di-atas bara api, sa-hingga-lah tali pusat itu tanggal dengan sendiri-nya.

* Bab ini ada-ah tambahan dari penyunting buku ini.

'ADAT MĒMBĒLAH MULUT KANAK2 (BAYI)*

Walau pun "adat mĒmbĒlah mulut kanak2" ini bĒr-mula dari kĒpĒrchayaan ugama Hindu yang di-sĒbut "Jata-karman", yang bĒrĒrti mĒnchĒchapkan ayer manis: madu lĒbah, khorma dan sa-bagai-nya ka-mulut kanak2 yang baharu di-lahirkan itu, tĒtapi nyata-lah bahawa kĒpĒrchayaan dĒmikian tĒrdatap juga di-dalam ugama Islam yang mĒnghukumkan sunat bĒrbuat dĒmikian.

Di-dalam bab ini tidak-lah akan di-pĒrkatakan bĒrmula-nya kĒpĒrchayaan yang tĒlah mĒnjadi 'adat ini, tĒtapi hanya-sanya, kita tĒntu-lah tidak dapat mĒnolak bahuwa sa-bĒlum kĒdatangan ugama Islam ka-nĒgĒri ini, ugama Hindu-lah yang mĒnjadi kĒpĒrchayaan dan anutan ra'ayat nĒgĒri ini (MĒlayu), kĒrana itu, dapat-lah di-katakan bahawa 'adat mĒmbĒlah mulut bayi itu, sa-bĒnar-nya, ada-lah suatu 'adat dari suatu kĒpĒrchayaan bĒrugama; dan bukan-lah suatu kĒmĒstian 'adat yang mĒsti di-patohi. Apa lagi kalau di-pandang dari sĒgi ilmu kĒsehatan bĒnda2 yang di-chĒchapkan ka-mulut kanak2 itu bĒlum sa-harus-nya bagi kanak2 itu mĒnĒrima-nya.

MĒnurut pĒratoran 'adat ini bahawa sa-waktu akan mĒlakukan isti'adat mĒmbĒlah mulut kanak2 itu ia-lah dĒngan emas yang tĒlah di-chĒlupkan dĒngan ayer sireh pinang, kĒmudian madu lĒbah atau khorma, dan akhir sa-kali

dengan ayer garam. Dan sa-belum isti'adat ini di-jalankan, hendaklah di-bacakan terlebih dahulu surat Fatehah dan surat Al-Ikhlâs. Sa-telah itu barulah di-jalankan isti'adat "pembelahan" itu dengan berkata:

"Dengan nama Allah yang amat murah lagi amat mengasihani segala hamba-Nya, mudah-mudahan di-panjangkan-Nya umur-mu dan di-ajarkan-Nya berchakap manis dan pita dalam majlis raja2, di-jadikan-Nya suara-mu itu manis sa-bagai gula dan perkataan2-mu menggemarkan hati orang, sedap seperti sirih dan masin seperti garam".

Atau kalau menurut agama Hindu yang terdapat di-dalam kitab suci-nya Rigveda sa-belum kedatangan agama Islam dahulu, demikian:

"Hai kanak2! Mudah-mudahan panjang usia kamu dalam dunis ini di-pelihara oleh Dewata Mulia Raya; biarlah tetap sa-bagai batu, tajam sa-bagai kapak; dan suci bersih seperti emas sa-puluh mutu".

Demikianlah peratoran 'adat ini berjalan sa-hingga hari ini yang di-warisi-nya dari dato' nenek-nya.

* Bab ini ada-lah tembakuan dari penyunting buku ini dari chabutan bebas-nya dari buku: "Kebudayaan Sa-pintas Lala" Nanggal pertama oleh Che'ga Mahmud Ahmad.

'ADAT TANGGAL PUSAT DAN CHUCHI LANTAI*

Untuk mēmbuat pēnēntuan masa bahawa pada hari yang kētujoh akan luroh-lah (tanggal) tali pusat kanak2 yang baharu lahir, tidak-lah tēpat. Kērana ada juga kala-nya: hari yang kēlima tēlah luroh; dan ada juga pada hari yang kēsēmbilan baharu luroh tali pusat itu, tētapi pada lazim-nya pada hari yang kētujoh itu-lah baharu di-jalankan isti'adat "mēnchuchi lantai" atau di-sēbut juga di-satēngah2 tēmpat isti'adat "naik buai", kērana sa-lama su-bēlum tali pusat anak itu luroh, anak itu di-tidorkan bērhampiran dēngan ibu-nya di-bawah.

Sa-elok2 hari kērana isti'adat ini di-jalankan ia-lah pada hai Ithnin dan Khamis.

Pērsēdiaan alat2 yang di-pērlukan di-dalam isti'adat ini ia-lah sapērti bērikut:

1. Nasi (pulut) kunyit dan lauk-pauk-nya.
2. Sa-ekor ayam hidup.
3. Paku buah kēras, asam garam dan sireh pinang; dan
4. Hadiah2 lain kepada mak bidan yang mērawat-nya dahulu. (sa-pērsalinan pakaian—kain dan baju, jika pērēmpuan yang bērsalin itu mēngēluarkan najis kētika ia sēdang bērsalin, atau sa-hēlai sēlendang, jika anak yang di-lahirkan-nya itu tali pusat-nya

bérbélit² di-leher-nya, atau payong kain, jika anak yang baharu di-lahirkan-nya itu témbuni-nya di-tengah²; atau buah-buahan sa-bérat anak bayi itu, jika lahir-nya di-dalam bulan Safar; dan sa-ekoe ayam bétina, jika anak yang di-lahirkan oleh pérèmpuan itu lélaki, atau ayam jantan-lah jika anak yang di-lahirkan-nya itu pérèmpuan).

Pada pérèmpuan isti'adat ini di-jalankan ia-lah sa-télah sélesai sahaja do'a sélamat di-bacakan di-antara kaum kéuarga dan sahabat handai yang karib, maka mak bidan pun mémulakan-lah déngan jampi sérapih-nya dan rémèng-gang ayam itu déngan di-kait²kan kaki ayam itu ka-lantai di-mana télah tumpah darah kétika pérèmpuan itu bérsalin béberapa hari yang lalu.

Kémudian baharu-lah di-chuchi lantai itu sa-hingga bérech. Késemuas pékerjaan ada-lah di-lakukan oleh mak bidan itu séndiri. Dan sa-bélum itu, pérèmpuan yang baharu bérsalin itu dan anak-nya di-mandikan-nya dahulu, di-urut dan di-bédak langirkan.

Sa-habis ménjalankan kërja² itu, maka ségala benda² atau barang² yang térsébut di-atas itu pun di-hadiahkan kapada mak bidan. Dan bagi orang² yang békémampuan, sa-lain dari hadiah² térsébut akan di-bérikan-nya juga wang sa-bagai hadiah tambahan, sémentara ménantikan hari pérèmpuan itu lépas pantang.

(Ada juga yang mémakukan di-dalam isti'adat ini sécèntak déngan mémberi nama kapada anak yang baharu di-lahirkan itu!)

* Bab ini ada-lah tambahan dari pényunting buku ini.

'ADAT LĒPAS PANTANG DAN CHUKOR RAMBUT

Dari kĕlĕmahan ibu yang baharu lĕpas bĕrsalin, maka sudah tĕr'adat-lah mĕnurut 'adat rĕsam Mĕlayu bahawa sa-lama 44 hari ia akan bĕrpantang larang dari makan sa-barang makanan mĕnurut kĕhĕndak-nya; dari bĕrjalan mĕnurut sa-suka hati-nya; dari bĕkĕrja mĕnurut kĕbiasaan-nya; dan dari tidor mĕnurut waktu yang tĕlah tĕrtĕntu sa-lama masa sa-bĕlum bĕrsalin itu.

Kĕmudian sa-lĕpas daripada tempoh masa tĕrsĕbut—tĕmpoh bĕrpantang larang itu; akan di-adakan-lah 'adat khĕnduri-kĕndara yang di-langsungkan sa-kali dĕngan 'adat bĕrchukor rambut kanak² yang baharu di-lahirkan itu.

Di-dalam 'adat khĕnduri-kĕndara ini, kadang² kalau ibu-bapa itu orang yang bĕrkĕmampuan atau bĕrada maka akan bĕsar-lah khĕnduri-kĕndara itu di-buat-nya sapĕrti 'adat khĕnduri kahwin juga atau bĕrkahtam Kor'an.

Kĕlĕngkapan alat² yang di-pĕrlukan di-dalam majlis isti'adat "lĕpas pantang" dan "chukor rambut" ini ia-lah:

1. Limau purut 3 biji.
2. Bĕras kunyit.
3. Ayer tĕpong-tawar, bĕrteh, chekor, jĕrangau dan kunyit.
4. Bĕnang hitam.
5. Sa-biji kĕlapa muda atau kĕlapa mumbang.

6. Duit perak 44 k peng.
7. B dak s jok atau b dak langir.
8. Sa-bilah gunting rambut.
9. Bunga rampai; dan
10. Nas  (pulut) kunyit dan lauk-pauk-nya.

Sa-t lah t rs dia s mua k lengkapan di-atas, maka pada p rmulaan isti'adat ini ibu itu pun akan di-minta oleh mak bidan b rmandi suchi dahulu m nurut shari'at ugama Islam: b rgosok, b rsabun sa-hingga chukup b rseh.

Pada masa ibu itu b ndak b rmandi suchi ada-lah di-k b ndakki m nurut shari'at Islam m mbacha: "Nawaitu raf'al hadsthil akbar 'anjami'il bodani fardhan lillahi ta'ala" b r rti d ngan niat di-dalam hati k tika ayer m ng nai sa-bahagian dari tuboh-nya: "sahaja aku m ngangkatkan (m mbuangkan) hadath yang l beh b sar dari sakalian anggota badan-ku fardhu k rona Allah Ta'ala".

Sa-t lah itu baharu-lah mak bidan m mandikan-nya pula d ngan ayer sintok limau sa-bagai isharat sudah l pas-lah dari pantang larang-nya. (Di-sut ngah2 t mpat sa-t lah b rmandi limau ini, maka mak bidan itu pun akan m ngurut-lah sa-kali lagi ibu itu yang m nurut istilah-nya: "m ngulang urut". K mudian baharu-lah di-b dak langirkan pula.

Bagitu Juga d ngan kanak2 yang akan m njalani isti'adat chukor rambut itu pun akan di-ambil-lah oleh mak bidan itu dan di-mandikan-nya sa-bagaimana ibu-nya juga. Sa-t lah itu d ngan jampi s rapah-nya kanak2 itu pun di-t pong tawari, ia-itu d ngan m ngambil sedikit dari ayer t pong tawar itu di-gosok2kan di-atas ubun2 kanak2 itu, b lakang t l ng-nya, p rg langan tangan dan jari2-nya, lutut, p rg langan kaki dan hujung jari2 kaki-nya. K mudian ibu-nya pula. Sa-t lah itu sa-bahagian b ras kunyit dan b rt h pun di-tabor-lah rata2 di-dalam rumah itu unok m nghalau hantu dan shaitan.

Sementara si-ibu di-minta bersalin pakaian yang istimewa dan bersih, maka si-anak itu pun demikian-lah juga akan di-pakaikan dengan pakaian yang indah dengan pergelangan tangan dan pinggang-nya di-ikat dengan benang hitam terlebih dahulu. Kemudian di-letakkan-lah pula anak bayi itu di-atas tilam kecil (ada juga yang melakukan-nya di-atas kain2 batak yang di-lipat dan di-susun dengan terator dan chantek!) yang di-taruh pula di-atas talam atau pahar.

Sementara sidang jemputan khas di-luar sedang membach berzanji, hendak-lah di-sediakan:

1. Sa-buah baki perak tempat pengisi bunga rampai.
2. Sa-buah dulang kecil yang berisi tiga mangkok atau cheper untuk ayer tepong-tawar, beras-kunyit dan berteh.
3. Sa-biji kelapa yang belum chukup isi, atau kelapa mumbang yang telah di-pepat di-bawah-nya supaya dapat di-letakkan dengan elok; dan di-sabelah atas-nya di-potong pula sa-keliling-nya hingga kelihatan sa-bagai potongan puchok rebong. Kemudian di-potong pula berkelok2 sa-bagai siku keluang; dan di-jadikan pula daripada potongan itu juga sa-bagai penutup-nya, di-buang ayer-nya dan di-gantikan dengan ayer sejok (di-satengah2 tempat dengan ayer kelapa itu juga). Kemudian kelapa itu di-taruhkan di-atas baki perak beserta dengan sa-bilah gunting rambut; dan di-hiasi pula dengan melilitkan rantai emas atau perak dan daun2; dan
4. Wang perak 44 keping yang telah di-bungkus2 elok untuk menjadi hadiah kepada mereka yang akan menggunting rambut kanak2 itu, yang di-letakkan di-sabelah kelapa dan gunting itu.

Apabila lengkap segala persediaan itu dan sidang jemputan yang membach berzanji di-luar sampai sahaja

kapada 'marhaban' dengan berdiri, maka kanak2 itu pun di-bawa-lah keluar oleh ayah-nya (atau sa-orang yang telah di-wakilkan) dengan di-dahului oleh sa-orang yang menatang dulang yang berisi ayer tepung-tawar, beras-kunyit dan berteh; yang diikuti pula di-belakang-nya oleh sa-orang yang menatang baki berisi kelapa dan gunting; dan sa-orang lagi yang menatang baki berisi bunga rampai.

Përatoran di-dalam isti'adat ini mula2 sa-kali kanak2 itu di-hadapkan-lah kapada To' Imam, atau orang 'alim, atau orang2 yang di-sègani dan di-hormati bagi memulakan isti'adat menggunting rambut kanak2 itu dengan merénjiskan terlèbeh dahulu ayer tepung tawar ka-rambut kanak2 itu. Lalu mengambil gunting sërta di-gunting-lah rambut kanak2 itu kira2 lima atau tujuh helai sahaja; dan memasokkan pula rambut itu ka-dalam ayer yang telah tersedia di-dalam kelapa muda itu. Sa-tèlah itu lalu di-bèri-nya hadiah kapada orang itu dengan wang perak yang telah di-sèdiakan itu sa-kadar yang patut.

Kemudian baharu-lah di-gilirkan kapada yang lain pula hingga kapada bèbèrapa orang yang di-kèhendakki mènurut yang telah di-tèntukan oleh mak bidan. Dan sa-tèlah sèlèesai di-jalankan oleh pehak lèlaki, maka anak itu di-bawa pula masok ka-dalam rumah itu; dan sapèrti yang demikian itu-lah juga di-lakukan pula oleh pehak pèrèmpuan.

Sèlèesai isti'adat menggunting rambut dan berzanji, maka pada masa hendak membacha do'a sèlamat pun "di-mashor-kan-lah" nama kanak2 itu: si-polan bin/binti polan. Sa-tèlah itu baharu-lah hidangan makan di-kèluarkan kapada sakalian yang hadhir di-dalam majlis isti'adat ini.

Demikian-lah 'adat rèsam bèrkaitan dengan orang mèn-gandung hingga bersalin dan 'lepas pantang' atau 'lepas hari'.

Chatetan:

(a) Di-satengah2 tempat di-negeri ini ada yang melakukan 'adat berchukor rambut ini is-lah pada hari yang ketujuh dari hari kanak2 itu di-lahirkan. Tetapi pada lazim-nya is-lah sa-lepas ibu-nya 'lepas hari'.

(b) Kalau di-dalam 'adat yang telah di-terangkan di-atas bahawa wang perak 44 kepeng itu di-bungkus satu2 kepeng begitu sahaja, tetapi ada juga di-satengah2 tempat yang membuatkan sa-bagai kotak empat persegi; sa-lain di-isikan wang perak itu di-dalam-nya: di-isikan juga di-dalam kotak itu bunga rampai sa-kali.

Ada juga yang melakukan bahawa wang2 perak itu (7 kepeng sahaja biasa-nya!) di-lekatkan atau di-ikatkan pada rambut kanak2 itu; dan rambut itu-lah yang mesti di-gunting di-dalam isti'adat chukor rambut ini. Dan rambut yang di-gunting yang melekat dengan wang itu pun di-masokkanlah ka-dalam gelok kelapa itu.

'ADAT TURUN TANAH'

Ménurut përatoran 'adat rësam Mëlayu bahawa kanak2 yang belum lëpas hari tidak-lah boleh di-bawa këluar rumah; apa lagi untok di-bawa bërsiar2 kërana "makan angin" dan sa-bagai-nya, kërana ménurut 'adat itu lagi, bahawa sa-orang anak kèchil (bayi) akan mudah "di-sampok" atau "tërsampok" oleh hantu shaitan.

Oleh hal yang dëmikian bagi mëngatasi këmungkinan "gangguan" dari hantu shaitan itu, di-adakan-lah suatu upachara 'adat "turun tanah", yang bërërti bahawa kanak2 itu untok përtama kali-nya di-jëjakkan kaki-nya ka-tanah dalam suatu upachara 'adat. Di-dalam upachara 'adat ini bërbagai2 chara di-buat orang, ia-itu ménurut këbiasaan 'adat di-sasuatü tëmpat itu; dan këmampuan ibu bopa.

Kërana itu-lah akan tërdapat orang mënjalkan upachara 'adat ini sa-masa dëngan isti'adat bërchukor rambut kanak2 itu. Di-dalam isti'adat ini—jika di-sakalikan dëngan isti'adat bërchukor rambut—maka anak kèchil itu akan di-letakkan di-atas sa-buah badang yang bërisi dëngan tanah atau pasir di-tëngah2-nya yang tëläh di-lapis tëlëbeh dahulu dëngan kain2 lëpas sa-tëläh isti'adat bërchukor rambut. Dan di-sakëliling kanak2 itu di-buboh pula dëngan bërbagai2 jënis makan: ubi kayu, këladi, pisang, këlëdek, dan lain2 lagi yang tëläh di-rëbus; sa-dapat2-nya tujuh jënis

atau lebeh. Dan ada juga yang menggantikan-nya dengan berbagai2 jenis buah-buahan.

Sa-telah itu, maka anak kecil itu pun di-pijakkan kaki-nya ka-tanah oleh mak bidan yang mengulukan isti'adat ini, atau dato'-nya dari sa-belah pihak ayah-nya, atau oleh orang2 yang di-hormati kerana 'alim-nya.

(Tujuan badang yang di-isikan dengan hasil tanam-tanaman itu atau buah-buahan di-sakeliling kanak2 itu, ia-lah supaya kelak kanak2 kecil itu apabila besar sedia pada bila2 masa untuk berbudi kapada tanah; tanah yang sentiasa sedia untuk membalas budi-nya itu.)

Selesai sahaja isti'adat di-jalankan, do'a pun di-bachakan.

Ada juga yang membuat isti'adat turun tanah ini di-buat berasingan dengan isti'adat chukor rambut, ia-itu dengan mengadakan suatu angkatan perarakan besar2an ka-tépi sa-batang sungai, ya'ani sa-telah sahaja bayang2 sa-puluh langkah, umpama-nya di-Negeri Sembilan.

Permulaan di-dalam isti'adat ini ia-lah sa-telah si-ibu lepas hari—40 atau 44 hari, atau sa-belum kanak2 (bayi) itu berumur 3/4 bulan. Di-dalam isti'adat ini ahli waris sa-belah perempuan-lah yang kelihatan sebok sa-kali kerana menyediakan segala alat kelengkapan bagi membawa kanak2 (bayi) itu turun ka-sungai.

Dan di-dalam upacara isti'adat berarak ka-sungai ini-lah, ramai kaum keluarga: jauh dan dekat, tua dan muda mengiringi kanak2 itu dengan penuh kesukaan dan membawa: beras kunyit, berteh, tepung tawar, dua biji kelapa gading (atau kuning), sa-ekor ayam dara (jika kanak2 (bayi) yang menjalani isti'adat ini lelaki), atau sa-ekor ayam jantan yang sedang naik (jika sa-balek-nya), sa-biji telur ayam selasih, sirih pinang dengan sa-lengkap-nya, tujuh biji ketupat, tujuh biji lepat, timba yang di-perbuat daripada

upéh pinang, jantung pisang, tempat bara; dan alat2 perabun dari kulit2 bawang, tangkai lada kering dan daun perawas kering.

To' bomoh ada-lah mengambil peranan penting di-dalam isti'adat ini bagi menjaga keselamatan kanak2 itu. Dan dia-lah yang akan melakukan isti'adat ini dari permulaan hingga-lah anak itu selamat di-bawa balek ka-rumah semula.

Ada juga yang melakukan isti'adat ini paling sederhana sa-kali, ia-lah dengan kanak2 (bayi) itu hanya di-pijakkan kaki-nya ka-piring2 kecil yang berisi dengan padi, beras, beras cheroh, beras kunyit, tanah, pasir dan daun perawas yang telah di-jampi terlebih dahulu oleh mak bidan. Kemudian baharu-lah di-bawa turun dan di-pijakkan-lah kaki-nya ka-tanah.

Dan akhir dari isti'adat ini do'a selamat di-bachakan.

Tidak kurang juga di-dalam melakukan isti'adat turun tanah ini yang hanya dengan sa-kapor sireh sahaja dan bubor merah bubor putih sahaja. Kemudian anak itu pun ditatchkan-lah di-atas tanah.

Dan ada pula yang melakukan-nya agak menyimpang langsung dari 'adat kebiasaan yang di-warisi oleh dato' nenek-nya, ia-lah dengan mengambil sedikit atau sa-képal tanah lalu di-pégangkan kepada kanak2 (bayi) itu; dan berkata:

"Ini-lah tanah asal mula-mu: mudah-mudahan engkau tidak akan merasa lebih tinggi daripada-nya; dan pelihara-lah tanah ini di-mana engkau berpijak, mudah-mudahan ia akan dapat membérikkan rezeki yang murah kepada-mu dan melindungi kesenangan hidup-mu kelak, berkat kekayaan Allah yang maha berkuasa!"

Demikian-lah sedikit dari 'adat "turun tanah" yang banyak terdapat berlain2an di-antara satu tempat dengan

satu tempat yang lain, dan yang hampir pula hilang dari 'adat kebiasaan hidup kita hari ini oleh keadaan masa dan keadaan hidup yang terus berubah2.


ALAT2 SENJATA MELAYU

Dari gambar ini dapat di-lihat pula kemajuan bangsa Melayu bukan sahaja dalam 'adat istiadat-nya, atau kesenian-nya sahaja, tetapi menunjukkan juga bahawa bangsa Melayu sedia mempertahankan diri dari segala kemungkinan serangan dari luar.

Demikian-lah gambar2 ini menunjukkan:

1. Kêris pandak;
2. Tumbok lada gading;
3. Kêris gading;
4. Tongkat gading;
5. Badek gading;
6. Sérampang gading;
7. Kêris berchabut;
8. Kapak Gading; dan
9. Bermacham2 jenis senjata lagi.

* Bab ini ada-lah tambahan dari penyunting buku ini.



'ADAT BĒRTINDEK*

Dari 'adat rĕsam "bĕrtindek tĕlinga" sa-panjang yang di-kĕtahui sa-takat ini, tidak-lah ada kĕtĕntuan tĕntang umur kanak2 yang akan di-tindek tĕlinga-nya itu. Kĕrana itu-lah, di-dalam mĕnjalankan isti'adat bĕrtindek tĕlinga itu ada yang mĕlakukan-nya sa-tĕlah loroh sahaja tali pusat anak itu, ada yang mĕlakukan-nya sa-masa dĕngan isti'adat bĕrchukor rambut, ada yang mĕlakukan-nya sa-tĕlah anak itu pandai bĕrjalan atau bĕrchakap; dan ada pula yang mĕlakukan sa-tĕlah anak itu bĕrumor 5 sampai 10 tahun.

'Adat bĕrtindek atau mĕlobang chuping tĕlinga kiri dan kanan anak itu, ada pula yang bĕrkĕpĕrehayaan bahawa kira-nya tidak di-buat dĕmikian, maka anak itu akan sĕntiasa di-ganggu dĕngan hantu polong. Tĕtapi hakekat atau tujuan sa-bĕnar-nya ada-lah untok mĕmakaikan pĕrhiasan sapĕrti: anting2, subang atau kĕrabu yang di-pĕrbuat daripada ĕmas, suasa atau perak, atau yang bĕrtatah pula dĕngan intan-bĕrlian.

'Adat ini ada-lah warisan dari 'adat Hindu sĕjak bĕbĕr-apa abad yang lampau, ia-itu sa-masa orang2 Mĕlayu bĕrugama Hindu lagi.

Mĕnurut 'adat tĕrsĕbut bahawa kĕlĕngkapan di-dalam isti'adat ini ia-lah:

1. Nasi kunyit dan lauk-pauk-nya.

2. B eras kunyit dan b erteh.
3. Wang "p eng eras" lima suku (\$1.25).
4. Kunyit basah dan minyak k elapa atau minyak angin.
5. B enang hitam dan duri limau atau jarum jahit sa-
batang.

Di-dalam m enjalankan isti'adat ini ada juga ibu-bapa kanak2 itu yang m embuat kh enduri nasi minyak b esar2an d engan m enjemput kaum k eluarga dan sahabat handai yang ramai bilangan-nya; dan ada juga yang hanya b eb erapa orang p erempuan sahaja k erana m elayani tukang tindek itu sahaja.

Jika di-dalam isti'adat ini di-lakukan b esar2an, ada juga ibu-bapa yang m embuatkan p elamin bagi anak itu dudok d engan pakaian yang indah2 (atau pakaian p enganten) d engan di-hadapi oleh kaum k eluarga dan para j emputan sa-
b elum anak itu di-tindek t elinga-nya. Atau yang l ebih t epat-nya di-dalam m enjalankan isti'adat ini ada-lah l ebih b ergantung kepada ibu-bapa itu s endiri m engikut k esukaan dan k emampuan-nya.

S el esai p embacaan do'a s elamat, maka tukang tindek (biasa-nya mak bidan) itu pun m engambil-lah jarum dan b enang hitam s erta kunyit di-jampi-s erapah-nya dahulu. Sa-t elah itu, baharu tukang tindek itu m enabor pula b erteh dan b eras-kunyit kepada anak itu dan naik ka-atas p elamin (jika b erp elamin). K emudian baharu-lah di-lakukan 'p enindekan' chuping t elinga anak itu d engan jarum dan b enang hitam yang t elah b erchochok d engan kunyit t erus; dan b enang itu pun di-ikatkan-lah di-t elinga kanak2 itu b ersama2 d engan kunyit itu sa-kali.

Sa-t elah itu, wang "p eng eras" (\$1.25) dan nasi kunyit satu pahar itu pun di-s erahkan kepada tukang tindek itu, sa-bagai ucapan t erima kasih ibu-bapa anak itu.

* Bab ini adalah tambahan dari penyunting buku ini.

'ADAT BĒRKHATAN DAN BĒRKHATAN*

"BĒrkhatam" dan "bĒrkhatan" ada-lah dua 'adat di-dalam 'adat rĕsam Mĕlayu yang sĕngaja di-satukan di-dalam bab ini. Sĕbab di-lakukan dĕmikian ia-lah kĕrana kĕbiasaan yang tĕrdapat di-dalam masharakat sĕndiri yang tĕlah mĕnyatukan tĕrlĕbeh dahulu kĕdua2 'adat ini mĕnjadi satu "kĕrja isti'adat".

"BĒrkhatam" ada-lah bĕrĕrti tamat pĕngajian—mĕngaji Kur'an. Sĕdang "bĒrkhatan" ada-lah bĕrĕrti mĕnsuchikan diri—bĕrsunat atau bĕrchantas.

Tidak ada kĕtĕntuan tĕntang umor yang di-mĕstikan mĕnurut 'adat ini bagi sa-saorang itu bĒrkhatam dan bĒrkhatan. Tĕtapi pada lazim-nya atau mĕnurut shari'at Islam, apabila sa-saorang kanak2 itu mĕningkat umor 'akel baligh maka ia ada-lah di-sunnahkan sĕgĕra bĒrkhatan. Dan dari sĕgi shari'at Islam ini-lah umor kanak2 yang bĒrkhatan itu ada-lah di-antara 12 hingga 15 tahun.

Bagitu-lah juga sudah lazim di-dalam mĕnyĕmpurnakan 'adat isti'adat ini di-adakan khĕnduri kĕndara yang tidak kurang mĕmakan banyak bĕlanja, sapĕrti kĕrja2 nikah kahwin juga: 'tumbang' sa-ekor dua kĕrbau atau lĕmbu, bĕrnasi-minyak, bĕrnasi-kunyit, bĕrbunga-telor, bĕrpĕlamin dan berarak. Tĕtapi ada juga yang hanya mĕngadakan suatu isti'adat kĕchil2an sahaja dĕngan nasi-kunyit, bubor-merah

dan bubor-puteh sahaja, ia-itu bergantung kepada kemampuan ibu-bapa itu sendiri, atau ada yang telah memikirkan bahawa mengadakan khenduri kendara besar2an itu kerana menyempurnakan satu dari kebiasaan 'adat hanya mumbazir sahaja, sedang yang di-khendaki oleh shari'at Islam itu hanya-lah berkhatan sahaja.

Lahir-nya 'adat berkhatam pada masa2 dahulu-nya ialah apabila sa-orang anak yang telah di-serahkan oleh ibu bapa-nya mengaji Kur'an kepada sa-orang guru telah tamat pengajian-nya (30 juzu'): sa-kali, dua kali atau tiga kali khatam; khatam dalam erti lancar pengajian-nya, fasih sebutan huruf2-nya beserta dengan lagu2 sa-kali, yang memang layak untuk di-perdengarkan suara dan pengajiannya itu kepada orang ramai.

Dengan lain2 perkataan: 'adat berkhatam, sa-benar-nya, ada-lah suatu 'adat untuk menunjokkan kebanggaan atau kebésaran hati orang2 tua (ibu-bapa itu sendiri) bahawa anak yang di-pelihara dan di-didek-nya itu dalam keugamaan yang di-anut-nya tidak-lah sia-sia. Kerana itu-lah suatu majlis keshukoran (khenduri kendara sa-chara besar2an itu) sangat-lah perlu di-adakan bagi mereka.

Dan kepada guru yang telah mendidek dan mengajar anak-nya itu, di-sini-lah sa'at-nya bagi kedua ibu-bapa itu mengucapkan sa-tinggi2 penghargaan-nya dengan menghadihkan satu persaliman pakaian sa-lengkap-nya, nasi (pulut) kunyit, bunga-telor, ayam panggang, wang dan makanan2 lain yang di-adakan di-dalam isti'adat berkhatam dan berkhatan itu.

Pada permulaan isti'adat berkhatam ini budak itu pun di-pakaikan-lah dengan pakaian yang indah2—pakaian pengantin, lalu di-arak-lah dengan rebana atau kompong dari rumah guru-nya ka-rumah-nya sendiri (sa-tengah2-nya ada yang menaikki kuda: ada yang di-tandu dan ada pula yang menaikki kereta atau berjalan kaki sahaja kira-nya

dékat). Kémudian sa-télah sampai di-rumah-nya ia lalu di-dudokkan di-hadapan pëlamin-nya di-atas tikar pandak yang di-buat khas kërana-nya, lalu ia mêmulakan-lah pëm-bachaan Kur'an-nya dari surat Wadhua hingga-lah ka-akhir-nya do'a pënutup.

Sa-télah itu, bangun-lah ia kërana bërjabat salam dëngan guru-nya dan sakalian yang hadhir di-dalam majlis itu. Kémudian baharu-lah ia di-naikkan di-atas pëlamin sa-këtika lama-nya.

Majlis bërkhataam ini biasa-nya di-adakan ia-lah pada pukul 10 pagi atau sa-lëpas Zohor atau 'Asar di-sabëlah pëtang.

Dan pada pagi2 esok-nya sa-lëpas waktu Suboh, ia pun akan di-khatankan-lah oleh sa-orang tukang sunat atau yang di-panggil 'mudim' yang télah di-panggil khas kërana mënnyëmpurnakan isti'adat bërkhataam itu.

Këlëngkapan di-dalam isti'adat bërkhataam ini ia-lah:

1. Kain kuning yang akan di-pakai oleh budak itu sëndiri,
2. Kain putih lima suku untuk to' mudim,
3. Sa-ekor ayam jantan yang sëdang naik,
4. Sa-biji atau dua biji tëlör ayam,
5. Ayer di-dalam buyong yang télah di-jampi sërapih tëlörëbeh dahulu oleh to' mudim,
6. Sa-tepak sireh pinang sa-lëngkap-nya,
7. Batang pisang yang télah di-buat khas kërana tëmpat dudok budak yang akan di-khatankan itu,
8. Wang sa-banyak \$3.00, atau \$5.25, atau mëngikut umur budak yang akan di-sunatkan itu: \$12.00, \$13.00 hingga-lah \$15.00, ia-itu mënurut këadaan sa-suatu tëmpat; dan
9. Sa-biji limau nipis atau limau purut.

Pada përmulaan isti'adat ini di-jalankan pada pagi2 itu, budak yang akan di-khatankan itu di-suroh-lah mandi

pada pagi2 itu dēngan sa-puas2nya (mungkin supaya kulit hujong zakar budak itu mēnjadi kēchut dan lēmbut!), kē-mudian baharu-lah di-mandikan pula oleh to' mudim dēngan ayer sa-buyong yang tēlah di-jampi2-nya.

Sa-tēlah itu di-pakaikan kain kuning, baju yang bērsēh dan songkok. Kē-mudian di-suroh-lah makan sireh sa-kapor dari to' mudim, lalu di-dudokkan-lah di-atas batang pisang. Dan di-sini-lah to' mudim baharu mēnjalankan isti'adat bērkhatan itu dēngan chēpat-nya, dan sa-habis sahaja di-chantas-nya, tēlor di-pēchahkan kē-mudian di-siramkan di-atas zakar yang luka itu. Sēlēsai pēkērjaan to' mudim ini, maka limau pun di-bērikan-lah kapada budak itu untok di-sēdut2 bau-nya supaya jangan mabok atau pitam.

Dan barang2 sa-lain dari yang di-gunakan kērana isti'adat ini saperti: kain puteh, wang, ayam dan nasi-kunyit pun di-bērikan-lah kapada to' mudim. Dēngan ini, maka sēlēsai-lah isti'adat bērkhatam dan bērkhatan.

Chatetan:

- (a) Sa-sungguh-nya di-dalam 'adat rēsam Mēlayu yang paling banyak mēnērima pērubahan oleh kēadaan ia-lah di-dalam 'adat isti'adat bērkhatam dan bērkhatan ini-lah. Kēadaan itu bukan sahaja bērlaku di-bandar2 bēsar sahaja, tētapi tēlah mēnjalar jauh ka-kampong2 yang jauh tērpēnchil, di-mana anak2 yang akan bērkhatan itu lēbeh suka bērkhatan di-hospital kērana tērjamin kēsēlamatan-nya dan mēndapat layanan pērubatan yang sa-chukup-nya dari doktor.
- (b) Di-satēngah2 tēmpat, umpama-nya di-Singapura, to' mudim tēlah tidak di-bēnarkan oleh kērajaan kērana mēnjalankan isti'adat bērkhatan ini. kēchuali sa-tēlah mēndapat surat tauliah yang di-kēluarkan oleh kērajaan dan di-akui oleh doktor kē-bolchan-nya. (Biasa-nya mudim2 yang bērtauliah ini ada-lah sama sa-perti doktor dalam mēnjalankan isti'adat bērkhatan ini; bērsuntek (injection) tērlēbeh dahulu dan pērubatan-nya yang sa-chara moden).

* Bab ini ada-lah tambahan dari pēnyunting buku ini.

'ADAT KEMATIAN'

Sějak kita mēngēnal hidup bėrmasyarakat, maka sějak itu-lah pula kita mēngēnal hidup bėr'adat lėmbaga; bėrtolong bantu atas sa-suatu kėmalangan atau kėsusahan yang mēnimpa salah sa-orang daripada anggota masyarakat itu. Dėmikian-lah dėngan 'adat kėmatian ada-lah lahir dari kėmatian salah sa-orang daripada kėluarga masyarakat itu sėndiri.

Pėrmulaan 'adat ini ia-lah apabila tėlah di-kėtahui bėnar2 ada tanda2 yang mēnunjokkan bagawa sa-saorang itu sėdang naza' atau hampir putus nyawa dari jasad-nya, maka sėgėra-lah di-ajarkan (di-ingatkan-nya!) mēnguchap dua kalimah Shahadat, sėsuai dėngan shari'at Islam. Dan sa-tėlah putus sahaja nyawa dari jasad-nya, maka sėgėra pula kėdua2 bėlah tangan-nya di-kiamkan ka-dada-nya: tangan kiri di-sabėlah bawah dan tangan kanan di-sabėlah atas sa-bagai orang yang sėdang sėmbahyang.

Kėmudian di-bėtulkan lain2 anggota-nya: di-katupkan mulut-nya atau mata-nya kalau tėrbuka, di-lunjorkan kėdua2 bėlah kaki—lurus2 dan di-rapatkan; dan di-baringkan pula mēnghadap kiblat. Sa-tėlah itu di-rahap dėngan kain pėrahap atau kain2 lėpas yang panjang dari hujung kaki hingga ka-kėpala. Dan diatas kain pėrahap itu di-lėtakkan sa-bilah pisau kėchil atau gunting.

Apabila kematian ini berlaku di-kampung atau pekan² kecil, maka salah sa-orang atau beberapa orang dari keluarga si-mati atau jiran²-nya hendak-lah memberitahu segera kepada nazir atau salah sa-orang dari anggota jawatankuasa masjid di-kampung itu supaya dapat di-hebahkan khabar kematian itu ka-seluruh kampung dengan memukul kentong di-masjid itu; memberitahu polis atau pegawai² kerajaan yang bertanggung jawab atas kematian sa-saorang di-dalam daerah-nya; mendapatkan surat izin kubor bagi mengkebumikan si-mati itu, memberitahu sanak keluarga-nya dan sahabat² karib-nya; menyediakan segala perlengkapan si-mati itu: kain kapan, kapas, pachi, bunga², ayer mawar, batu atau kayu nisan, keranda dan sa-bagai-nya yang kesemua-nya harus-lah di-lakukan dengan sa-bberapa cepat yang dapat.

Menyempurnakan atau mengkebumikan segera si-mati ada-lah di-tuntut oleh hukum agama Islam; dan lebih afdhal lagi, kira-nya dapat di-selamatkan si-mati itu dalam tempoh enam jam sahaja. Sebab itu-lah segala sa-suatu yang berhubung dengan si-mati itu hendak-lah di-selenggarakan dengan sa-cepat²-nya, kecuali kalau sudah terpaksa oleh sa-suatu sebab yang tidak dapat di-elakkan atas perintah pegawai² kerajaan yang berkenaan atau kematian-nya di-sabalah petang yang terpaksa menunggu pada hari esok-nya baharu dapat di-kebumikan dan sa-bagai-nya.

Dalam menyempurnakan si-mati ini, kaum keluarga dan jiran² si-mati itu-lah yang paling sebak pada hari itu menyediakan itu dan ini: dari yang di-perlukan oleh si-mati kepada yang di-perlukan di-waktu itu oleh yang hidup: makan dan minum sa-kadar-nya. Sementara si-mati atau mayat itu belum di-mandikan, maka barang siapa yang akan melihat si-mati itu pada kali yang akhir ada-lah di-benarkan dengan menyingkap sedikit kain rahap yang

ménutupi muka-nya bergilir2 dengan chara yang paling chérmat dan hormat.

Ada-lah di-'adatkan oleh hidup bér'adat lembaga; dan yang di-tuntut juga oleh hukum ugama Islam bahawa sa-waktu ménziarabi atau di-sébut juga 'mélawat' ada-lah di-tégah di-dalam masa itu untok bérkata2 atau bérchakap2 sa-suatu yang kurang sopan atau choba mémbuat kěadaan ménjadi hingar tidak bérkětentuan. Dan di-tuntut juga sa-waktu méngiringi jėnazah ka-pėrkuboran--sa-panjang jalan tidak boleh mélakukan sa-suatu yang boleh di-anggap tidak hormat kapada si-mati oleh 'adat rėsam Mėlayu. Yang di-bėnarkan oleh hukum ugama Islam ia-lah hanya mémbacha dėngan pėrlahan2 surat Fatchah dan sa-bagai-nya sa-chara pėrlahan2 sahaja sa-bagai hadiah yang hidup kapada si-mati itu sahaja untok kali pėnghabisan-nya.

Sa-tėlah sampai sa'at dan kėtika-nya, maka mayat itu pun di-mandikan-lah: kalau pėrėmpuan, pėrėmpuan-lah yang mémandikan-nya; dan kalau lėlaki, lėlaki-lah yang mémandikan-nya dėngan chara yang sangat tėliti dan tėrtib. Sėlėσαι di-mandikan, maka mayat itu pun di-angkat-lah ka-tėngah rumah untok di-kapankan sa-tėlah di-lumori tėrlėbeh dahulu tuboh-nya dėngan sėrbok kapor barus dan chėndana; dan di-chelah2 pėlipat atau sėndi2 atau di-lain2 tėmpat yang di-fikirkan mustahak di-taroh kėpeng2 kapas yang juga tėlah di-buboh tėrlėbeh dahulu dėngan sėrbok kapor barus dan chėndana itu.

Kėmudian baharu-lah di-kapankan dėngan mémakaikan baju dan sėluar atau kain dari kain puteh yang tidak bėr-jahit, kėmudian sa-lapis lagi sa-bagai sarong-nya. Ini-lah yang wajib hukum-nya dari sisi ugama Islam; dan sunat hukum-nya untok mémbuat tiga, lima atau tujuh lapis. Dan sa-habis sahaja di-kapankan, maka baharu-lah di-suroh istėri atau suami, anak2 dan kaum kėluarga si-mati itu ménabor-kan pachai pada si-mati di-sakėliling kėpala-nya. Sėlėσαι

daripada 'adat mēnabor pachi oleh kaum kēluarga ini baharu di-ikat lima atau tujuh kain kapan itu dari hujung kaki hingga di-atas kēpala buat sēmēntara mayat di-usong ka-pērkuboran.

Ada pula di-'adatkan di-satēngah2 tēmpat bahawa si-mati tidak-lah boleh di-usong ka-pērkuboran sa-bēlum di-adakan isti'adat khēnduri "turun tanah". Konon-nya, sa-bēlum di-adakan khēnduri "turun tanah" atau "mēnyahor tanah" maka mayat itu tidak akan di-tērima jasad-nya oleh kubor. Dan ada pula sa-waktu mayat akan di-usong; sa-waktu di-halaman rumah, akan di-panggil-lah anak istēri atau suami dan kaum kēluarga di-suroh mēnyusup di-bawah kēranda si-mati itu bērulang tiga kali; dan ada pula yang bērkēpērchayaan bahawa kira-nya si-mati itu mēninggal pada hari Sabtu atau Thalatha, atau di-dalam bulan Safar, maka sa-bēlum mayat itu di-usong ka-pērkuboran maka hēndak-lah di-pēchahkan tērlēbeh dahulu sa-biji pinggan atau mangkok di-rumah, atau mēngopak sa-kēpeng dinding atau lantai rumah, atau mēmēchahkan sa-biji kēlupa, atau mēlepaskan sa-ekor ayam di-pērkuhoran-nya. Kalau tidak di-lakukan dēmikian, maka si-mati itu akan "mēnarek" salah sa-orang daripada kēluarga-nya itu dalam bēbērapa hari sa-tēlah sahaja ia di-kēbumikan atau akan mēnērima sa-suatu 'akibat yang lēbeh burok lagi.

Ada-lah wajib (fardhu kipayah) bahawa sa-bēlum mayat itu di-usong ka-pērkuboran hēndak-lah di-sēmbahyangkan tērlēbeh dahulu di-rumah itu sēndiri atau di-masjid. Sēlēsai isti'adat bērsēmbahyang maka baharu-lah di-usong hēramai2 ka-kubor untok di-kēbumikan.

Dan sa-bēlum mayat dan kēranda di-kambus oleh pēnggali kuboran, hēndak-lah tērlēbeh dahulu si-mayat itu di-buka tali2 yang mēngikat kain kapan-nya, kēmudian di-iringkan pula mēnghadap kiblat dēngan di-sēndal tanah2 yang tēlah di-sēdiakan 5 atau 7 kēpal di-bēlakang si-mati

itu. Dan kain kapas yang menutupi muka-nya pun di-buka-lah sa-dikit. Sa-telah itu di-azankan sa-bagaiman yang di-kehendaki oleh shari'at Islam.

Selesai mengkambus dan melétkan batu atau kayu nisan di-atas kubor-nya itu, maka tampil-lah sa-orang alim atau to' imam di-kampung membachakan talkin di-atas kubor-nya (dan di-satengah2 tempat ada yang membachakan sa-kali do'a arwah atau tahlil).

Demikian-lah serba ringkas 'adat kematian yang dapat di-tuliskan di-dalam bab ini. Dan yang perlu di-sebutkan juga di-sini bahawa kalau di-dalam lain2 'adat berhubung dengan soal nikah-kahwin banyak terdapat perbedzaan di-sana-sini, maka demikian-lah juga di-dalam menyelenggarakan 'adat kematian ini, tidak sama di-antara satu tempat dengan satu tempat yang lain.

* Bab ini ada-lah tambahan dari penyunting buku ini.

TAMTHIL YANG MĒNJADI SHARAT HIDUP

Tidak-lah lĕngkap hidup sa-sa-orang itu, jika ia hanya mĕngĕnali 'adat2 sa-bagaimana yang tĕlah di-tuliskan di-dalam bab2 yang lalu; dĕngan tidak pula tĕrlebeh dahulu mĕngĕnali hidup diri-nya sa-bagaimana tamthil ibarat anak2 jari kita.

Itu-lah kĕpĕrchayaan orang2 tua dahulu; dan itu-lah sĕbab-nya ia mĕnamakan anak2 jari-nya itu dĕngan:

Ibu jari, jari tĕlunjuk, jari hantu, jari manis dan jari kĕlingking.

Dan dari nama anak2 jari itu-lah di-harapkan-nya supaya jadi pĕdoman atau pĕtunjuk kepada anak chuchu-nya dalam mĕnghadapi hidup-nya dan mĕnchipta suatu masharakat hidup 'bĕrgotong royong'.

Mĕnurut kĕpĕrchayaan orang2 tua dahulu itu ia-lah:

1. Ibu jari;

Ada pun sĕbab di-katakan "ibu jari" itu ia-lah kĕrana jari itu-lah yang mĕnanggung sĕgala bĕban yang bĕrat2; dan jari itu-lah yang mĕjadi sandaran jari2 yang lain dalam sa-suatu pĕrkara.

Kĕrana itu-lah ibu jari ada-lah mĕjadi pĕtunjuk kepada kita bagaimana kita harus hidup dĕngan sĕgala bĕbanan yang bĕrat2 sa-bagai sa-orang manusia dan anggota dari suatu masharakat bangsa dalam

mencintai nalkah hidup di-dunia ini dan mēmpertahankan kēhalupan-nya itu dari sa-barang kēmungkinan yang boleh mērugikan kita sēndiri.

2. Jari tēlunjok:

"Tēlunjok" ada-lah dari kata "tunjok". Jadi, "jari tēlunjok" ada-lah bērtti jari yang mēnunjokkan kapada kita sēgala bukti yang boleh kita buat sa-hagai sa-orang manusia yang hidup bērmasyarakat dēngan akal fikiran-nya dalam mēnguasai hidup di-alam dunia ini.

3. Jari hantu:

"Hantu" yang di-maksudkan di-sini oleh orang tua2 dahulu itu buakan-lah "hantu" dari suatu kēpērtēnyaan (animism), tētapi ia-lah sa-suatu yang boleh ztau cūba mērusakkan kēhidupan kita dari hidup bērmasyarakat tadi kapada satu kēbinasaan hidup kita sēndiri atau kēbinasaan hidup masyarakat bangsa itu sēluroh-nya.

Kērana itu-lah "jari hantu" itu ada-lah mēngingatkan kapada kita supaya siap sēdja dan bērjaga2 dari "hantu" hasad dan dēngki orang yang tidak ingin mēlihat kita maju sēsua dēngan pērubahan zaman-nya, kuat dalam pērsatuan masyarakat-nya; dan mēwah dalam kēhidupan-nya.

4. Jari manis:

"Manis" di-sini bukan-lah bērtti "manis" dalam erti mutlak-nya, sapērtti manis gula atau madu, tētapi ia-lah manis pada hakiki-nya dalam hidup sa-sorang itu atau sa-satu masyarakat bangsa itu, tēntang mēnghadapi mas'alah2 hidup-nya.

erti-nya akan manis-lah kēlihatan sa-sorang itu apēbila dalam mēnghadapi mas'alah2 hidup-nya tidak mēnyalahi adat yang mējadi tradisi masyarakat bangsa-nya dan yang tidak bērtēntangan dēngan

ugama yang di-anut-nya dalam hal2 bérumah-tangga; bérkampong halaman dan sa-bagai-nya.

Déngan lain2 pèrkataan: "jari manis" ada-lah mēng-ingatkan supaya kita bérikhtiar mēnyempurnakan sēgala kēhēndak2 diri kita itu mēnurut saloran yang tidak mēnyimpang dari apa yang tēlah di-ator tēr-lēbeh dahulu oleh dato' nenek kita.

5. Jari kēlingking;

Ia-lah jari yang tērkecil dari jari2 yang lain. Jari itu ada-lah mēngingatan kapada kita bahawa kita ini akhirakan tua. Oleh itu, kita hēndak-lah sēntiasa ingat sēmēntara kita maseh muda; maseh dapat bērtēnaga dan bēkērja. Bēkalan hidup di-masa tua ada-lah pērlu di-tanam déngan bēneh yang baik dari sēkarang juga, kērana buah atau hasil dari tanaman kita itu-lah yang kita harapkan akan dapat mēmbantu hidup kita di-masa tua.

Yang dēmikian, kita di-ingatkan juga supaya jangan-lah dalam mēnghdapi hidup ini kita mēnjadi sa-bagai kata bidalan: "tēlunjok lurus, kēlingking bērkait".

Bagitu-lah erti mēnurut kēpērchayaan orang tua2 dahulu, yang di-harapkan-nya "gotong-royong" jari2 itu akan dapat mēnjadi suatu pētunjok kapada kita dalam mēnghadapi sēgala mas'alah2 hidup kita sa-chara bēgotong-royong pula sēsuai déngan daya-usaha dan 'akal fikiran kita sa-bagai manusia.

Akan pinchang-lah kēhidupan kita, apabila salah satu di-antara anggota masharakat kita itu ya'ani jari2 kita itu, tēlah tidak dapat mēmemberikan kērjasama-nya dalam sa-suatu hal yang mēngēnai kēhidupan bērsama; dan akan hanchor-lah sēgala harapan atau sa-satu masharakat bangsa itu apabila ada di-antara orang yang kita pērchayai atau ibu jari kita itu tēlah hilang atau chuba mēnjualkan kēpēr-


chayaan kita itu kepada orang lain untuk kepentingan dirinya sendiri.

Hanya oleh kerana kejahilan kita dan kekurangan usul-pereksa kita sa-lama ini telah menyebabkan kita kehilangan sa-suatu yang baik dan dapat di-sesuaikan dengan kehidupan kita hari ini yang telah di-'amalkan terlebeh dahulu oleh dato' nenek kita, seperti bergotong-royong dalam sa-suatu perkara yang membèrikan kebajikan kepada kita bèrsanta.

ALAT2 MÈNANGKAP IKAN

Gambar ini ada-lah sa-bahagian yang di-gunakan oleh kaum nèkayan dalam usaha-nya mènangkap ikan.

1. Jaring dan pèrahu layar;
2. Jaring pukot;
3. Lukah;
Panding rawai (tidak nampak), di-buat dari tali bènang kasar dan panjang; kèmundian di-gantongkan hèbèrapa banyak mata kail pada sa-panjang2 tali itu.
5. Lukah hinjap balek bèrtimbal;
6. Jaring halus (jaring lombong);
7. Tanggok bilah (di-pèrbuat daripada buloh);
8. Pèpuyan;
9. Jaring; dan
10. Pèrahu dayong.



'ADAT BÉRGOTONG-ROYONG

"Bérgotong-royong" dalam pengertian yang asal-nya ia-lah suatu semangat békerja bértolong bantu yang lahir dari rasa sa-nasib dari suatu masharakat bé'adat. Dan chara békerja yang sa-umpama ini tidak-lah térdapat dalam masharakat moden di-kota, di-mana kéhidupan sa-chara pérsaorangan (individualist) méngambil témpat-nya yang utama.

'Adat bérgotong-royong ini, sa-bénar-nya ia-lah ibu dari ségala 'adat yang lahir kémbudian-nya, saperti 'adat nikah-kahwin, 'adat ménéroka hutan, 'adat turun ka-sawah, 'adat turun ka-laut; dan sa-bagai-nya. Kérana itu, 'adat bérgotong-royong ada-lah bérlainan déngan kata "békerja sama" saperti yang banyak di-jalankan (atau di-buat) di-négéri ini sékatang, sungguh pun hampir sa-rupa ma'ana-nya.

firti dari kédua2 pérkataan térsébut ia-lah:

'Békerja sama2' ia-lah apabila sa-saorang sudah mahu mémasokki sa-suatu pakatan atas kémahuan bérsama di-sasuatu témpat itu bagi mémbuat sa-barang apa kérja atau pérniagaan yang boleh méndatangkan kéuntongan kapada diri séndiri dan sa-bagai-nya, sudah boleh di-katakan bé-kérja sama2.

Sédang pengertian 'bêrgotong-royong' dari suatu masyarakat bér'adat ia-lah sa-saorang itu mesti-lah mêmberikan segala pertolongan bukan sahaja tulang-urat, bahkan fikiran dan harta yang mungkin dalam menghadapi sa-suatu masalah yang di-hadapi oleh masyarakat-nya dengan tidak mengirakan keuntungan diri sendiri, jika tidak, akan dikatakan sa-bagai "tidak bér'adat".

Ménurut 'adat bêrgotong-royong ini dari orang2 tua dahulu ia-lah:

Pertama: bêrgotong-royong yang mengenai kepentingan umum; dan

Kedua: bêrgotong-royong yang mengenai kepentingan bér-sendirian.

Bêrgotong royong dalam pengertian pertama ia-lah seperti: membuat perigi, membuat lesong padi, membuat keranda, membêtuk atau membêrsihkan tali ayer, membêrsihkan tanah perkuboran; dan sa-bagai-nya yang mengenai kepentingan umum.

(Ada-lah di-anggap tidak bér'adat sa-saorang itu jika dalam kerja2 tersêbut di-atas ia chuba pura2 tidak tahu!).

Bêrgotong royong dalam pengertian kedua ia-lah, seperti: bêrgotong-royong: turun ka-sawah, mênêroka kebun baharu, menaikkan atau mendirikan rumah, mengadakan kerja nikah-kahwin dengan mêmberikan "sumbangan"; dan kerja2 lain sa-umpama-nya, di-mana pembak yang di-tolong bantu ini hêndak-lah mengadakan jêmputan têrlêbeh dahulu, mengadakan sedikit makan-makanan dan bérhutang-tulang urat pula.

Asal perkataan gotong itu ia-lah di-ambil daripada perkataan gêrotong. Erti-nya menjalankan sa-suatu pekerjaan dengan bêramai2 sêrta bêrsungguh2 sa-umpama semut 'mênggêrotongi' gula, atau kêrênga 'mênggêrotongi' makanan-nya, atau sama juga macham tabuan 'mênggêrotongi' musoh yang mêngusek sarang-nya.

Sédang **royong** ada-lah bĕrĕrti habis sĕmua sa-kali bĕrsatu. Jadi, 'bĕrgotong-royong' ada-lah bĕrĕrti: habis sĕmua sa-kali bĕrsatu bĕkĕrja bĕrtolong bantu dalam satu2 kĕrja kĕmasharakatan untok hidup mĕreka bĕrsama, sapĕrti sabĕlum dato' nenek kita tahu mĕmbuat rumah sapĕrti sĕkarang ini, mĕreka sudah tahu tĕrlĕbeh dahulu 'mĕnggĕrotongi' musuh-nya; dan 'mĕnggĕrotongi' suatu pĕkĕrjaan dĕngan tulang-urat mĕreka bĕrsama2; dan yang tĕrutama 'mĕnggĕrotongi' barang makanan dari suatu pĕncharian bĕrsama.

Dan 'adat bĕrgotong-royong itu-lah pada mula-nya yang di-'amalkan oleh dato' nenek kita itu yang tĕlah mĕmbangkitkan mĕreka kapada suatu kĕsĕdaran hidup yang lĕbeh tinggi lagi dĕngan bantuan 'akal fikiran-nya datipada binatang yang juga bĕrgotong-royong sapĕrti: lĕbah, tabuan, sĕmut, kĕrĕngga, anai2 dan lain2 lagi yang sa-umpama-nya, hingga dapat mĕmbĕntok sa-buah kĕrajaan yang bĕsar di suatu kĕtika dahulu.

Tĕtapi oleh kĕrana kita hari ini tĕlah mĕlalaikan satu daripada 'amalan dato' nenek kita yang baik ini, maka jadi-lah sa-bagaimana kata pĕpatah orang tua2: "**barang siapa bĕrani mĕngubah pĕpatah orang2 tua; jika tidak patah sa-kurang2-nya ringkat!**". Maka sĕkarang ini nampak-lah 'kĕringkatan' kita ini sa-tĕlah kita mĕninggalkan 'adat rĕsam orang2 tua kita tĕntang bĕrgotong-royong itu oleh pĕngaruh2 moden atau oleh 'adat yang di-buat2.

Ada-lah kĕwajipan kita sĕkarang ini bagi mĕnghidupan sa-mula sĕmangat bĕrgotong-royong ini sĕsuai dĕngan pĕubahan zaman kita hari ini, jika sa-kira-nya kita bĕnar2 ingin mĕnĕbas kĕmbali kĕhormatan kita sa-bagai suatu bangsa yang bĕrdaulat dan mĕrdeka.

BAHASA RAJA ATAU BAHASA DALAM

Sa-buah nêgèri yang bêraja sa-bagai kèpada nêgara dan tèmpat kita mèlètakkan rasa ta'at sètia sa-bagai ra'ayat nêgèri ini, maka pèrlu-lah kita mêngenal pula 'adat pèrbahasaan khas kapada raja:

- Achang** - Pèsuruh raja; **achang2 raja** — orang2 kèpèrchayaan raja.
- Adinda** - Adek.
- Anugèrah** - Kurnia; hadiah kèhormatan diraja, mèn-dapat anugèrah bintang kèhormatan nêgèra.
- Astaka** - Balai sèmentara diraja; balai dalam istana yang boleh di-ubah2.
- Astakona** - Tèmpat nasi kunyit dan bunga telor yang bèrbèntok lapan sudut dan bèrbunga awan karat di-sakèliling-nya.
- Ayahanda** - Ayah; bapa.
- Ayap** - Mekan (pèrkataan ini di-gunakan oleh raja sa-bagai mèrèndahkan diri: patek telah ayap).
- Baginda** - Yang bèrbehagia; ganti nama dia dalam bahasa orang kèbanyakan. Asal-nya dari pèrkataan: **Bahagia** + **anda**.
- Bahtera** - Pèrahu bèsar bèrhias kènaikan raja.

- Balai** – Tempat menghadap; **Balai rong** — tempat raja menerima penghadapan.
- Bangta** – Anak raja yang di-peranakkan kemudian daripada di-tabalkan (Perak, Aceh); putera bangta.
- Bēdaya** – Pēnari dalam istana.
- Bēndahara** – Gēlar kepada anak raja pēmerintah atau kepada kērabat raja yang hampir2, orang bēsar yang pērtama dalam kērajaan Mēlayu Mēlaka, sama sapērti Pērdana Mēntēri sēkarang ini.
- Bēntara** – Pēgawai istana; pēgawai yang mēnyērukan titah diraja. **Bēntara Kanan** = gēlaran pēngapit raja di-sabēlah kanan; **Bēntara kiri** = gēlaran pēngapit raja di-sabēlah kiri (pēngiring2 raja); gēlar orang2 bēsar istana.
- Bēradu** – Tidor. **Pēraduan** = tempat tidor.
- Bēranggar** – Mēlawat. Mithal-nya, sultan bēranggar ka-jajahan..... – sultan bērangkat mēlawat ka-jajahan.....
- Bērangkat** – Bērjalan.
- Bērchēmar** – Bērjalan (biasa-nya pērkataan ini di-guna-kan yang di-rangkaikan sa-kali dēngan pērkataan **Duli**, sapērti: "dipērsilakan Tuanku Duli Yang Maha Mulia **Bērchēmar Duli** mēmbuka atau mēnyaksikan pērtunjokan 'amal ini.....").
- Beta** – Ganti nama bagi diri raja yang bērdaulat. Asal pērkataan dari: **Bagi + Kita**, ya'ani bagi pehak kita. Pērgunaan pērkataan **Beta** ada-lah mēnunjokkan yang bērchakap itu mēmpunyai kuasa yang tēlah di-jadikan undang2 oleh kērajaan-nya. Bagitu juga pērkataan '**kita**' yang mēnunjok-

kan 'kumpulan kita' atau 'kami' yang menunjukkan perkataan di-ucapkan-nya itu bagi pihak yang bersympati (sympathy) dengan dia.

Ketiga2 perkataan: **Beta**, **Kita** dan **Kami** boleh di-gunakan oleh raja dalam satu waktu ketika memberikan titah-nya yang mengikut undang2 negeri. Mithal-nya, sa-waktu membuka persidangan dewan undangan negeri atau persidangan dewan ra'ayat. Perkataan khas bagi diri raja sendiri yang tidak bersangkutan dengan undang2 negeri, memadai-lah dengan menyebut **Diri** atau **Aku** sahaja.

- Beti** - Hamba (perempuan) istana raja zaman dahulu.
- Bida** - Pengasoh putera/puteri raja.
- Biduanda** - Gelar bagi pësuroh atau pengawal raja2; pembawa alat kebésaran diraja.
- Bingkisan** - Hadiah kehormatan yang di-kirim oleh raja.
- Bunda** - Émak; ibu.
- Chërpu** - Kasut (rupa-nya sa-akan2 tẽrompah, tetapi lẽntek, di-përbuat daripada kayu, ia-itu pada masa orang maseh belum tahu lagi membuat kasut daripada kulit seperti sekarang ini).
- Chuchunda** - Chuchu.
- Dang** - Panggilan gelar bagi sa-orang perempuan yang berkẽdudukan tinggi dalam istana, seperti: Dang Anum, Dang Raya Rani.
- Daulat** - Tuah kebésaran raja yang memẽrentah.
- Dayang** - Pelayan (gadis2) dalam istana; 2, gelar puteri diraja Bẽrunai.

Makam	- Kubor.
Mamanda	- Bapa saudara.
Mangkat	- Mati; Kēmangkatan = kēmatian.
Marhum	- Ganti nama raja yang tēlah mangkat (al-marhum).
Murka	- Marah; Kēmurkaan = kēmarahan.
Nenekanda	- Nenek.
Nobat	- Sa-jēnis gēndang di-raja yang di-palu kētika hari pērtabalan atau kētika upachara2 'adat sēdang di-adakan.
Pachal	- Ganti nama yang mērēndahkan diri kētika mēnghadap raja, saperti: ini-lah pachal tuan-ku; patek pachal yang hina ; Dia; Saya; Aku.
Pancha	- Lima. Pancha Pērsada - sa-jēnis rumah tēmpat raja bērsiram. Kēbiasaan-nya rumah ini di-pērbuat lima tingkat. Pērsada ia-lah rumah tēmpat mandi2 bēr'adat. Jadi, Pancha Pērsada ia-lah "rumah lima tingkat tēmpat mandi bēr'adat raja2".
Pēnjawat	- Gēlar pēmbawa alat2 kēbēsaran diraja pada hari2 pērtabalan, hari kēputeraan, kahwin dan sa-bagai-nya.
Pēnomah	- Hadiah atau bingkisan dari raja kapada raja mēlalui sa-orang utusan atau pēsuroh khas-nya.
Pērmaisuri	- Isteri raja pēmērentah yang bērkēturunan darah raja sa-bēnar-nya, saperti: Raja Pērmaisuri Agong.
Pētēra'na	- Tēmpat dudok yang di-tinggikan bagi pēr-sēmayanan raja dan pērmaisuri; geta.
Puri	- Bilek pēraduan dalam istana; bilek tidor.
Putēra	- Anak raja (lēlaki); bērputēra = bērsalin atau bēranak; kēputēraan - kēlahiran.

Duli	- Kaki; 2, pĕrkataan kĕhormatan yang di-gunakan dalam pĕrtutoran dan pĕsuratan kapada raja pĕmĕrentah.
Gada2	- Tanda2 kĕchil yang mĕrupakan panji2 kĕbĕsaran diraja pada hari kĕramaian isti'adat diraja.
Gahara	- Anak raja (pĕrĕmpuan) yang bĕnar2 bĕr-kĕturunan raja; sa-taraf; sama bĕsar. Pĕr-maisuri Gahara = istĕri raja pĕmĕrentah yang bĕnar2 bĕrkĕturunan darah raja dan sa-taraf dĕngan-nya.
Gĕring	- Sakit.
Gundek	- Istĕri raja yang tidak rasmi atau pĕrĕmpuan simpanan.
Hulu	- Kĕpala.
Inang	- Pĕgawai (pĕrĕmpuan) dalam istana yang bĕrkĕwajiban mĕngasoh, mĕmbĕri makan minum; dan mĕrawat putĕra/putĕri raja.
Istana	- Rumah raja; mahaligai.
Jĕmala	- Ubun2 kĕpala.
Jĕmpana	- Tandu; mongkor; tĕmpat pĕngusong diraja.
Juak	- Budak kundang; pĕngiring putĕra/putĕri raja; juak-juak .
Kakanda	- Abang atau kakak.
Kalor	- Orang yang mĕmalu nobat kĕbĕsaran di-raja; Orang Kalor .
Kĕtor	- Tĕmpat ludah
Kurnia	- Pĕmbĕrian; anugerah.
Maha	- Tĕrlalu; tĕramat; tĕrlĕbeh.
Mahkota	- Songkok kĕbĕsaran raja2 yang di-pĕrbuat daripada ĕmas bĕrtatahkan intan bĕrlian di-pakai kĕtika isti'adat kĕmahkotaan dan pĕrtabalan-nya.

Putēri	- Anak raja (pērēmpuan); 2. gélaran diraja bagi anak pērēmpuan kēturunan raja dari sa-bélah ibu (Perak).
Rafa'	- Sampai. Mērafa'kan sēmbah = mēnyampai-kan sēmbah.
Rimbit	- Hamil. Rimbitan = kandongan.
Santap	- Makan (pērbahasaannya dari ra'ayat tērhadap raja-nya, saperti: tuanku sēdang santap).
Sēlir	- Istēri yang kēdua kapada putēra raja.
Sēmamayam	- Dudok; tinggal; bēristirehat. Bērsēmamayam = dudok di-atas takhta kērjaan yang mēmērentah.
Sida-sida	- Pēgawai tinggi atau tukang tēnong diraja; pēdeta; 2. orang lēlaki yang tēlah di-kēbiri bagi mēngawal isi istana, ia-itu pērēmpuan ² diraja dan mēnēmankan ka-tēmpat bērsiram.
Singgahsana	- Tēmpat pērsēmayaman raja pēmērentah.
Sultan	- Raja pēmērentah yang mēwarisi kēkuasaan dan pēmērentahan dari ayahanda ninda-nya.
Sultanah	- Istēri sultan dari orang kēbanyakan.
Suri	- Raja pērēmpuan; pērmaisuri raja, saperti: bunda suri - bunda bagi raja pēmērentah.
Tabal	- Mēnaikkan atau mēlantek raja dudok di-atas takhta kērjaan-nya sa-bagai pēmērentah tērtinggi. Pērtabalan = pērlantekan.
Takhta	- Tēmpat raja pēmērentah dudok; takhta kērajaan - kērusi kērajaan; bērtakhta - bērsēmamayam.
Tēlapakan	- Tapak kaki; pērkataan untok mēnyēmpurnakan pujian ² bēr'adat, saperti: tērsēmbah ka-bawah duli tēlapakan Sēri Paduka.....
Tēniat	- Balai astaka (sēmēntara) bagi pērsēmayaman raja pēmērentah kētika mēnyambut

	hari ulang tahun kèputéran-nya, atau pèrtabalan-nya.
Tèratak	- Rumah kita kètika kita mènnyebutkan ka-pada raja.
Titah	- Pérentah; ucapan raja pèmèrentah.
Tungkup	- Payong kèbésaran diraja yang di-gunakan kètika mèmbarawa jénazah raja (Kèlantan).
Usrah	- Kèrabat; usrah di-raja - kèrabat di-raja.
Zaujah	- Istèri raja pèmèrentah yang bukan bèrdarah raja (Kèlantan).

'ADAT PĒRBAHASAAN MĒNGADAP RAJA

Mĕngikut 'adat isti'adat di-raja dahulu bahawa 'adat pĕrbaasaan mĕngadap atau bĕrchakap2 dĕngan sultan atau raja yang mĕmĕrentah ada-lah sa-bagai bĕrikut:

Awal mula mĕngadap hĕndak-lah tĕrlĕbeh dahulu mĕngangkat sĕmbah dĕngan mĕnyusun sa-puloh jari bĕsĕrta mĕngangkat kĕdua bĕlah tangan hala mĕngadap raja hingga hujung ibu2 jari jĕjak ka-dahi, di-antara dua kĕning. Kĕmudian jatohkan sa-mula tangan mĕngikut adab-dan tĕrtib.

Sa-tĕlah itu apabila hĕndak mĕmulakan pĕrchakapan hĕndak-lah tĕrlĕbeh dahulu di-mulai dĕngan pĕrkataan:

"Ampun tuanku!" (atau: "ampun tuanku, sĕmbah patek harap di-ampun"), sambil mĕngangkat tangan sapĕrti kĕtika mula mĕngadap tadi. Kĕmudian baharu-lah bĕrchakap apa2 yang hĕndak kita pĕrsĕmbahkan.

Jikalau hĕndak mĕnyambut titah raja, mahu-lah di-sambut dĕngan pĕrkataan: "tuanku!"

Dan jikalau hĕndak mĕjawab titah sultan atau raja2 yang bĕrdaulat, mahu-lah di-mulai dĕngan kalimat2: "harap di-ampun tuanku", atau jikalau kita tidak tahu so'alan yang di-kĕmukakan oleh sultan atau raja2 itu, mahu-lah di-katakan tĕrlĕbeh dahulu: "harap di-ampun taunku, patek (atau patek pachal) kurang pĕreksa, tuanku!".

Kĕmudian baharu-lah kita pĕrsĕmbahkan apa2 fikiran

kita atas segala persoalan yang sedang menjadi pertuturan itu: "fikiran patek ada-lah....."

Dan jikalau ada apa2 pula yang hendak di-kemukakan kepada raja atau sultan itu, hendak-lah di-katakan terlebih dahulu:

"Harap di-ampun tuanku!

Sampai-lah sudah bagi patek mērafa'kan sēmbah mē-mohon limpah kurnia kēmurahan duli yang maha mulia bagi mēmohon.....ini.....ini.....ini".

Bagitu-lah juga dalam perkara yang lain2, hendak-lah di-lakukan dengan pēnoh pēbahasaan. Dan ketika akan bērpisah dengan raja atau sultan itu, hendak-lah di-lakukan juga 'adat isti'adat mēnyēmbah sa-bagaimana mula pē-tēmaan tadi dengan pērkataan: "Harap di-ampun tuanku! patek bērmohon diri".

Chatetan:

1. Di-dalam pēratoran mēnyēmbah, ia-itu sa-belum mēnyusun jari dan mēngangkat tangan, hendak-lah terlebih dahulu dudok dengan bērtēlekukan kaki kanan dan kaki kiri di-jelepokkan.
2. Mēnyēmbah putera mahkota, atau raja muda, atau yang di-pertuan muda, hendak-lah sa-puluh jari yang di-susun itu di-angkat hingga ibu jari jējak di-hujung hidong.
3. Mēnyēmbah Bēndahara atau Tēmenggong, hendak-lah susunan jari itu hingga sampai di-bawah dagu sahaja.
4. Jikalau mēnyambut pērkataan putera sultan atau raja muda mēmadai-lah dengan pērkataan "Tēngku"; dan jika raja2 kebanyakan "Engku" sahaja.
5. Sa-telah mēnyēmbah bērmohon diri, tidak-lah boleh terus bērpuling mēmbelakangi raja atau sultan itu, tetapi hendak-lah sa-sudah mēnyēmbah itu, ia bangun undor tiga tapak ka-bēlakang; kēmudian bērtēleku dudok mēnyēmbah sa-kali lagi. Sa-telah itu bangun dan undor pērlahan2 lagi tiga tapak ka-bēlakang, baharu-lah boleh bērpaling kēluar mēninggalkan raja atau sultan itu.

PĒRKATAAN2 YANG PATUT DI-UBAH KĒTIKA MĒNGADAP RAJA2

Sayugia di-ingat bahawa mĕngikut 'adat isti'adat raja2 Mĕlayu bahawa pĕrbahasaun atau sopan santun kĕtika mĕngadap raja2 hĕndak-lah mĕngikut bahasa2 bĕr'adat, atau yang di-sĕbut juga bahasa dalam, atau bahasa raja2.

Yang dĕmikian, pĕrkataan2 sapĕrti: **saya** mahu-lah di-ubah dĕngan **patek**; **dia** (ganti nama orang yang kĕtiga), hĕndak-lah di-ganti dĕngan pĕrkataan **pachal**; mĕnyampai-kan mĕsti-lah di-gantikan dĕngan mĕrafa'kan; **bĕrjalan kaki** jadi **bĕrchĕmar duli**; **minta** di-gantikan dĕngan **mohon**; **jĕmput** hĕndak-lah di-gantikan pula dĕngan **silā**; dan pĕrkataan **awak** atau **ĕngkau** mahu-lah di-ganti dĕngan **Tuanku** (atau jikalau kapada putĕra/putĕri sultan atau raja, hĕndak-lah dĕngan pĕrkataan **Tĕngku**. Dan jika kapada raja2 kĕbanyakan pula hĕndak-lah di-sĕbutkan saja **Ēngku**.)

Jadi, apabila kita hĕndak mĕngatakan: "Dĕngan hormat-nya saya mĕnjĕmput duli yang maha mulia mĕmbuka dĕngan rasmi pĕrtunjokan sandiwara ini", hĕndak-lah di-katakan dĕmikian:

"Dĕagan ta'zim-nya, patek mĕmpĕrsilakan Duli Yang Maha Mulia Sultan (atau Raja).....(sĕbutkan nama-nya!) mĕnchĕmarkān duli mĕmbuka dĕngan rasmi pĕrtunjokan 'amal ini".

Atau: "përmaisuri kini dalam rimbitan" yang bërerti: raja përempuan sêkarang sêdang hamil; atau: "..... dêngan ini patek mërafa'kan sêmbah rasa dukachita hamba ra'ayat yang amat sangat atas kègeingan baginda".

Bagitu-lah sa-têrus-nya mêngikut apa yang akan kita katakan kêtika mêngadap raja2 atau sultan itu.

**PĒRATORAN ISTI'ADAT PĒRKAHWINAN AGONG
DIRAJA**

di-antara

SELANGOR — KEDAH

Pada 22 Julai 1956 = 14 Zulhijjah 1375

PĒrkahwinan

**Yang Tĕramat Mulia Tĕngku Raudhah Putĕri Yang
Maha Mulia Sultan Hishamuddin 'Alam Shah, Yang Di-
Pĕrtuan Nĕgĕri Sĕlangor Darul-Ihsan**

dĕngan

**Yang Amat Mulia Tĕngku Abdul Malik Putĕra Yang
Maha Mulia Sultan Badli Shah, Yang Di-Pĕrtuan Nĕgĕri
Kĕdah Darul-Aman.**

Pĕratora 'adat isti'adat ini sa-rupa mĕnurut 'adat isti'adat yang pĕrnah di-lakukan di-dalam majlis2 nikah kahwin orang kita (Mĕlayu). Hanya di-dalam majlis pĕrkahwinan diraja ini 'adat isti'adat tĕrsĕbut tĕlah di-pĕrbaikki dan di-pĕrkĕmaskan sa-chara yang lĕbeh elok lagi, sĕsuai dĕngan sĕbutan-nya: pĕrkahwinan diraja.

Oleh itu, tidak-lah di-tĕrangkan di-dalam bab ini sĕgala yang bĕrsangkutan dĕngan 'adat isti'adat tĕrsĕbut; mĕlain-

kan apa yang di-térangkan di-sini hanya-lah tentang pèr-
alatan dan pakaian-nya sahaja:

(i) Pakaian dhif yang hadhir mēnērīma mahar:

Orang2 Mēlayu hēndak-lah mēmakai pakaian kēbang-
saan (tētapi di-larang mēmakai pakaian yang bērwarna
hitam), bērbēngkong dan bērtanjak. 'Alim 'ulama dan
tuan2 Haji hēndak-lah mēmakai jubah dan sērban.

(ii) Jawatan diraja masa mēnērīma mahar:

8 payong obor2 kuning tērkēmbang di-kiri kanan jalan
masuk ka-istana;

8 lēmbing tērchabut di-ator bērsēlang dēngan payong
obor2 di-kiri kanan jalan;

8 pēdang di-ator bērsēlang dēngan payong dan lēmbing;

4 pēdang di-kiri kanan jalan hēndak masuk ka-istana;
dan

2 pēdang bērchabut di-pintu anjong istana.

(iii) Isti'adat 'akad nikah:

Pakaian dhif2 yang hadhir: orang2 Mēlayu mēmakai
pakaian kēbangsaan (tētapi di-larang daripada kain yang
bērwarna hitam), bērbēngkong dan bērtanjak. 'Alim 'ulama
dan tuan2 Haji bērjubah dan bērsērban.

(iv) Alat isti'adat nikah:

5 sēroja perak bērisi mahar;

1 tilam pandak tēmpat sēmayam bēr'akad nikah;

1 puan perak tēmpat sireh;

1 chēpu perak bērisi bunga rampai; dan

1 tēmpat pērbaraan.

(v) Isti'adat bērandam:

Pakaian dhif2 yang hadhir: orang Mēlayu di-kēbēn-
daki bērsongkok. 'Alim 'ulama dan tuan2 Haji bērjubah
dan bērsērban (pakaian yang bērwarna hitam di-tēgah).

(vi) Alat isti'adat bērandam:

8 kain dukong jawatan kanak2 pērēmpuan;

8 dian kēlopak perak jawatan kanak2 pērēmpuan;

1 orang jawatan pērēmpuan mēmēgang pahar perak
bērisi gunting ēmas, pisau lipat bērsēndi perak, kain
puteh dan chērmin;

1 orang jawatan pērēmpuan mēmēgang puan perak
tēmpat sireh;

1 kētor perak; dan

2 kēlopak perak bērisi ayer tolak hala'.

(vii) Isti'adat bērinai bēsar:

Pakaian dhif2 yang hadhir: orang2 Mēlayu hēndak-lah
mēmakai pakaian kēbangsaan bērwarna hitam, bērbēngkong
dan bērtanjak. 'Alim 'ulama dan tuan Haji bērjubah hitam
dan bērsērban ('Alim 'ulama dan tuan2 Haji yang bēr-
jawatan: bērsērban kēras atau bērigal!).

(viii) Alat Isti'adat bērinai:

8 kain dukong jawatan kanak2 pērēmpuan bērdiri di-
kiri kanan pēlamin agong;

8 dian kēlopak perak jawatan kanak2 pērēmpuan;

1 orang jawatan pērēmpuan mēmēgang puan perak
tēmpat sireh;

1 orang jawatan pērēmpuan mēmēgang pahar perak
bērisi ayer tēpong tawar;

1 kētor perak;

1 tēmpat ayer suchi murni;

1 astakona perak bērisi nasi kunyit dan bunga tēlor;

4 orang jawatan lēlaki mēnyandang pēdang tērhunus
(2 orang bērdiri di-hadapan kiri-kanan pēlamin; dan
2 orang lagi di-bēlakang kiri-kanan pēnjuru pēlamin).

(ix) Isti'adat bērsanding:

Pakaian dhif2 yang hadhir: orang2 Mēlayu mēmakai
pakaian kēbangsaan warna hitam, bērbēngkong, bērtanjak
dan bērsisip kēris di-pinggang.

'Alim 'ulama dan tuan2 Haji bērjubah hitam (yang
bērjawatan: bērsērban kēras atau bērigal!).

Dhif2 dan orang2 yang berjawatan yang ada bintang2, hendak-lah memakai bintang2 kehormatan itu.

(x) Alat isti'adat bersanding:

8 kain dukong jawatan kanak2 perempuan berdiri di-kiri-kanan pelamin agong:

8 dian kelopak perak jawatan kanak2 perempuan berdiri di-kiri kanan pelamin agong itu:

1 orang jawatan perempuan memegang puan perak tempat sireh;

1 ketor perak;

1 tempat ayerambat2;

1 astakona berisi nasi kunyit berpohonkan suasa, berdaunkan perak, berbungakan emas, berbuahkan telur dan bertangkaikan perak terpacak merata nasi kunyit yang berwarna keemasan:

4 orang jawatan lelaki menyandang pedang terhunus (2 orang berdiri di-hadapan kiri kanan pelamin; dan 2 orang lagi di-belakang penjuru kiri kanan pelamin);

8 orang memegang payong obor2 kuning terkembang;

8 orang memegang lembing terchabut; dan

8 orang memegang tombak berambu.

(xi) Isti'adat penganten agong bersiram di-pancha persada:

Pakaian dhif2 yang hadir: orang2 Melayu memakai serba hitam, bertanjak, berhengkong; dan keris tersisip di-pinggang.

'Alim ulama dan tuan2 Haji berjubah hitam dan berserban (yang berjawatan: memakai serban tengang atau berigal!).

Dhif2 atau orang2 yang berjawatan yang mempunyai bintang2 kehormatan, hendak-lah di-pakai ketika isti'adat ini di-jalankan.

(xii) Alat isti'adat penganten agong bersiram:

8 dian kelopak perak jawatan kanak2 perempuan berdiri di-sakeliling panca persada:

8 kain dukong di-sandang oleh kanak2 pérempuan bérdiri di-sakéliling pancha pèrsada;

1 tempat pèrbaruan; dan

2 kèlopak perak bérésisi ayer tolak bala' dan lain2 pèralatan taman bèsiram.

(xiii) Masa gèndang2 nobat nafiri di-bunyikan di-dalam isti'adat pèrkahwinan agong:

(a) Pada masa isti'adat pèkèrjaan di-mulakan;

(b) Pada masa isti'adat mènèrima mahar;

(c) Pada masa isti'adat bèrandam;

(d) Pada masa isti'adat bèrinai bèsar;

(e) Pada masa isti'adat bèsanding; dan

(f) Pada masa isti'adat bèsiram.

KÉMAHKOTAAN YANG MAHA MULIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
SĒLANGOR

28 Jun 1961 bĕrsamaan 15 Muharram 1381



Pakaian masa raja di-mahkotakan:

i. Yang Maha Mulia Sultan memakai pakaian kĕbĕsaran diraja mĕnurut darjat kĕbĕsaran-nya bĕrsĕmayan di-atas pĕtĕra'na.

Al-Fadhil Mufti Diraja di-kĕmbari oleh mĕnteri bĕsar

tampil mēngadap sērta mēlētakkan mahkota ka-hulu Duli Yang Maha Mulia Sultan.

ii. Pakaian orang2 bēsar nēgēri lēngkap mēnurut pakaian kēbēsaran yang tēlah tērtēntu bagi mēreka sērta mēmakai bintang dan pingat kēbēsaran yang tēlah di-kurniakan kapada mēreka.

iii. Orang2 bēsar Mēlayu di-dalam isti'adat ini mēmakai pakaian kēbangsaan lēngkap dēngan bērtanjak dan bērkēris tērsisip di-pinggang (yang tēlah mēnērima bintang2 kēhor-matan atau pingat2 kēbaktian dan lain2 bintang mēsti-lah tērsēmat lēngkap di-dada).

iv. Orang2 bērjawatan kērajaan yang mēmakai pakaian sa-ragam (uniform); dan yang tēlah bēroleh bintang2 kēhor-matan atau pingat2 kēbaktian hēndak-lah tērpakai lēngkap dan kēmas di-waktu itu.

v. Orang baik2 dan tērnama mēmakai pakaian kēbangsaan mēreka masing2. Mana yang ada bintang atau pingat hēndak-lah di-sēmatkan juga kētika hadhir di-dalam isti'adat ini.

vi. Dhif2 yang di-jēmput kērana majlis kēmahkotaan di-raja itu hēndak-lah mēmakai:

(a) Orang2 Mēlayu mēmakai pakaian kēbangsaan sērta bērtanjak (tētapi di-tēgah mēmakai sa-dondon; ia-itu sa-rupa di-antara tanjak, baju dan sēluar. Di-tēgah juga mēmakai pakaian yang bērwarna putih sa-pasang atau kuning sa-pasang!)

(b) Orang2 yang bukan Mēlayu; dan tidak pula pandai mēmakai pakaian kēbangsaan (chara Mēlayu!), mēreka hēndak-lah mēmakai pakaian kēbangsaan-nya masing2 dēngan sa-lēngkap-nya.

(c) Ra'ayat jēlata yang bērjawatan rēndah di-dalam isti'adat ini mēmakai pakaian kēbangsaan-nya masing2. Tētapi bagi orang2 Mēlayu ada-lah di-

kéhendakki memakai dasar ikat pekasan atau ikatan yang berupa songkok.

Pakaian perempuan:

- i. Orang2 perempuan memakai pakaian kebangsaan mereka masing2. Tetapi bagi orang2 Melayu di-tengah memakai baju takwa, ia-itu sa-jenis baju panjang—sa-bagai kebaya laboh—yang memakai kanching berbaris di-dada dan atau di-hujung lengan baju-nya.
- ii. Bagi orang2 kebanyakan di-tengah juga memakai pakaian yang berwarna putih sa-pasang atau kuning sa-pasang, atau memakai kain yang tidak berchorak.
- iii. Sa-siapa yang membawa kain tudong mahu-lah diserahkan kepada pênjawat perempuan yang sedia menjaga dan menyimpan kain2 tudong itu hingga selesai istiadat kemahkotaan itu.

Chatetan:

Tanjak ialah sa-jenis ikatan di-képala yang menganjor ka-atas dan chondong sedikit. Sédang *dasar* ialah sa-jenis ikatan di-képala yang berpuntal bersering atau merata kerpala sahaja.

Antara nama2 ikatan *tanjak* dan *dasar* ini ialah: mumbang di-belah dus; gatang pekasan, gajah berjauang; ayam patah kepak; belah mumbang kera berjuntai; kelongsong bunga; dayang pulang panggil; dan menyongsong angin.

BUKU2 BAHAN PĒNGOLAHAN KĒMBALI

1. *'Adat Rĕsam dan 'Adat Istiadat Mĕlayu,*
Oleh: Syed Alwi Al-Hadi,
2. *Bahasa Bĕr'adat,*
Oleh: Sa'ad Shukry,
3. *Sambaan Chakap dan Pĕpatah 'Adat Mĕlayu,*
(pĕnggal kĕtiga)
Oleh: Mohd. Din Bin Ali,
4. *Pĕpatah 'Adat Mĕlayu,*
Oleh: Mohd. Din Bin Ali,
5. *'Adat2 Mĕlayu,*
Oleh: Abdul Jalul Ajm'in,
6. *'Adat Rĕsam dan Kĕbudayaan Mĕlayu,*
Oleh: Yasin dan Abdul Aziz,
7. *Kĕbudayaan Sa-pintas Lulu,*
(Pĕnggal I dan II)
Oleh: Che'gu Mahmud Bin Ahmad,
8. *Sĕjarah Mĕlayu,*
MPH. chetakan yang kĕsapoloh.